

**PROSPEK PEMAKAIAN QARINAH DAN PENDAPAT PAKAR DALAM
PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR**

NA'IMAH BINTI SULEIMAN

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PROSPEK PEMAKAIAN QARINAH DAN PENDAPAT PAKAR
DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR**

NA'IMAH BINTI SULEIMAN

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PROSPEK PEMAKAIAN QARINAH DAN PENDAPAT PAKAR
DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR**

NA'IMAH BINTI SULEIMAN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NA'IMAH BINTI SULEIMAN

(No.K.P. : 870106-23-5262)

No. Matrik: IGA100022

Nama Ijazah: SARJANA SYARIAH

Tajuk Disertasi (“Hasil Kerja ini”):

PROSPEK PEMAKAIAN *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR.

Bidang Penyelidikan: UNDANG-UNDANG ISLAM

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk Hasil Kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta Hasil Kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dari tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta Hasil Kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

ABSTRAK

Perbuatan menyihir merupakan satu perbuatan jenayah yang membawa kesan penganiayaan kepada mangsa dan menjejaskan institusi kekeluargaan bahkan boleh menggugat akidah umat Islam. Secara realitinya, terdapat banyak kes dipercayai berlaku disebabkan oleh pengaruh sihir namun pelaku sihir tidak dapat didakwa kerana kesukaran membuktikan jenayah ini di Mahkamah. Kajian ini membincangkan prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti kedudukan jenayah sihir dari perspektif Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. Kajian ini juga dijalankan untuk menilai elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir serta kebolehterimaan *qarinah* dan pendapat pakar sebagai keterangan yang relevan dalam pembuktian jenayah sihir. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam jenayah sihir di Mahkamah Syariah melalui peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005 sedia ada. Kajian dilakukan dengan menggunakan metode penyelidikan kepustakaan dan metode temubual dalam mendapatkan dan mengumpul data kemudian dianalisis melalui metode induktif dan deduktif dalam mendapatkan kesimpulan. Hasil kajian mendapati pembuktian yang melibatkan penggunaan ilmu sihir adalah suatu yang rumit tetapi pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar boleh diaplikasikan dan menjadi keterangan yang relevan untuk membuktikan seseorang terlibat dengan jenayah sihir. Berdasarkan kepada hasil kajian, pengkaji telah menggariskan beberapa isu utama dalam pembuktian jenayah sihir. Antaranya elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir, fakta-fakta yang relevan dan pembuktian fakta-fakta tersebut, tahap pembuktian jenayah sihir serta fungsi *qarinah* dan pendapat pakar bagi membentuk keterangan yang relevan dalam pembuktian jenayah sihir.

ABSTRACT

Black magic is a crime that oppresses its victims, adversely affecting the family institution and even undermining the faith of Muslims. In reality, many cases are believed to be caused by black magic but the perpetrators could not be charged due to the difficulty in proving these crimes in court. This study discusses the application of *qarinah* (circumstantial evidence) and expert opinion in black magic-related crimes. The main objective of this study is to identify the position of black magic-related crimes within the scope of Islamic criminal law in Malaysia. The study also examines the elements of crimes in black magic-related crimes and the admissibility of *qarinah* and expert opinion in proving these crimes. In addition, the study is to analyze the application of *qarinah* and expert opinion in black magic-related crimes at Syariah Court through the existing provisions in Syariah Court Evidence (Federal Territories) Act 2005. Library research and interviews are the two methods used to obtain and collect data, which was then analyzed using inductive and deductive methods to derive conclusions. The study found that the procedure in proving black magic-related crimes is highly complicated but *qarinah* and expert opinion can be admitted as relevant submissions to prove that a person is guilty. Based on the results of the study, the author has outlined several issues in an effort to prove black magic-related crimes. Among the issues highlighted include elements of crimes in black magic-related crimes, relevant facts and the proving of them, standards of proof, and the role of *qarinah* and expert opinion as relevant submissions to prove these crimes.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, petunjuk dan redha-Nya akhirnya kajian ini dapat diselesaikan dengan baik dan dengan pertolongan-Nya jua perjuangan ini dapat ditamatkan setelah sekian lama diharungi dengan ujian dan dugaan.

Pertamanya, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih pengkaji ucapkan kepada Prof. Madya Dr Ruzman Md Noor selaku penyelia bagi kajian ini atas segala tunjuk ajar, kritikan membina, bimbingan, serta dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Begitu juga tidak ketinggalan pengkaji ucapkan ribuan terima kasih kepada para penilai kajian ini iaitu Dr Siti Zubaidah Ismail selaku Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Dr Narizan Abd Rahman dan Datin Dr Paizah Ismail yang sudi memberikan komentar dan kritikan yang membina serta kata-kata peransang untuk pengkaji meneruskan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada mak, ayah, adik-beradik, saudara mara yang banyak memberikan sokongan, dorongan, kata-kata semangat dan tidak jemu mendoakan perjalanan menyiapkan kajian ini dipermudahkan. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang saling memberi sokongan dan kata-kata semangat, Afza Wahidah, Siti Nor Amirah, Mohd Taufiq, Musaiyadah, Nor Diana, Suhaimah, Ummu Zainab dan teman-teman serumah Hasniyati, Nur Izzati, Nuramera, Rozaidaa, Nur Syuhada serta rakan-rakan yang sama-sama berjuang dalam arena penyelidikan. Semoga Allah merahmati kalian.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Tidak ketinggalan pengkaji tujukan penghargaan kepada ahli akademik yang sudi

meluangkan masa untuk ditemubual dan memberikan maklumat-maklumat yang sangat berguna iaitu Dr Mahyuddin Ismail, Dr Zulfakar Ramlee, Dr Rushdi Ramli, Dr Khader Ahmad, Ustaz Samat Haron dan responden-responen yang lain. Kerjasama yang diberikan amat pengkaji hargai dan hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baik dan jasa semua.

Akhir kata, semoga kajian ini menjadi pencetus dan pendorong kepada pengkaji yang lain dalam menjalankan penyelidikan dan dapat dimanfaatkan bagi memartabatkan perundangan Islam demi menegakkan keadilan yang mutlak untuk agama, bangsa dan Negara.

NA'IMAH BINTI SULEIMAN
NO. 54, JALAN KG. MELAYU,
86000 KLUANG JOHOR
naimahsuleiman@gmail.com
011-26793679

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
Perakuan Keaslian	i
Abstrak (Bahasa Malaysia)	ii
Abstrak (Bahasa Inggeris)	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Panduan Transliterasi	x
Senarai Kependekan	xii
Senarai Lampiran	xiii
Senarai Statut	xiv
Senarai Kes	xv

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Kepentingan Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Sorotan Literatur	6
1.7	Metodologi Kajian	12
1.8	Sistematika Penulisan	16
1.9	Kesimpulan	17

BAB 2

SIHIR DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

2.0	Pengenalan	18
2.1	Konsep Sihir	19
	2.1.1 Pengertian Sihir dari Segi Bahasa	19
	2.1.2 Pengertian Sihir dari Segi Istilah	20
2.2	Sejarah Kewujudan Ilmu Sihir.	22
	2.2.1 Sejarah Kewujudan Ilmu Sihir dari Kisah-Kisah Para Nabi	27
	2.2.2 Sejarah Kewujudan Ilmu Sihir Di Segenap Tamadun Manusia	27
2.3	Bentuk Dan Tanda-Tanda Sihir	30
2.4	Sihir Dari Perspektif Islam	40
2.5	Sihir dalam Konteks Undang-Undang Jenayah Islam	45
2.6	Kesimpulan	50

BAB 3 :

ELEMEN-ELEMEN JENAYAH DALAM JENAYAH SIHIR DAN KEDUDUKAN *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KETERANGAN YANG RELEVAN DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR

3.0	Pengenalan	51
3.1	Elemen-Elemen Jenayah Dalam Jenayah Sihir	51
3.2	<i>Qarinah</i> dan Pendapat Pakar Sebagai Keterangan Yang Relevan	62
	3.2.1 <i>Qarinah</i> sebagai Keterangan yang Relevan	62
	3.2.1.1 Penerimaan Dan Penolakan <i>Qarinah</i> Sebagai Wasilah Pembuktian	64
	3.2.1.2 <i>Qarinah</i> Dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) Pindaan 2005 Dan Fakta-Fakta Berkaitan Dalam Akta Keterangan 1950.	67
	3.2.1.3 Bahagian-Bahagian <i>Qarinah</i>	69
	3.2.1.4 Syarat-Syarat <i>Qarinah</i>	71
	3.2.1.5 Fungsi <i>Qarinah</i> Dalam Sesuatu Perbicaraan.	72
	3.2.2 Pendapat Pakar Sebagai Keterangan yang Relevan	75
	3.2.2.1 Konsep Keterangan Pendapat	75

3.2.2.2	Bahagian-Bahagian Keterangan Pendapat	77
3.2.2.3	Konsep Pendapat Pakar	77
3.2.2.4	Konsep Pendapat Saksi Bukan Pakar	83
3.2.2.5	Syarat-Syarat Kelayakan Saksi Pakar	87
3.2.2.6	Fungsi Pendapat Pakar Dalam Pembuktian	89
3.3	Kesimpulan	93

BAB 4

PEMBUKTIAN DALAM KESALAHAN JENAYAH SIHIR : ANALISIS TERHADAP PEMAKAIAN *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR.

4.0	Pengenalan	94
4.1	Kerelevanan Fakta Berkaitan (<i>Qarinah</i>) Menurut Undang-Undang	95
4.1.1	Fakta Yang Relevan Dalam Jenayah Sihir Mengikut Undang-Undang	95
4.1.1.1	Dakwaan Seseorang yang Terkena Sihir	96
4.1.1.2	Seseorang yang Mempunyai Konflik atau Perselisihan Faham dengan Tertuduh	102
4.1.1.3	Penemuan Bahan-Bahan yang Mencurigakan dan Pelik	103
4.1.1.4	Gabungan Fakta-Fakta di atas Menjadi Siri Perlakuan Jenayah Sihir	104
4.2	Pembuktian Fakta Relevan Dalam Jenayah Sihir	105
4.2.1	Pembuktian Fakta Relevan Berdasarkan <i>Qarinah</i> .	106
4.2.1.1	Dakwaan Seseorang yang Terkena Sihir	106
4.2.1.2	Seseorang yang Mempunyai Konflik atau Perselisihan Faham dengan Tertuduh	107
4.2.1.3	Penemuan Bahan-Bahan yang Mencurigakan dan Pelik	108
4.2.1.4	Gabungan Fakta-Fakta di atas Menjadi Siri Perlakuan Jenayah Sihir	109
4.2.2	Pembuktian Fakta Relevan Berdasarkan Pendapat Pakar	111
4.2.2.1	Pakar Forensik	112
4.2.2.2	Pakar yang Mengetahui Selok Belok Ilmu Sihir	114
4.2.2.3	Pakar Psikologi	116
4.3	Darjah Pembuktian Bagi <i>Qarinah</i> Dan Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sihir.	118
4.4	Fungsi <i>Qarinah</i> Dan Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sihir.	124
4.4.1	Fungsi <i>Qarinah</i> Dalam Pembuktian Jenayah Sihir	124
4.4.2	Fungsi Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sihir	127

4.5	Prospek Pemakaian <i>Qarinah</i> dan Pendapat Pakar dalam Pembuktian Sihir Di Mahkamah Syariah	131
4.6	Kesimpulan	136

BAB 5

RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	137
5.1	Rumusan	138
5.2	Cadangan Dan Saranan	147
5.3	Kajian Lanjutan	155
5.4	Kesimpulan	159
	Bibliografi	160
	Lampiran	170

PANDUAN TRANSLITERASI

1. KONSONAN

HURUF ARAB	NAMA DAN TRANSKIPSI
ا, ء	a, ’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l

م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

2. VOKAL

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
Fathah َ	a	قَاتَ	qanata
Kasrah ِ	i	سَلِمَ	salima
Dammah ُ	u	جُعِلَ	ju'ila

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
أَ/إِ	ā	بَابُ	bāb
يِ	ī	وَكِيلُ	wakīl
وِ	ū	سُورَةُ	sūrah

3. DIFTONG

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi

وَ	aw	قَوْلٌ	qawl
أَيَّ	ay	خَيْرٌ	khayr
وُ	uww	قُوَّةٌ	quwwah
إِيَّ	iy/i	عَرَبِيٌّ	‘arabiy/ i

Catatan :

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui kamus dewan tidak ditransliterasikan seperti syariah, syarak, hukum, mukallaf, imam, ijtihad kecuali apabila perkataan-perkataan tersebut digunakan dalam frasa Arab seperti *ijtihād*, *al-Qurān*, *al-Hadīth*, *al-sharīah* dan lain-lain.

SENARAI KEPENDEKAN

All E.R	: All England Reports
AMR	: All Malaysia Reports
A.S.	: <i>'Alayhi Salam</i>
cet.	: cetakan
CLJ	: Current Law Journal
Cr. App.	: Criminal Appeal
ed.	: <i>edited by</i> (disunting oleh)
<i>et.al</i>	: lain-lain pengarang bersama
<i>Ibid.</i>	: <i>ibidem</i> (pada tempat yang sama)
IKIM	: Institut Kefahaman Islam Malaysia
JH	: Jurnal Hukum
L.T	: Law Times
MLJ	: Malayan Law Journal
no.	: nombor
<i>Op.cit.</i>	: <i>Opera citato</i> (dalam karya tersebut)
QB	: Queen's Bench Reports
R.A	: <i>Radiyallāhu 'Anhu/ha</i>
S.C.	: Session Cases
S.A.W	: <i>Sallahhāhu 'Alaihi wa Sallam</i>
Sdn Bhd	: Sendirian Berhad
S.W.T	: <i>Subhānahū wa Ta'ālā</i>
t.p.	: tanpa penerbit
t.t	: tanpa tahun
t.tp.	: tanpa tempat terbit
v	:versus

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 Draf Cadangan Rang Undang-Undang Jenayah Sihir
 Malaysia 2010
- Lampiran 2 Borang dan Jadual:
- Borang 1 : Borang Aduan & Siasatan Jenayah Sihir
- Borang 2 : Borang Soal Siasat Saringan Jenayah Sihir
- Jadual Pertama : Kaedah Pemujaan Dalam Ilmu Sihir
- Jadual Kedua : Alatan Sihir Yang Digunakan Berdasarkan
 Tujuan
- Lampiran 3 Soalan temubual

SENARAI STATUT

AKTA KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997 (AKTA 561)

AKTA KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN), 2005, (AKTA A1250)

AKTA KETERANGAN 1950 (AKTA 56)

AKTA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1997 (AKTA 559)

AKTA PROSEDUR JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WIAYAH PERSEKUTUAN) 1997 (AKTA 560)

AKTA PROSEDUR JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WIAYAH PERSEKUTUAN)(PINDAAN),2005, (AKTA A1252)

KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

SENARAI KES

Chan Chwen Kong lawan PP (1962) 2 MLJ 307

Dato' Mokhtar B. Hashim v Pendakwa Raya(1983) 2 MLJ 232

Davie v Edinburgh Magistrates [(1953) S.C. 34]

Juraimi B. Hussin v Pendakwa Raya (1998) 1 MLJ 537

Mohd Affandi B. Abdul Rahman & Anor v Pendakwa Raya (1998) 1 MLJ 537

Mustafa Batcha lawan Habeba Abd Rahman (1412) JH 255.

Pembantu Hal Ehwal Islam lawan Mohamed Nor Omar (1990) 7 JH 86

Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lawan Fatimah (1987) 5 JH 321

Pendakwa Syarie Kelantan lawan Yosandy Josan Dan Seorang Lagi (1994) 9 JH 206

Pendakwa Syarie Negeri Sabah lawan Rosli Bin Abdul Japar (2007) 23 JH 237

Pendakwa Raya lawan Muhammad Sulaiman [(1982) 2 MLJ 320]

Pendakwa Raya v Mat Saad Bin Mat Isa (2005) 1 AMR 29

PP v. Peter Kong [2007] 5 MLJ 567

R v Silverlock [(1894) 2 Q.B. 766]

R v Somers [(1894) 3 ALL E.R. 808]

Ramsdale v Ramsdale [173 L.T 393]

Safura Bte Ya'cob v Saripah Raziah Bte Mustafa. [2003] MLJU 9 (Malayan Unreported Judgements).

Syed Abu Bakar Bin Ahmad v PP [1984] 2 MLJ 19.

BAB SATU

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Sihir merupakan suatu perbuatan jenayah yang membawa kesan penganiayaan kepada mangsa dan menjejaskan institusi kekeluargaan. Walaubagaimanapun, hukuman terhadap penjenayah sihir masih belum dapat diwujudkan kerana terdapat segelintir pihak yang beranggapan bahawa sihir sukar dibuktikan kerana ia bersifat ghaib dan mistik. Walaubagaimanapun, sudah tiba masanya jenayah sihir dikanunkan agar pendakwaan jenayah boleh diambil terhadap pengamal sihir dan mereka yang mendapatkan khidmat sihir yang membawa niat untuk memudaratkan orang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang membangun dari sudut ekonomi mahupun sosial. Namun sejak kebelakangan ini, timbul isu berkaitan penggunaan ilmu hitam atau sihir yang seringkali menjadi topik hangat yang diperkatakan di dada akhbar. Walaupun dikelilingi oleh kemodenan dan kecanggihan dunia teknologi namun masyarakatnya masih mengamalkan amalan yang khurafat ini semata-mata untuk memenuhi kepentingan peribadi. Secara tidak langsung, ia menjejaskan kepesatan pertumbuhan ekonomi dan keharmonian masyarakat kesan daripada penyelewengan amalan tersebut. Amalan sihir telah wujud sejak berkurun lamanya dan terus berlaku tanpa mengira sama ada sesebuah negara itu maju atau mundur.

Kes-kes berkaitan sihir banyak berlaku sama ada dalam sesebuah institusi kekeluargaan¹, kerjaya dan perniagaan², industri hiburan³ dan kegiatan jenayah⁴, tiada pembelaan dapat diberikan kepada mangsa-mangsa sihir disebabkan ketiadaan garis panduan dan peruntukan undang-undang untuk mengheret pesalah sihir ke muka pengadilan. Oleh yang demikian, keperluan kepada pembanterasannya jenayah sihir melalui undang-undang antara isu yang boleh diketengahkan dan diberi perhatian.

Sehubungan dengan itu, beberapa seminar telah diadakan mengenainya antaranya adalah Muzakarah Pakar : Bentuk Sihir Pengasih dan Metodologi Diagnosis yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Selangor pada 17 Disember 2009. Selain itu, Muzakarah Pakar : Cabaran Pendakwaan Ahli Sihir di Mahkamah yang diadakan pada 21 Julai 2010 anjuran Jabatan Mufti Selangor dengan kerjasama Professional Islamic Support and Nurture Group (PISANG) telah menghasilkan satu resolusi agar kegiatan jenayah berunsurkan ilmu sihir dibasmi melalui mekanisme perundangan. Hal yang sama turut diutarakan dalam Seminar Undang-Undang Sihir yang dianjurkan oleh Kolej Antarabangsa IKIP dengan kerjasama Yayasan Pahang, Majlis Agama Islam Pahang dan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang telah diadakan pada 10 Oktober 2010.

Senario ini menunjukkan wujudnya desakan supaya penjenayah sihir dibawa ke Mahkamah untuk didakwa. Walaupun kesedaran dan desakan telah timbul, namun pihak berwajib belum mampu memenuhi kehendak tersebut kerana wujudnya halangan-halangan tertentu. Antara isu yang paling ketara ialah bagaimana ilmu dan amalan sihir dapat dibuktikan di Mahkamah? Walaupun tiada peruntukan undang-undang atau garis panduan berkaitan pembasmian jenayah sihir, namun dapat dilihat usaha-usaha yang memberangsangkan telah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu sama ada menerusi penyelidikan dan juga penerbitan. Oleh itu, kajian ini juga antara salah satu inisiatif

¹ Kes Mustafa Batcha lawan Habeba Abd Rahman (1412) JH 255.

² Siti Nadirah Hafidzin, "Ahli Majlis Perbandaran Diserang Ilmu Hitam : Bungkusannya Syaitan," *Harian Metro*, 16 Oktober 2012, 4.

³ Jamilul Anbia Md Denin dan Wan Asrudi Wan Hasan, "Awie Kena Santau Tuju-Tuju : Muntah Bulu," *Harian Metro*, 19 Januari 2012. Lihat juga kes Safura Bte Ya'cob v Saripah Raziah Bte Mustafa. [2003] MLJU 9 (Malayan Unreported Judgements).

⁴ Irman Hashim, "Geng Arab Samun Guna Pukau," *Utusan Malaysia*, 10 Disember 2009, 15. Lihat juga Fadhl Yusri, "Geng Pukau Samun Barang Kemas RM 1 j," *Berita Harian*, 10 Disember 2009, 19.

pengkaji dalam membuat penyelidikan yang berkaitan dengan prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dewasa ini, terdapat kes-kes yang berlaku tidak dapat didakwa di Mahkamah kerana ia melibatkan amalan sihir sebagaimana dalam kes Mustafa Batcha lawan Habeba Abd Rahman (1412) JH 255. Kekurangan bukti yang kukuh dan tiada keterangan oleh saksi yang didakwa menyebabkan jenayah sihir sukar untuk didakwa dan dibuktikan. Secara tidak langsung, penganiayaan dan penindasan terus berlaku tanpa diberi keadilan yang sewajarnya kepada mangsa sihir.

Terdapat juga sihir berlaku secara sukarela dan dengan relahati oleh pihak yang meminta untuk melakukan amalan kebatinan ini seperti menggunakan susuk untuk kelihatan cantik, mempelajari ilmu kekebalan untuk menjadi kuat dan sebagainya.

Oleh yang demikian, terdapat usul atau cadangan yang diutarakan oleh sesetengah pihak agar permasalahan ini dibasmi melalui mekanisme perundangan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa persoalan yang timbul. Antaranya adalah bagaimana untuk membuktikan amalan itu merupakan amalan sihir dan apakah bukti-bukti yang boleh dikemukakan di Mahkamah untuk mensabitkan seseorang itu terlibat dengan jenayah sihir?

Rasionalnya usul atau cadangan membendung amalan sihir melalui perundangan adalah untuk memberikan keadilan yang sewajarnya kepada mangsa dan ahli keluarga mangsa yang turut terlibat dalam amalan sihir serta menghukum pelaku sihir yang dengan sengaja mengamalkan sihir yang diharamkan Islam.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti kedudukan jenayah sihir dari perspektif Undang-Undang Jenayah Islam.
2. Menilai elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir serta kebolehterimaan *qarinah* dan pendapat pakar sebagai keterangan yang relevan dalam pembuktian jenayah sihir.
3. Menganalisis prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam jenayah sihir di Mahkamah Syariah melalui peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah sedia ada.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Untuk memberi sumbangan penyelidikan terhadap usul atau cadangan membendung amalan sihir melalui mekanisme perundangan.
2. Menyumbang kepada kajian ilmiah bagi membantu ahli akademik, para ulama dan pakar perundangan dalam menentukan amalan sihir sebagai suatu jenayah yang berat dan mengariskan prosedur pembuktian bagi kesalahan jenayah sihir.
3. Merungkai segala persoalan yang bersangkutan paut dengan amalan sihir yang didakwa sukar untuk dibuktikan dan menangkis segala tanggapan dengan wujudnya cara atau jalan untuk membuktikan kesalahan tersebut.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini membincangkan kaedah pembuktian yang boleh digunapakai dalam pensabitan jenayah sihir. Terdapat banyak kaedah yang boleh digunapakai untuk mensabitkan sesuatu dakwaan termasuklah kaedah yang disepakati oleh *fuqaha'* seperti *syahadah*, *iqrar* dan sumpah. Namun begitu, pengkaji mengandaikan terdapat kesukaran untuk mendapat *iqrar* dari pelaku sihir dan keterangan *syahadah* sukar ditegakkan tanpa adanya sokongan dari *qarinah* dan pendapat pakar. Oleh sebab itu, kajian ini hanya menyentuh dua bentuk keterangan iaitu *qarinah* dan keterangan pendapat pakar. Secara realitinya, terdapat banyak kes yang berlaku melibatkan pengaruh sihir namun ia tidak dapat didakwa dan dibuktikan di Mahkamah. Oleh yang demikian, tercetus difikiran pengkaji untuk meneroka dan mengkaji adakah jenayah sihir dapat dibuktikan melalui kebolehterimaan keterangan *qarinah* dan pendapat pakar di Mahkamah.

Rujukan utama perbincangan ini adalah berdasarkan kepada peruntukan yang termaktub di bawah Undang-Undang Keterangan yang merangkumi Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan)2005 dan Akta Keterangan 1950. Terdapat juga rujukan yang diambil daripada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan akta-akta lain yang berkenaan. Kes-kes yang berkaitan juga turut dihuraikan dalam kajian ini untuk menguatkan dan mengukuhkan keterangan dalam pembuktian jenayah sihir.⁵

Selain daripada rujukan undang-undang dan kes-kes berkaitan, kajian ini juga melihat kepada pandangan para *fuqaha'* berkaitan konsep sihir, hukuman mempelajari

⁵ Kes Mustapha Batcha lawan Habeeba Abd Rahman (1410) JH 41, Pendakwaraya v. Mat Saad Bin Mat Isa (2005) 1AMR 29, Dato' Mokhtar B. Hashim v. Pendakwa Raya(1983) 2 MLJ 232 dan Juraimi B. Hussin v. Pendakwa Raya, Mohd Affandi B. Abdul Rahman & Anor v. Pendakwa Raya (1998) 1 MLJ 537.

ilmu sihir dan hukuman terhadap tukang sihir serta prinsip-prinsip pembuktian yang banyak dibincangkan oleh mereka. Rujukan khusus adalah berdasarkan kepada perbincangan yang dikupas dalam kalangan mazhab-mazhab yang terdapat dalam *Ahl al-sunnah wa al-jama'ah* iaitu Mazhab *Hanafi*, Mazhab *Maliki*, Mazhab *Syafii* dan Mazhab *Hanbali*.

1.6 SOROTAN LITERATUR

Walaupun undang-undang khusus berkaitan jenayah ini belum diwujudkan, tetapi kajian ini cuba membuat analisis terhadap berdasarkan data-data yang ada pada masa kini dengan merujuk kepada kitab-kitab *muktabar* dan bahan-bahan seminar. Terdapat beberapa buah buku, artikel jurnal dan tesis yang menjadi rujukan dan panduan kepada pengkaji menyentuh aspek takrif, pengertian sihir dan sejarah amalan sihir yang diwarisi sejak berkurun lamanya serta kategori dan simptom-simptom sihir. Begitu juga, pengkaji merujuk kertas persidangan yang dibentang di seminar-seminar berkaitan prospek pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Sihir.

Konsep Sihir

Yusuf Al-Qaradhawi⁶, Wahid Abdussalam Bali⁷, dan Ibnu Qudamah⁸ telah mengungkapkan pengertian sihir yang dapat disimpulkan sebagai suatu ilmu yang dipelajari daripada guru yang mahir dengan ilmu sihir menerusi amalan kebatinan yang berlawanan dengan akidah Islam. Malahan amalan tersebut boleh merosakkan akidah seseorang dengan menggunakan jampi mantera melalui perantaraan syaitan bertujuan mendatangkan kemudaratan dan penganiayaan kepada mangsa. Kemudaratan yang terhasil berbentuk penyakit-penyakit hati atau fikiran tanpa dapat dikesan punca

⁶ Yusuf Al-Qaradhawi, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* (Damsyik : Masyurat al-Maktab al-Islamiyy, 1969), 232.

⁷ Wahid Abdussalam Bali, *Al-Sorim al-Tabar fi al-Tassodda li al-Saharati Al-Asyar*. (Jeddah : Maktabah al-Sohabah, 1992), 2-3.

⁸ Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*. (Riyadh : Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, t.t.), 10:104.

sebenarnya berlaku dan menyebabkan mangsa menderita sehingga boleh membawa maut.

Sejarah Perkembangan Ilmu Sihir

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Abd Razzak Naufal ⁹, Umar Sulayman Al-Ashqar ¹⁰ dan Walter Farber ¹¹, amalan sihir telah berlaku sejak dahulu lagi. Ilmu sihir adalah bersifat global, wujud dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di seluruh dunia tanpa mengira kedudukan sesebuah Negara sama ada mundur atau maju. Ia adalah antara ilmu tertua yang diamalkan dan diwarisi turun temurun semenjak bermulanya sejarah manusia hinggalah ke hari ini. Para sejarawan berpendapat bahawa ilmu sihir telah mula wujud sekitar 5000 tahun sebelum masihi dan telah diamalkan secara meluas dalam tamadun-tamadun manusia yang terdahulu. Sehubungan dengan itu, keutuhan institusi sihir serta konsistensi yang ditunjukkan dalam penyebarannya bukan sahaja didorong oleh kehebatan yang ditunjukkan oleh tukang sihir itu sendiri, malah turut disokong oleh pemerintah dan raja serta menjadikan tukang sihir tempat rujukan mereka.¹²

Pendapat di atas disokong oleh Donald Harper ¹³, yang mana menurut penulis, semasa pemerintahan Dinasti Han terdapat pemerintah-pemerintah yang menjadikan istana mereka sebagai lokasi perkumpulan ahli-ahli sihir dan wujudnya undang-undang berkaitan sihir. Manakala menurut Muhammad Mustafa al-Hadidi Al-Thair ¹⁴ dalam tamadun Islam, para ulama berpendapat bahawa ilmu sihir telah mula bertapak sejak zaman Nabi Idris AS iaitu ketika turunnya malaikat yang bernama Harut dan Marut di negeri Babylon kini dikenali sebagai negeri Iraq. Perkara tentang sihir kebanyakannya

⁹ Abd Razzak Naufal, *Sihir Tarut...Harut...Marut*. (Singapura : Pusaka Nasional Pte Ltd, 1982), 5.

¹⁰ Umar Sulayman Al-Ashqar, *Alam al-Sihri wa al-Shawazah* (Jordan : Dar Al-Nafais, 2002), 20.

¹¹ Walter Farber, "Witchcraft, Magic and Divination in Ancient Mesopotamia", dalam Jack M.Sasson (Ed.), *Civilization of the ancient near East* (New York : Charles Scribner's Son's,1995), 1902.

¹² *Op.cit.* Umar Sulayman Al-Ashqar, *Alam al-Sihri wa al-Shawazah* (Jordan : Dar Al-Nafais, 2002), 20.

¹³ Donald Harper, "Magic in East Asia", dalam Lawrence E.Sullivan (Ed.), *Hidden Truths : Magic, Alchemy and The Occult* (New York : MacMillan Publishing Company. 1987),97-98.

¹⁴ Muhammad Mustafa al-Hadidi Al-Thair, *Penyuluh Arwah*. (Jakarta : Pustaka Amani,1987), 101.

disebut dalam Al-Quran melalui kisah-kisah yang berlaku pada zaman nabi-nabi sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW. Antaranya ialah kisah sihir pada zaman Nabi Ibrahim, Nabi Sulaiman, Nabi Salleh, Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad SAW. Islam mengakui kewujudan ilmu sihir tetapi melarang penganutnya dari terlibat dalam amalannya.

Sihir Dari Perspektif Islam Dan Barat.

Abi Abdullah Muhammad al-Zahabiy¹⁵, Abdul Basir Mohamed¹⁶ dan Haron Din,¹⁷ menjelaskan bahawa sihir merupakan amalan yang dilarang dalam Islam dan tergolong dalam kategori dosa-dosa besar. Menurut mereka, seseorang yang menyihirkan orang lain dapat menyebabkan kafir dan menjadi syirik kepada Allah. Oleh sebab itu, hukum terhadap amalan sihir adalah haram.

Kenyataan di atas telah disokong oleh beberapa tokoh-tokoh Islam iaitu Al-Imam An-Nawawi¹⁸ dan Ibnu Qudamah¹⁹ yang menyatakan bahawa mempelajari, mengajarkan dan mengamalkan sihir adalah haram dan pekerjaan yang merosakkan akidah. Tambahan pula, sihir adalah amalan yang ditegah pada pandangan sarjana Barat. Menurut Richard Kieckhefer²⁰ dalam bukunya "*Magic in the Middle Ages*" dengan menyatakan bahawa semasa zaman kegelapan Eropah, pihak gereja Barat telah mengambil pendekatan mengawal kegiatan amalan sihir dari sudut keagamaan. Ramai raja dan pemerintah ketika itu turut membantah penggunaan sihir dalam masyarakat. Menurut Martin Luther²¹, amalan sihir pada zaman itu adalah satu perkara yang lumrah

¹⁵ Abi Abdullah Muhammad al-Zahabiy, *Al-Kabair*. (Beirut : Dar Ihya' al-'Ulum, 1998), 14-18.

¹⁶ Abdul Basir Mohammed, *Amalan Sihir dan Ayat-Ayat Al-Quran : Perbezaannya serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. (Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 9.

¹⁷ Haron Din, "Sihir: Kesannya Kepada Aqidah Dan Bagaimana Mengatasinya" (Kertas Persidangan Muzakarah Pakar : Bentuk-Bentuk Sihir Pengasih & Metodologi Diagnosis, Jabatan Mufti Selangor, Selangor, 17 Disember 2009).

¹⁸ Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari Bi Syarh al-Bukhari* (Mesir : Syirkah Maktabah wa Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh, 1959), 12 : 225

¹⁹ Ibnu Qudamah, *Al-Mughni*. (Riyadh : Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, t.t.), 106.

²⁰ Richard Kieckhefer, *Magic in the middle ages*. (Great Britain : Cambridge University Press, 1989), 7.

²¹ Susan C. Karant-nunn dan Merry E. Wiesner-Hanks, *Luther on Women : A Sourcebook*. (Cambridge : Cambridge University Press, 2003).

dan beliau menetapkan hukum bakar hidup-hidup ke atas pengamalnya. Hukuman seumpama ini juga termaktub dalam kod Visigoth.

Bentuk Dan Tanda-Tanda Sihir.

Menurut Ahmad Dusuki Abd Rani ²² dan Hanafi Rahman ²³, amalan sihir boleh dikenalpasti berdasarkan tanda-tanda dan jenis sihir yang ditujukan kepada mangsa. Tujuan sihir itu ditujukan kepada mangsa berpunca daripada perasaan dengki, cemburu, cinta dan kasih yang wujud pada diri manusia. Terdapat pelbagai jenis sihir antaranya ialah sihir pemisah atau penceraian yang berlaku bagi meruntuhkan institusi kekeluargaan. Selain itu, sihir pukau pula seringkali berlaku sama ada melalui pandangan mata dan juga sentuhan yang menyebabkan seseorang itu tidak mampu bertindak balas manakala sihir pengasih (penunduk) menyebabkan mangsa sihir berlebih-lebihan mencintai dan memberi ketaatan kepada pasangannya. Penulis juga telah menggariskan tanda-tanda umum seseorang itu terkena sihir seperti mengalami mimpi yang menakutkan, sakit dada dan resah sepanjang senja serta mula melihat perkara-perkara ghaib. Selain itu, terdapat juga tanda yang pelik berlaku apabila sekitar rumah berbau kemenyan, hanyir, wangi dan sebagainya. Melalui tanda-tanda tersebut, maka seseorang yang pakar dalam perkara ini dapat mengenalpasti atau diagnosis seseorang yang menderita buatan sihir.

Prospek Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Sihir

Mahyuddin Bin Ismail²⁴ membincangkan kebolehterimaan pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Sihir di Malaysia dengan mengupas isu dan cabaran kepada pelaksanaan undang-undang tersebut. Persoalan berkaitan kewujudan ilmu sihir, kebolehgunaannya serta metodologi penghasilannya diperbincangkan bagi menggambarkan bahawa jenayah sihir sebagai suatu yang bersifat realistik dan boleh

²² Ahmad Dusuki Abd Rani, "Mengenalpasti Bentuk Sihir dan Tanda-Tanda Sihir"(Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

²³ Hanafi Rahman El-Fesfaji, "Bentuk-Bentuk Sihir Pengasih Dan Metodologi Diagnosis"(Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir Di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

²⁴ Mahyuddin Ismail, "Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Sihir Di Malaysia : Isu Dan Cabarannya" (Kertas persidangan, Seminar Undang-Undang Jenayah Sihir, Kolej Antarabangsa IKIP, Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 11 Oktober 2010).

didakwa di Mahkamah. Berdasarkan kajian yang dibuat Mahyuddin Bin Ismail, penulis berpendapat bahawa langkah-langkah proaktif perlu diambil bagi menutup pintu yang menjadi laluan kepada berleluasanya amalan sihir dengan mewujudkan satu undang-undang khusus berkaitan jenayah sihir. Pelaksanaan undang-undang jenayah sihir diharap dapat mengheret pengamal ilmu sihir ke muka pengadilan dan menghukum mereka yang terlibat sama dengan hukuman yang setimpal dengannya.

Mahyuddin Ismail telah mengupas isu rumahtangga iaitu berkaitan perkahwinan dan perceraian disebabkan pengaruh sihir. Dakwaan 'kena sihir' boleh dijadikan sebagai satu pembelaan dalam kes-kes perceraian di Mahkamah Syariah melalui pandangan *syara'* berhubung pembelaan dalam keadaan akal tidak sempurna. Dalam kajian ini, penulis telah meneliti beberapa kes bagi menjustifikasikan wujudnya dakwaan tersebut dan mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh dijadikan panduan dalam menentukan kesahihan dakwaan tersebut. Antara cadangan yang dimuatkan dalam kajian ini adalah melalui Prosedur Kendalian Standard (S.O.P), keperluan meminta pendapat pakar dan meneliti pendekatan yang diambil oleh hakim-hakim dalam membuat pertimbangan terhadap dakwaan tersebut. Justeru, kajian yang mendalam bagi mewujudkan satu garis panduan bagi menyiasat dakwaan tersebut bukan sahaja dapat memberi keadilan kepada semua pihak, malah dapat melindungi kepentingan dan akidah umat Islam.²⁵

Nor Azian Bt. Abd Rahman²⁶ dalam kajiannya yang bertajuk "*Metodologi Pendakwaan Dan Pembuktian Sihir Berdasarkan Fakta Syariah Dan Sains*" telah menekankan aspek pembuktian sihir melalui tanda-tanda dan simptom sihir apabila wujudnya kesan-kesan yang boleh dilihat secara fizikal sama ada oleh mangsa atau

²⁵ Mahyuddin Ismail, "Dakwaan Penggunaan Ilmu Sihir Dalam Kes-Kes Perkahwinan Dan Perceraian Di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Satu Prosedur Kendalian Standard (S.O.P)"(Kertas persidangan, in 2nd International Seminar In Shariah and Common Law (ISCOL), Universiti Sains Islam Malaysia, 6 Mac 2012). Dan Mahyuddin Ismail, "'Kena Sihir' Sebagai Satu Pembelaan Dalam Kes Perceraian: Analisa Dari Sudut Hukum Syara' Dan Pengaplikasiannya Di Mahkamah Syariah Di Malaysia"(Kertas Persidangan, in World Conference In Islamic Thought 2012, Kinta Riverfront Hotel, Ipoh, 11 Sept 2012).

²⁶ Nor Azian Abd Rahman, "Metodologi Pendakwaan Dan Pembuktian Sihir Berdasarkan Fakta Syariah Dan Sains"(Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

orang-orang di sekeliling mangsa seperti lebam yang mempunyai kesan gigitan, bengkak pada anggota tubuh dan sebagainya. Apabila tanda atau simptom sihir dapat dikesan maka penyiasatan akan dilakukan iaitu dengan menggabungkan kaedah syariah dan sains. Penulis telah menyentuh kaedah syariah melalui bacaan *ruqyah* dan tepukan yang boleh mengesan seseorang itu terkena sihir. Selain itu, rakaman video dan penemuan bahan-bahan sihir juga boleh dijadikan bahan bukti penyiasatan sihir. Metode kebarangkalian adalah salah satu metode yang diperkenalkan oleh penulis bagi mensabitkan suspek dengan kesalahan sihir. Metode ini digunakan bagi mendapatkan keterangan dan melaksanakan pendakwaan sihir dengan mengambil kira keseimbangan dalam kebarangkalian yang dikemukakan.

Manakala menurut Zulfakar Ramlee Saad²⁷ dalam artikelnya yang bertajuk “*Pendakwaan Jenayah Sihir: Prinsip-Prinsip Pembuktian Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah*”, prinsip-prinsip pembuktian yang termaktub di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah yang boleh diaplikasikan dalam kesalahan sihir bagi membendung fenomena tersebut. Beliau telah menggariskan jenis-jenis keterangan yang dapat digunapakai dalam mensabitkan jenayah sihir. Antaranya keterangan melalui *qarinah* iaitu fakta-fakta yang berkaitan sama ada melalui lisan, perbuatan, niat atau motif, keadaan persekitaran dan pandangan atau pendapat.

Penulis berpendapat bahawa *qarinah* merupakan kaedah pembuktian yang sangat sesuai digunakan kerana keluasan skopnya dan mudah diperolehi ketika keterangan langsung (*iqrar* dan *shahadah*) sukar diperolehi. *Qarinah* terdiri daripada *qarinah* yang dialami oleh mangsa sihir dan memberi kesan kepadanya apabila ianya tidak dapat didiagnosis oleh doktor perubatan. Namun apabila dirawat melalui kaedah perubatan Islam, mangsa menunjukkan tanda-tanda kesembuhan.

²⁷ Zulfakar Ramlee Saad, “Pendakwaan Jenayah Sihir : Prinsip-Prinsip Pembuktian Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah” (Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

Selain itu, motif juga merupakan *qarinah* yang kuat dalam pendakwaan jenayah sihir seperti balas dendam, dengki, iri hati dan sebagainya. Namun, pihak pendakwaan mestilah menggabungkan *qarinah* motif dengan *qarinah* yang lain. Keterangan melalui *Ra'yu al-Khabir* (pendapat pakar) juga boleh digunapakai dalam mensabitkan jenayah sihir yang mana mahkamah syariah telah menerima pendapat pakar sejak tahun 1990.²⁸ Selain itu, penulis juga telah menggariskan keterangan yang boleh diambil berdasarkan keterangan forensik dengan menerimapakai hasil ujian DNA di Mahkamah.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perbezaan antara kajian ini dengan kajian-kajian lepas adalah kajian ini menjurus kepada prospek pemakaian keterangan *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir melalui pemakaian peruntukan yang termaktub di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 sedia ada. Pengkaji mengaplikasikan peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut iaitu fakta-fakta relevan dengan pemakaian keterangan *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir. Pada pengamatan pengkaji, kajian ini berbeza dengan kajian-kajian lepas kerana kajian-kajian lepas tiada menyentuh atau mengaitkan peruntukan undang-undang keterangan sedia ada dengan pembuktian jenayah sihir berdasarkan keterangan *qarinah* dan pendapat pakar.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat pengumpulan data dan penganalisan data. Pada peringkat pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan penyelidikan kepustakaan dan penyelidikan lapangan iaitu metode temubual. Manakala bagi penganalisan data pula pengkaji menggunakan metode induktif dan deduktif bagi menganalisis data yang diperolehi hasil daripada metode pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan dan kajian lapangan.

²⁸ Lihat kes Mustafa Batcha lawan Habeeba Abd Rahman (1412) JH 255.

1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data

i. Penyelidikan Kepustakaan

Menjadi keutamaan bagi pengkaji menentukan sumber rujukan yang diperlukan dalam kajian ini dari semua bidang dan kemudiannya menggumpulkan bahan-bahan berkaitan. Pengumpulan bahan ini merangkumi sumber-sumber silam dan semasa dengan menjadikan asas al-Quran dan al-Sunnah sebagai dasar yang tetap dalam menjelaskan amalan sihir yang ditegah dalam syariat Islam. Sumber-sumber itu merangkumi kitab-kitab tafsir, hadis dan syarahnya serta kitab-kitab *fiqh* empat Mazhab. Manakala bagi penulisan semasa pengkaji merujuk beberapa buah buku yang berkaitan dengan kajian ini.

Pengkaji telah mengkaji peruntukan perundangan dan kes-kes yang berkaitan dengan tajuk kajian. Statut-statut yang berkaitan antaranya seperti Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005, Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Selain itu, data-data dan maklumat mengenai kes-kes yang berkaitan dikumpulkan melalui bahan-bahan bercetak dalam jurnal iaitu *Malayan Law Journal*, *Current Law Journal*, *Jurnal Syariah*, *Jurnal Hukum*, *IKIM Law Journal*, *KANUN* dan *All Malaysia Report* serta artikel-artikel yang dibukukan.

Pengkaji juga menjadikan rujukan dan pandangan penulisan akademik sebagai sumber rujukan yang penting dalam kajian ini seperti artikel-artikel di dalam *Jurnal Hukum*, *Jurnal Syariah*, *Jurnal Undang-Undang IKIM*, artikel persidangan atau seminar dan maklumat-maklumat dari laman sesawang bagi memahami gambaran mengenai amalan sihir dan kesannya kepada institusi kekeluargaan dan masyarakat.

Pencarian bahan-bahan rujukan tersebut dilakukan dengan mendapatkannya di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-Undang Universiti

Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM).

ii. Penyelidikan Lapangan

Metode Temubual

Temubual merupakan interaksi bersemuka antara penemubual dan responden. Temubual dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat daripada responden kajian secara lisan.²⁹ Menurut Denzin (2001), temubual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar mengenai suatu fenomena.³⁰

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas, pengkaji menggunakan metode temubual dengan menggunakan teknik berstruktur dan separa struktur untuk memperolehi maklumat yang diperlukan. Responden yang ditemubual terdiri daripada tiga kategori iaitu kategori pertama terdiri daripada ahli-ahli akademik yang berkepakaran dalam bidang undang-undang Keterangan, undang-undang Jenayah Islam dan pengamal undang-undang. Antara responden yang ditemubual yang tergolong dalam kategori ahli-ahli akademik adalah seperti Mahyuddin Ismail³¹, Zulfakar Ramlee Saad³² dan Rushdi Ramli³³, manakala pengamal undang-undang yang ditemubual terdiri daripada para hakim dan peguam. Kategori kedua terdiri daripada pengamal-pengamal perubatan Islam iaitu Ustaz Samat Bin Haron dan Khadher Bin Ahmad³⁴. Kategori terakhir terdiri daripada mangsa-mangsa sihir yang pernah mengalami gangguan sihir. Walaubagaimanapun, responden yang terdiri daripada pengamal undang-undang dan mangsa sihir tidak dinyatakan nama mereka atas persetujuan

²⁹ Chua Yan Piaw, *Kaedah penyelidikan*, ed. ke-2. (Kuala Lumpur :McGraw-Hill Sdn Bhd, 2011), 128.

³⁰ N.K. Denzin, *Handbook of Qualitative Research*, ed. ke-2.(Thousand Oaks, CA : Sage Publications Ltd, 2001).

³¹ Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

³² Penolong Pensyarah, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

³³ Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

³⁴ Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

bersama dan faktor menjaga kerahsiaan. Responden-resonden yang dipilih adalah berdasarkan kepada kepakaran dan kemahiran khusus dalam bidang-bidang tertentu yang dimiliki oleh mereka.

1.7.2 Kaedah Penganalisaan Data

i. Metode Induktif

Metode ini diaplikasi dengan cara menganalisa data melalui pola berfikir dengan mengambil kesimpulan dari hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada hal yang bersifat umum. Metode induktif ini digunakan ketika pengkaji menggarap data untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan adakah jenayah sihir boleh dibuktikan dan adakah keterangan *qarinah* dan pendapat pakar relevan digunapakai dalam pembuktian jenayah sihir? Oleh yang demikian, metode ini diaplikasikan dalam Bab 4 iaitu data diperolehi ketika pengkaji menemubual para responden berkaitan prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir.

ii. Metode Deduktif

Metode ini diaplikasi dengan cara menganalisa data melalui pola berfikir dengan mengambil kesimpulan dari hal yang bersifat umum untuk sampai kepada hal yang bersifat khusus, yang kemudiannya dianalisis bagi membentuk rumusan berkaitan sesuatu perkara yang dikaji. Metode deduktif diaplikasi ketika membuat analisis terhadap kes-kes di Mahkamah yang wujud unsur-unsur sihir. Sebagai contoh, dalam kes PP lawan Mat Saad Mat Isa.³⁵ Kes ini merupakan kes pembunuhan dan tertuduh disabitkan dengan kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302, Kanun Keseksaan dan boleh dijatuhkan hukuman 20 tahun penjara. Walaubagaimanapun, apabila dianalisis, fakta kes menunjukkan wujudnya kejadian sihir yang digunakan oleh tertuduh kepada mangsa tetapi cubaan tersebut gagal dan mangsa kemudiannya dibunuh. Namun, kes ini tidak disabitkan atas sebab wujudnya unsur sihir kerana tiada bukti yang dapat

³⁵ (2005) 1 AMR 29

dikemukakan di Mahkamah. Metode ini dianalisis dalam Bab 3 pada bahagian elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir.³⁶

1.8 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini mempunyai 5 Bab. Bab pertama merupakan pendahuluan yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, penerangan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam menjayakan kajian serta kajian lepas.

Bab kedua pula membincangkan mengenai landasan teori penulisan ini. Bab ini merupakan pengenalan kepada teori kajian iaitu memberi penjelasan mengenai definisi dan takrifan sihir, sejarah kewujudan amalan sihir serta tanda-tanda dan simptom sihir. Dalam bab ini juga pengkaji mengupas topik berkaitan sihir dari perspektif Islam dan Undang-Undang Jenayah Islam.

Dalam bab ketiga pula, pengkaji akan memberikan penjelasan mengenai elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir dan pengaplikasian keterangan *qarinah* dan pendapat pakar dalam membuktikan jenayah sihir.

Bab keempat pula ialah intipati kepada permasalahan kajian ini. Pengkaji akan menganalisis data yang diperolehi hasil temubual dengan responden-responden yang terlibat iaitu berkaitan prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir dan pandangan mereka mengenai kebolehterimaan kedua-dua keterangan ini dalam mensabitkan jenayah sihir.

Bab yang terakhir iaitu bab lima pula merupakan penutup dalam kajian ini yang mana ia merangkumi rumusan dan cadangan pengkaji berdasarkan kajian yang dilakukan.

1.9 KESIMPULAN

³⁶ Bab 3, pada bahagian Niat Jahat atau *Mens Rea* dalam Jenayah Sihir, 60.

Secara keseluruhannya, kajian ini merupakan rangka kerja bagi pengkaji dalam menjalankan penyelidikan akan datang dengan memberikan gambaran umum terhadap latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian serta metode pengumpulan data dan analisis data. Secara umumnya, kajian ini akan merungkai segala persoalan berkaitan prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir. Antara aspek-aspek yang dikaji ialah prinsip-prinsip pembuktian yang dapat diaplikasi dalam kesalahan sihir dan bentuk-bentuk keterangan yang relevan dalam pembuktian jenayah sihir yang dapat mencetuskan satu perundangan yang unggul dan berlandaskan keadilan. Diharap, kajian ini akan berjaya dilaksanakan dan dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

BAB DUA

BAB DUA

SIHIR DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

2.0 PENGENALAN

Isu berkaitan penggunaan ilmu sihir merupakan suatu amalan yang tidak asing dalam kalangan masyarakat. Punca utama seseorang itu menggunakan ilmu sihir adalah disebabkan kepentingan peribadi yang melibatkan penyakit hati dan pemikiran. Umpamanya, seseorang yang cemburu dan iri hati dengan kejayaan dan kemewahan orang lain akan bertindak menggunakan ilmu sihir untuk menentang mangsanya bagi memuaskan hati mereka. Pengamal sihir beranggapan bahawa ilmu sihir dapat menyembunyikan perbuatan dan menyelamatkan mereka daripada didakwa. Tanggapan tersebut dibuat disebabkan ilmu sihir merupakan ilmu yang sukar ditanggapi oleh pancaindera dan bersifat halus. Namun, kesannya kepada mangsa akan kelihatan bahkan secara tidak langsung mangsa akan mengalami kesakitan dan akhirnya boleh menyebabkan kematian. Begitu juga perbuatan ini dilakukan atas permintaan oleh orang yang mahukan dilihat cantik, mendapat kekayaan, kekuasaan dan lain-lain hajat melalui jalan yang boleh menjebakkan diri kepada syirik.

Bab ini secara khusus menghuraikan secara menyeluruh konsep dan pengertian sihir. Perbincangan dilanjutkan dengan sejarah kewujudan amalan sihir dan bentuk sihir serta tanda-tandanya. Kemudian pengkaji mengupas topik sihir pada perspektif Islam berkaitan pengharaman sihir berdasarkan dalil Al-Quran dan Sunnah berserta pandangan *fuqaha'* mengenainya. Seterusnya, sihir dalam Undang-Undang Jenayah

Islam yang menjelaskan mengenai kesalahan sihir dan hukumannya. Huraian ini bertujuan untuk menjelaskan semua aspek jenayah sihir yang menjadi kesalahan dan boleh dihukum. Data ini penting untuk menentukan apakah sebenarnya elemen yang terdapat dalam jenayah ini dan pertimbangan dalam bab-bab berikutnya akan menentukan elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir dan bagaimanakah jenayah ini boleh disabitkan.

2.1 KONSEP SIHIR

Perbincangan ini dimulakan dengan huraian berkaitan pengertian sihir dari segi bahasa dan istilah. Seterusnya, dalil atau asas pengharaman sihir akan dijelaskan pada bahagian sihir pada perspektif Islam. Kemudian diikuti dengan sihir menurut hukum jenayah Islam yang menjelaskan berkaitan sihir pada jenayah Islam dan hukuman yang akan dikenakan atas kesalahan sihir.

2.1.1 Pengertian Sihir Dari Segi Bahasa

Perkataan sihir berasal dari bahasa Arab iaitu السحر yang membawa maksud ubat “guna-guna”, hikmat dan kebinasaan.³⁷ Berdasarkan pengertian tersebut, maka sihir boleh disimpulkan sebagai ubat “guna-guna” atau mantra yang mempunyai hikmat melalui perantaraan syaitan dengan tujuan untuk mendatangkan kebinasaan dan kemudaratan kepada manusia. Sihir adalah amal perbuatan yang dilakukan dengan mendekatkan diri kepada syaitan dan dengan pertolongan daripadanya. Asal perkataan ‘sihir’ ialah memesongkan sesuatu dari hakikatnya kepada selainnya seolah-olah penyihir melihat kebatilan dalam bentuk kebenaran dan membayangkan sesuatu tidak menurut yang sebenarnya.³⁸

Manakala Syamir meriwayatkan hadis daripada Abi Syaibah menyatakan bahawa orang Arab menamakan sihir dengan sihir kerana ia mengubah kesihatan

³⁷ Al-Sheikh Mohd Idris Abdul Rauf Al-Marbawi, *Kamus Idris Al-Marbawi* (Kuala Lumpur : Darul Fikri Sdn Bhd,1990).

³⁸ Ibnu Manzur, *Lisan al- 'Arab* (Beirut : Dar al-Sadir,1956), 348.

menjadi penyakit.³⁹ Kenyataan tersebut diungkapkan bagi menyatakan bahawa sihir tidak mendatangkan manfaat namun cenderung membawa kemudharatan. Terdapat pengertian yang hampir sama yang dipetik oleh *fuqaha'* seperti Ibnu Faris yang menyatakan bahawa sihir adalah mengeluarkan kebatilan dalam bentuk kebenaran.⁴⁰ Selain itu, berdasarkan *Kitab Al-Mu'jam al- Wasit* menyebut sihir ialah sesuatu yang lembut pengambilannya atau dengan kata lain satu cara yang amat unik serta halus sekali.⁴¹ Manakala di dalam *Kitab Muhit al-Muhit* telah mendefinisikan sihir sebagai satu perbuatan mengeluarkan sesuatu dalam bentuk penampilannya yang terbaik sehingga mempersonakan.⁴²

2.1.2 Pengertian Sihir Menurut Istilah

Terdapat beberapa tokoh Islam yang telah mengungkapkan pengertian sihir. Antaranya menurut Fakhruddin Al-Razi, sihir bermaksud segala sesuatu yang sebabnya tersembunyi dan digambarkan tidak seperti hakikat yang sebenarnya serta berlangsung melalui tipu daya.⁴³

Tambahan pula, menurut Abdul Rahman Juza' dalam bukunya *Al-Jinayah bi as-Sihr Hukmuha wa 'Uqubatuha* menyatakan bahawa sihir adalah sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh manusia untuk mencapai sesuatu tujuan, yang dilakukan dengan cara menghampiri diri kepada syaitan iaitu hanya dengan bantuan daripada syaitan sahaja manusia mampu melakukannya. Perkara tersebut didasari oleh tujuan yang jahat dan mempunyai hati yang kotor.⁴⁴

Selain itu, Ibnu Qudamah Al-Maqdisi menyatakan sihir adalah simpulan, guna-guna, mantera yang diucapkan atau ditulis dengan melakukan sesuatu perbuatan yang memberi pengaruh kepada anggota tubuh seseorang yang menjadi sasaran sihir tersebut, sedangkan semua itu dilakukan secara tidak langsung. Ianya memberi kesan kepada

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Ahmad Ibn Muhammad Fayyumi, *Al-Misbah al-Munir: Mu'jam 'Arabi-'Arabi* (Beirut: Maktabat Lubnan, 1987), 267.

⁴¹ Ibrahim Mushthafa, *Al-Mu'jam al-Wasit* (Istanbul : Dar al-Da'wah, 1990), 2:419.

⁴² Butrus Ibn Bulus Bustani, *Muhit al-Muhit : Qamus Mutawwal lil Lughah al-'Arabiyah* (Beirut : Maktabat Lubnan, 1977), 399.

⁴³ Ahmad Ibn Muhammad Fayyumi, *Al-Misbah al-Munir: Mu'jam 'Arabi-'Arabi* (Beirut: Maktabat Lubnan, 1987), 268.

⁴⁴ Abd Rahman Bin Juza, *Al-Jinayah bi al-Sihr Hukmuha wa 'Uqubatuha wa Turuqu Ithbatiha wa ba'd Tatbiqatiha fi al-mahakim al-Syar'iyyah* (Ar-Riyadh : Dar al-Asimah, 2001), 29.

mangsa seperti seseorang itu akan jatuh sakit sehingga boleh menyebabkan kematian, menjejaskan institusi kekeluargaan dan sebagainya.⁴⁵

Sementara itu, Ibnu Qayyim pula berpendapat bahawa sihir itu adalah suatu pemujaan terhadap roh-roh jahat disamping mengharapkan kesaktian luar biasa darinya.⁴⁶ Tambahan lagi, Al-Qurtubi berpandangan bahawa sebahagian dari jenis sihir memiliki pengaruh terhadap hati seseorang seperti perasaan cinta, benci, mendapatkan kebaikan dan musibah, bahkan mampu memberi kesan kepada anggota badan. Beliau mengungkapkan sihir merupakan suatu perkara yang tidak nampak pada pandangan kasar manusia tetapi mampu dimiliki bagi mereka yang berusaha untuk menyakiti orang lain seperti mengganggu kesihatan, harta kekayaan atau hubungan antara manusia dengan menggunakan mantera dan alat-alat khusus.⁴⁷

Sehubungan dengan itu, memetik takrifan daripada Ibnu Khaldun yang menyatakan bahawa sihir adalah ilmu untuk menghasilkan kesan negatif ke atas mangsa dengan menggunakan anasir-anasir jahat dari kekuatan kuasa ghaib (mahluk halus) bagi tujuan jahat secara tersembunyi.

Walaubagaimanapun, terdapat pengertian sihir yang dikemukakan oleh sebahagian ahli akademik kontemporari seperti Sheikh Wahid Abdul Salam al-Bali yang menyatakan bahawa sihir adalah persepakatan atau permuafakatan antara penyihir dengan syaitan dengan syarat tukang sihir itu melakukan perbuatan-perbuatan yang diharamkan atau syirik sebagai balasan bantuan dan kepatuhan syaitan kepadanya.⁴⁸

Definisi yang hampir sama telah diungkapkan oleh Mahyuddin Ismail dengan menyatakan sihir merupakan ilmu yang menghasilkan kesan luar biasa yang tidak dapat

⁴⁵ Ibnu Qudamah, *Al-Mughni* (Riyadh : Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, t.t.), 104.

⁴⁶ Muhammad Abd al-Wahhab, *Mukhtasar Zad al-Ma'ad lil Imam Ibn Qayyim al-Jawziyah* (Beirut : al-Maktab al-Islami, t.t.), 127.

⁴⁷ al-Hakim Tawfiq, *Mukhtar Tafsir Al-Qurtubi : al-Jami' li-ahkam al-Quran li-Abi Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi*. (Kaherah : al-Hay'ah al-Misriyah al-Ammah lil-Kitab, 1977).

⁴⁸ Sheikh Abdul Wahid Salam Al-Bali, *Sihir Dan Pengubatannya Menurut Islam*, terj. Annur Rafiq Shaleh Tamhid (Kuala Lumpur : Crescent News Sdn Bhd, 2002), 1 : 2-3.

diterangkan puncanya secara logik, terhasil melalui penglibatan jin, syaitan dan iblis dengan menggunakan peralatan dan kaedah yang khusus.⁴⁹

Begitu juga takrif sihir yang dinyatakan oleh Amran Kasimin mempunyai persamaan dengan kedua-dua definisi di atas. Menurut beliau, sihir adalah satu amalan jahat manusia yang dibantu dan disokong oleh jin-jin yang terdiri daripada iblis dan syaitan, yang dilakukan secara tersembunyi dan rahsia serta tidak mudah diketahui umum, yang melahirkan natijah di luar kebiasaan ataupun mencarik adat yang mana amalan ini mampu berlaku berulang-ulang kali.⁵⁰

Oleh yang demikian, berdasarkan pengertian yang dinyatakan di atas, maka dapat disimpulkan di sini bahawa sihir merupakan suatu ilmu dan amalan yang menghasilkan kesan luar biasa yang berlawanan dengan akidah Islam melibatkan perantaraan jin dan syaitan dengan menggunakan peralatan dan kaedah yang khusus dalam pelaksanaannya.

2.2 SEJARAH KEWUJUDAN ILMU SIHIR

Pada bahagian ini, pengkaji membincangkan berkaitan sejarah kewujudan ilmu sihir berdasarkan kisah-kisah para nabi iaitu kisah pada zaman Nabi Sulaiman, Nabi Musa dan Nabi Muhammad SAW. Kemudian, perbincangan diteruskan dengan sejarah kewujudan ilmu sihir di segenap tamadun manusia merangkumi tamadun Mesopotamia, Mesir, Rom dan Yunani serta Tamadun Asia. Kupasan dibuat berdasarkan bagaimana ilmu sihir mula bertapak dan berkembang pada tamadun-tamadun yang disebutkan itu.

2.2.1 Sejarah Kewujudan Ilmu Sihir Dari Kisah-Kisah Para Nabi.

Ilmu sihir telah wujud di dalam sejarah umat Islam sejak zaman dahulu lagi. Fenomena ini bukan sekadar mitos atau fantasi tetapi ia merupakan suatu realiti dalam kehidupan manusia sejagat. Malah Allah SWT telah berfirman di dalam kitab sucinya

⁴⁹ Mahyuddin Ismail, *Ahli Sihir Ke Tali Gantung* (Kuala Lumpur: PTS Millennia, 2011), 5.

⁵⁰ Amran Kasimin, *Sihir Suatu Amalan Kebatinan* (Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, 2009), 34.

Al-Quran tentang beberapa kisah sihir terutamanya yang berlaku pada zaman Nabi Sulaiman, Nabi Musa dan Nabi Muhammad SAW yang dapat membuktikan bahawa sihir benar-benar wujud dan dirakamkan di dalam surah al-Baqarah, Yunus, Taha dan al-A'raf.

i) Sihir Pada Zaman Nabi Sulaiman

Al-Tabari dalam mentafsirkan ayat 102 surah al-Baqarah menceritakan bahawa pada zaman Nabi Allah Sulaiman AS syaitan boleh naik ke langit. Mereka mengintai-intai dan mencuri dengar akan perintah Allah SWT kepada malaikat tentang urusan dunia.

Berita-berita tentang maut, hujan, kelahiran dan sebagainya diketahui melalui perbualan para malaikat sesama mereka. Kemudian syaitan turun ke bumi untuk mengkhabarkannya kepada tukang tenung dan ahli nujum dengan menokok tambah apa yang didengari itu.⁵¹ Lalu ahli-ahli sihir tersebut menulis semua berita tersebut dan menyampaikannya kepada orang ramai tentang peristiwa yang bakal berlaku. Dengan itu tersebarlah berita bahawa syaitan mengetahui perkara ghaib.⁵²

Firman Allah SWT :

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ

أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

al-Naml 27:65

Maksudnya : katakanlah, "Tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah", dan mereka tidak mengetahui bila mereka akan dibangkitkan.

Rentetan daripada peristiwa ini, Allah SWT mengutus Nabi Sulaiman AS untuk menangani masalah tersebut. Baginda telah mengumpulkan kitab-kitab sihir itu dan meletakkannya ke dalam sebuah peti. Kemudian peti tersebut ditanam di bawah takhta Baginda. Syaitan dan kaum kerabatnya tidak boleh menghampiri peti tersebut. Kalau dihampiri juga, mereka akan terbakar. Selain itu, al-Tabari menceritakan jika ada

⁵¹ Al-Tabari, *Jami' al-Bayan 'an-Ta'wil Ay al-Quran*, cet. 3 (Kaherah : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1968). 1:445.

⁵² Al-Nasafi, *Madarik al-Tanzil Wa Haqa'iq al-Ta'wil* (Misr: Dar al-Kutub 'al-Arabiyyah al-Kubra, t.t.), 73.

sesiapa yang mengatakan syaitan mengetahui perkara ghaib, dia akan dihukum bunuh oleh Nabi Sulaiman AS⁵³

Setelah Nabi Sulaiman AS wafat, syaitan mendatangi Bani Israil dengan menyerupai seorang manusia dan menyebarkan fitnah bahawa Nabi Sulaiman AS bukan rasul sebaliknya Baginda hanyalah seorang ahli sihir. Buktinya adalah kitab-kitab sihir yang digunakan oleh Nabi Sulaiman AS ada tersembunyi di bawah takhta Baginda.⁵⁴

Lalu Bani Israil beramai-ramai pergi menggali kitab-kitab sihir yang dikatakan tertanam di bawah takhta Nabi Sulaiman. Apabila kitab-kitab tersebut dijumpai, sebahagian besar daripada mereka terutamanya yang jahil lagi bodoh menyakini tuduhan tersebut. Manakala para ulama tidak mempercayai kitab tersebut kepunyaan Nabi Sulaiman, sebaliknya menyakini bahawa semua itu adalah fitnah. Syaitan telah menulis ilmu sihir melalui Asif Bin Barkhia. Kemudian, dia menanam kitab tersebut di bawah takhta Nabi Sulaiman A.s. dan menyebarkan di kalangan Bani Israil dengan dakwaan bahawa kitab tersebut kepunyaan Nabi Sulaiman.⁵⁵

Oleh yang demikian, Allah SWT telah menurunkan ayat 102 di dalam Surah Al-Baqarah bagi menyangkal tuduhan tersebut sekaligus mengisbatkan kesucian iman Nabi Sulaiman AS serta menegaskan tentang kekufuran dan kesesatan syaitan.⁵⁶

ii) Sihir Pada Zaman Nabi Musa AS

Masyarakat pada zaman Nabi Musa AS terkenal dengan kehandalan bermain sihir. Sejarah telah mencatatkan kisah Firaun yang menggunakan kehebatan ahli sihir untuk melawan dakwah Nabi Musa AS. Allah SWT menyebut di dalam Al-Quran bagaimana Firaun mengumpulkan ahli-ahli sihir bagi membantunya melawan Nabi Musa AS. Firman Allah SWT :

وَقَالَ فِرْعَوْنُ أَتُونِي بِكُلِّ سَاحِرٍ عَلِيمٍ ﴿١٠٢﴾

⁵³ Al-Tabari, t.t., *op.cit* . h.445.

⁵⁴ Al-Khazin, *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil* (Mesir :Dar al-Kutub Al-Arabiyyah al-Kubra,t.t.),73.

⁵⁵ Al-Baghawi, *Ma'alim al-Tanzil*, cet. 1 (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah,1993),1 : 64.

⁵⁶ Al-Khazin, t.t.,*op.cit* .

Maksudnya : Fir'aun berkata (kepada pemuka kaumnya):
"Datangkanlah kepadaku semua ahli-ahli sihir yang pandai!"

Menurut Ibnu Abbas, Firaun telah berjaya mengumpulkan seramai 70 orang ahli sihir. Kesemuanya mahir mengenai sihir tali dan boleh membuatkan tongkat menjelma menjadi ular.⁵⁷ Oleh itu, bersesuaian dengan kehebatan musuh, Allah SWT telah mengurniakan mukjizat kepada Nabi Musa AS iaitu boleh menukarkan tongkat menjadi ular. Allah SWT telah mengajarkan Nabi Musa perbezaan di antara mukjizat dan sihir. Firman Allah SWT. :

قَالَ أَلْقَهَا يَمُوسَى ﴿١٩﴾ فَأَلْقَاهَا فَإِذَا هِيَ حَيَّةٌ تَسْعَى ﴿٢٠﴾

At-Taha 20:19-20

Maksudnya : Allah berfirman: "Lemparkanlah ia, Hai Musa!"Lalu dilemparkannyalah tongkat itu, maka tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang merayap dengan cepat.

Peristiwa ini merupakan latihan kepada Nabi Musa agar tidak terkejut dan takut apabila melihat mukjizat tersebut, terutama ketika berdepan dengan Firaun.⁵⁸ Sebagaimana firman Allah :

قَالَ بَلْ أَلْقُوا ۖ فَإِذَا حِبَالُهُمْ وَعِصِيُّهُمْ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَى ﴿٦٦﴾ فَأَوْجَسَ فِي نَفْسِهِ خِيفَةً مُوسَى ﴿٦٧﴾

At-Taha 20:66-67

Maksudnya : berkata Musa: "Silahkan kamu sekalian melemparkan". Maka tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka, terbayang kepada Musa seakan-akan ia merayap cepat, lantaran sihir mereka. Maka Musa merasa takut dalam hatinya.

Apa yang dapat diperhatikan menerusi ayat ini ialah ungkapan Allah SWT berbunyi (يُخَيَّلُ) iaitu Nabi Musa telah dikhayalkan dengan bayangan ular dan menyebabkan beliau merasa takut. Oleh yang demikian, Allah berfirman :

⁵⁷ Wahbah al-Zuhaili, *Tafsir al-Munir*. cet.1 (Beirut : Dar al-Fikr al-Mu'asir,1991). 16: 237.

⁵⁸ Muhammad al-Mutawalli al-Syairawi, *Al- Sihir wa al-Hasad* (Kaherah : Maktabah al-Sya'rawi al-Islamiyyah,1990),103.

قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَى ﴿٦٨﴾ وَأَلْقِ مَا فِي يَمِينِكَ تَلْقَفْ مَا
صَنَعُوا إِنَّمَا صَنَعُوا كَيْدٌ سَحِرٌ ﴿٦٩﴾ وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَى ﴿٦٩﴾

At-Taha 20: 68-
69

Maksudnya : kami berkata: "Janganlah kamu takut, Sesungguhnya kamulah yang paling unggul (menang). Dan lemparkanlah apa yang ada ditangan kananmu, nescaya ia akan menelan apa yang mereka perbuat. "Sesungguhnya apa yang mereka perbuat itu adalah tipu daya tukang sihir (belaka). dan tidak akan menang tukang sihir itu, dari mana saja ia datang".

Oleh yang demikian, Nabi Musa telah berjaya mengalahkan semua ahli sihir tersebut. Akhirnya mereka sujud beriman kepada Allah SWT. Ini adalah natijah daripada keyakinan mereka terhadap mukjizat Nabi Musa AS. Di samping itu, Allah SWT telah menegaskan di dalam ayat ini bahawa orang-orang Yahudi merupakan musuh ketat umat Islam. Oleh itu, umat Islam perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap pembohongan mereka.

iii) Sihir Pada Zaman Nabi Muhammad

Imam al-Bukhari telah meriwayatkan di dalam *Sahih al-Bukhari* dari Saydatina Aisyah RA , dia berkata : Rasulullah SAW telah disihir oleh seseorang Yahudi dari Bani Zuraiq iaitu Labid Bin Al-A'sam sehingga terbayang kepada Rasulullah SAW. khayalan bahawa Baginda melakukan sesuatu yang tidak dilakukannya. Hal ini berterusan sehinggalah pada suatu hari, Baginda berada disampingku (Aisyah) dalam keadaan berdoa dan terus berdoa. Kemudian beliau bersabda :

"Wahai Aisyah, aku mengetahui bahawa Allah S.W.T. telah memperkenalkan permohonanku. Dua orang lelaki (Jibril dan Mikail) telah datang kepadaku. Jibril di kepalaku dan Mikail di kakiku. Mikail bertanya kepada Jibril : Dia telah disihir. Siapakah yang menyihirnya? Jawab Jibril : Labid al-A'sam. Mikail menyambung pula : Sihir itu dibuat menerusi apa? Jibril menjelaskan : Dibuat pada sikat rambut yang dililit rambut padanya. Juga pada batang tamar jantan kering beserta seludangnya. Mikail bertanya lagi : Di

manakah terletak barang-barang tersebut ? Jibril berkata : Di dalam telaga Arwan.”⁵⁹

Setelah mendengar perbualan itu, Rasulullah pun pergi bersama beberapa sahabat Baginda ke telaga tersebut. Kemudian Baginda pulang dan bersabda kepada Aisyah :

“Wahai Aisyah! Airnya seakan rendaman inai dan mayang tamar itu seakan-akan kepala syaitan. Maka aku (aisyah) berkata : Wahai Rasulullah mengapa engkau tidak mengarahkan agar ia dikeluarkan? Rasulullah pun bersabda: Sesungguhnya Allah S.W.T. telah menyembuhkan aku, dan aku tidak suka tercetus daripadanya kejahatan untuk umatku.”⁶⁰

Kemudian telaga Zarwan yang terdapat di dalamnya barang-barang sihir itu telah ditimbus atas perintah Rasulullah SAW. Peristiwa ini menunjukkan bahawa Rasulullah juga terkena sihir sebagaimana harusnya Rasulullah demam dan seumpamanya. Namun kesan yang dihadapi oleh Rasulullah SAW. tidak seperti yang dihadapi oleh umatnya. Ini kerana sifatnya sebagai seorang Nabi dan Rasul yang terpelihara dari kejahatan jin dan syaitan. ⁶¹

2.2.2 Sejarah Kewujudan Ilmu Sihir Di Segenap Tamadun Manusia.

Sejarah telah membuktikan wujudnya ilmu dan amalan sihir yang diamalkan dalam tamadun-tamadun terdahulu. Ia adalah antara ilmu tertua yang diamalkan dan diwarisi turun temurun semenjak bermulanya sejarah manusia hinggalah ke hari ini.⁶² Kekuatan institusi sihir serta konsistensi yang ditunjukkan dalam penyebarannya adalah bergantung kepada kehebatan yang dimiliki oleh tukang sihir serta didorong oleh sokongan dari pemerintah⁶³ dan raja-raja⁶⁴ yang menaungi dan menjadikan tukang sihir sebagai tempat rujukan mereka.⁶⁵

⁵⁹ Al-Bukhari, “Sahih Bukhari” dalam *Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh (al-Riyad : Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi’, 2000), (Kitab al-Tibb, Bab al-Sihr, no hadith 5766). Lihat Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathu Bari : Syarah Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Thib. Bab al-Sihr (Beirut : Darul Ma’rifah, t.t.), 10: 192.

⁶⁰ *Ibid.* Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathu Bari : Syarah Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Thib. Bab al-Sihr (Beirut : Darul Ma’rifah, t.t.), 10:193-198.

⁶¹ Aizan Hj. Ali @ Mat Zin & Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusof, “Sejarah Amalan Sihir Di Zaman Para Nabi Menurut Sumber Tafsir Dan Hadith,” *Jurnal Usuluddin* 18 (Disember 2003), 111-122.

⁶² Abd Razak Naufal, *Sihir..Tarut..Marut* (Singapore : Percetakan Nasional, 1982).

⁶³ Walter Farber, “Witchcraft, Magic and Divination in Ancient Mesopotamia,” *In Civilization of the Ancient Near East*, ed. Jack M. Sasson (New York : Charles Scribner’s Son’s., 1995), 1902.

⁶⁴ Umar Sulayman Al-Ashqar, *Alam al-Sihr wa al-Shawazah*, ed. ke-4 (Jordan : Dar Al-Nafais, 2002), 20.

⁶⁵ Ibrahim Muhd al-Jamal, *Al-Sihr : Dirasah fi Zilali al-Qisasi Al-Qurani wa Al-Sirah Al-Nabawiyyah* (Kaherah : Maktabat Al-Quran, 1983), 35.

Pada tamadun Mesopotamia, pengaruh ilmu sihir adalah sangat meluas dan meliputi pelbagai aspek kehidupan serta lapisan masyarakat termasuk para pemerintah serta keluarga Diraja.⁶⁶ Mereka yang mahir dalam bidang ini digelar *asipu* dan bentuk sihir yang diamalkan pada zaman itu adalah berdasarkan pergerakan bintang-bintang dan planet-planet di langit.⁶⁷ Undang-undang Hammurabi turut mengandungi peruntukan berkaitan ilmu sihir. Menurut undang-undang tersebut, sekiranya seseorang menuduh seseorang yang lain mengamalkan ilmu sihir sedangkan orang yang menuduh tadi tiada bukti yang kukuh, maka yang tertuduh tadi akan diarahkan masuk ke dalam Sungai Suci (Holy River). Sekiranya dia terselamat, maka orang yang membuat tuduhan tadi akan dikenakan hukuman mati.⁶⁸

Tamadun Mesir pula memang terkenal sebagai tamadun yang memiliki segala ilmu yang aneh dan ganjil.⁶⁹ Kenyataan tersebut diakui oleh sejarawan Yahudi, Greek dan Rom yang mana mereka melabelkan masyarakatnya sebagai bangsa yang mahir dalam ilmu mistik.⁷⁰ Menurut kitab Injil, upacara menilik nasib melalui pemujaan roh adalah berasal dari tamadun ini.⁷¹ Pada zaman tersebut, ilmu sihir turut digunakan oleh pemerintahan Negara seperti Firaun bagi mengekalkan dan mengukuhkan kedudukannya sebagai pemerintah. Mereka menggaji ahli sihir yang hebat untuk menjadi pengawal peribadi, penasihat dan pegawai-pegawai kerajaan.⁷² Malah terdapat juga di kalangan raja Mesir sendiri seperti Nektanibis yang mempelajari dan mengamalkan ilmu sihir.⁷³

Pengamal ilmu sihir dalam tamadun Rom dan Yunani terkenal kerana kemampuan mereka dalam melakukan perkara luar biasa seperti melumpuhkan seseorang dengan bacaan mantera. Mereka juga mampu menimbulkan permusuhan dan

⁶⁶ Walter Farber, "Witchcraft, Magic and Divination in Ancient Mesopotamia," In *Civilization of the Ancient Near East*, ed. Jack M. Sasson (New York : Charles Scribner's Son's.,1995), 1902.

⁶⁷ K.H.M Ali Usman, *Manusia Jin Mengganggu Ketenteraman* (Jakarta : Penerbit Bulan Bintang,1979).

⁶⁸ *Op.cit.*,Walter Farber,(1995), 1898.

⁶⁹ Eric Maple, *Witcraft : The Story Of Man's Search For Supernatural Power* (London : Octopus Book,1973),22.

⁷⁰ Naomi Janowitz, *Magic In The Roman World : Pagan, Jews And Christians* (London :Routledge, 2001),13.

⁷¹ E.A Wallis Budge, *Egyptian Magic* (London : Arkana,1988),4.

⁷² Ahmad Taha, *Kedokteran Islam*, terj. Ismail Ibrahim (Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 4.

⁷³ Umar Sulayman Al-Ashqar, *Alam al-Sihri wa al-Shawazah* (Jordan : Dar Al-Nafais, 2002), 19-20.

kekacauan dalam masyarakat dengan menyeru roh-roh orang sudah mati.⁷⁴ Menyedari akan bahayanya ilmu sihir, Julius Caesar telah memperkenalkan Undang-Undang 12 (The Twelve Tables) yang memperuntukkan hukum bakar hidup-hidup kepada pengamal sihir.⁷⁵

Di benua Asia pula, ilmu sihir disebarkan melalui Negara China dan India.⁷⁶ Penulis Barat seperti Donald Harper menyatakan semasa pemerintahan Dinasti Han, terdapat pemerintah-pemerintah yang menjadikan istana mereka sebagai lokasi perkumpulan ahli-ahli sihir.⁷⁷ Mengulas kewujudan undang-undang berkaitan amalan sihir, William Shaw pula memetik kenyataan J.J.M de Groot dalam bukunya “*The Religious System of China*” sebagai berkata :

*“The Penal Code Of The Yuan (Mongol) Dynasty laid down that : Whoever plucks life out of a man or dismembers him with intent to procure a spectre to sacrifice to, shall be slowly carved to death with knives”. Similar practices were mentioned in a imperial Edict of 1846.*⁷⁸

2.3 BENTUK DAN TANDA-TANDA SIHIR

Sihir boleh dikategorikan kepada beberapa bentuk atau jenis. Pada kebiasaannya, sihir yang digunapakai oleh masyarakat melayu adalah sihir santau, sihir pengasih, sihir pemisah, tuju-tuju, dan sebagainya. Pengkaji berminat untuk merungkai beberapa sihir yang disebutkan di atas kerana ianya kerap diamalkan dan boleh dikatakan masyhur di kalangan pengamal sihir.

⁷⁴*Op.cit*, Ahmad Taha (1992), 5.

⁷⁵ K.H.M. Ali Usman, *Manusia Jin Mengganggu Ketenteraman* (Jakarta : Penerbit Bulan Bintang), 51.

⁷⁶ Umar Sulayman Al-Ashqar, *Alam al-Sihri wa al-Shawazah* (Jordan : Dar Al-Nafais, 2002), 21-22.

⁷⁷ Donald Harper, “Magic in East Asia”. In Lawrence E.Sullivan (Ed.), *Hidden Truths : Magic, Alchemy and the Occult* (New York : MacMillan Publishing Company,1987),97.

⁷⁸J.J.M de Groot, *Religious Systems Of China, Its Acient Forms, Evolution, History And Present Aspect, Manners, Customs And Social Institutions Connected Therewith*. (Leyden : E.J.Brill,1892),873. Lihat William Shaw, *Aspects of Malaysian Magic* (Kuala Lumpur : Muzium Negara, 1975), 67.

2.3.1 Sihir Santau

Santau adalah salah satu cabang ilmu sihir. Oleh kerana itu, kewujudannya sering dinafikan oleh sesetengah orang sama seperti penyakit lain yang berpunca daripada sihir. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa istilah santau bukan sesuatu yang asing dalam masyarakat melayu, terutamanya di kalangan mereka yang melibatkan diri dengan rawatan tradisional.⁷⁹ Sama seperti amalan sihir yang lain, santau mempunyai ciri-ciri sihir. Ini disebabkan mereka yang memiliki ilmu ini sering dianggap sebagai mempunyai ilmu batin. Ia adalah rahsia yang dimiliki oleh seseorang, yang tidak mudah diketahui atau disebarkan untuk pengetahuan umum sama ada rahsia cara membuat santau, bahan-bahan yang digunakan, bacaan-bacaan yang dilafazkan dan sebagainya termasuk kaedah rawatan yang dilakukan.⁸⁰

Santau terbahagi kepada dua bahagian iaitu santau yang diadun secara hakikat iaitu dengan menggunakan bahan dan kaedah tertentu semata-mata tanpa melibatkan iblis dan syaitan. Manakala yang kedua, santau yang diadun secara hikmat iaitu yang disertakan dengan pemujaan terhadap iblis dan syaitan.⁸¹

Secara umumnya, tujuan utama santau dikenakan kepada mangsanya adalah untuk membalas dendam yang berpunca dari perselisihan faham antara seseorang dengan mangsanya.⁸² Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang menggunakan santau semata-mata untuk menguji ketahanan batin seseorang kerana pada pandangan mereka santau merupakan medium yang sesuai bagi golongan ini untuk melihat sejauh mana kekuatan dan ketahanan batin mangsa.⁸³ Berkemungkinan terdapat segelintir individu yang menjadikan santau sebagai sumber pendapatan dan peluang mencari rezeki. Dengan mengenakan santau kepada mangsanya menyebabkan golongan ini

⁷⁹ Haron Din, *Rawatan Penyakit Akibat Sihir* (Bangi : Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011) 5 : 179.

⁸⁰ Syarhan Bin Syafie dan Fakhrul Ridzha Bin Abd Rahman, *Perubatan Islam Menangkis Kejahatan Makhluq Halus*, cet. ke-3 (Kuala Lumpur : Sinar Zamdurrani, 2011), 57.

⁸¹ *Ibid.* h. 58-59.

⁸² Haron Din, *Rawatan Penyakit Akibat Sihir* (Bangi : Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011), 5:179.

⁸³ *Ibid.* h. 180.

mempunyai agenda atau helah bagi memperoleh pendapatan dengan menyediakan rawatan dan bagi menyembuhkan penyakit mangsa apabila mangsa meminta membuat penawar dari penyakit santau tersebut. Oleh yang demikian, bayaran akan dikenakan sebagai imbuhan terhadap rawatannya itu. Berdasarkan kepada tujuan dan matlamat yang dinyatakan, jelas di sini bahawa seseorang yang mengenakan santau kepada orang lain mempunyai niat yang buruk dan hanya untuk memuaskan hati dengan menjadikan mangsa menderita seumur hidupnya bagi memenuhi kepentingan peribadi.⁸⁴

Tanda-Tanda Sihir Santau

Santau ditujukan kepada seseorang supaya mangsa menderita berpanjangan tanpa mengetahui punca sebenar penyakit yang dialami. Kesan santau kebiasaannya tidak berlaku secara mendadak seperti yang berlaku kepada mangsa keracunan. Mangsa akan menderita sehingga boleh menyebabkan kematian jika tidak dirawat dengan segera.

Tanda-tanda awal seseorang itu terkena santau ialah rasa perit dan gatal pada tekak yang disertai dengan batuk. Batuk merupakan tanda yang paling lumrah bagi mereka yang terkena santau.⁸⁵ Pada peringkat permulaan batuk disertai dengan pening kepala dan demam pada sebelah pagi dan petang. Batuk ini berbeza dengan batuk yang biasa kerana ia lebih kepada batuk kering yang berpanjangan tanpa mengeluarkan kahak. Pesakit mungkin akan terus menderita, tekak berasa gatal dan perit. Tiada jarak tertentu antara masa seseorang termakan santau dengan menderita batuk tersebut. Walau bagaimanapun, santau yang kuat boleh menyebabkan mangsanya muntah darah sebaik sahaja termakan santau atau beberapa jam selepas itu. Ini bergantung kepada bahan campuran yang disediakan. Darah yang keluar adalah akibat luka atau kerosakan pada

⁸⁴ Amran Kasimin, *Santau Sebagai Satu Cabang Ilmu Sihir* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.,1995). Lihat Syahmi Syahiran, "Santau menjadi Punca Pembunuhan," *Dewan Masyarakat* 49, no. 7 (Julai 2011),38-40.

⁸⁵ Haron Din, *Rawatan Penyakit Akibat Sihir* (Bangi : Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011),5 :181.

mana-mana bahagian organ dalaman disebabkan oleh bisa santau atau bahan-bahan yang melukakan.⁸⁶

Apabila batuk sampai ke satu tahap yang serius, mangsa santau akan muntah mengeluarkan darah yang kadangkala bercampur nanah. Ketika ini pesakit akan berasa lenguh sendi terutama di bahagian lutut. Mangsa juga mungkin akan berasa sakit pinggang, mungkin berpunca akibat serangan santau pada buah pinggang atau akibat tekanan batuk yang kuat dan berpanjangan. Dalam keadaan demikian, pesakit akan berasa tidak selesa dan sering sakit kepala.⁸⁷

Menurut kebanyakan responden yang berpengalaman merawat pesakit santau, bahan santau akan bergerak sedikit demi sedikit hingga ke hujung kaki dan tangan. Oleh sebab itu, kuku seseorang yang terkena santau akan berwarna hitam kebiru-biruan. Ini menunjukkan penyakit yang dideritanya telah sampai ke tahap yang kronik. Ketika itu, pesakit selalu berasa kebas di bahagian hujung jari tangan dan kaki.⁸⁸

Antara tanda-tanda lain yang menunjukkan seseorang menderita santau adalah lemah daya ingatan, hilang selera makan, tabiat marah yang berlarutan, mudah letih dan lenguh-lenguh sendi. Satu tanda lagi yang seringkali dialami oleh mangsa santau adalah lelah. Lelah merupakan sejenis penyakit yang menyebabkan pernafasan tersekat. Menurut para perawat santau, bahan-bahan santau diperbuat daripada bahan-bahan gatal, miang dan berbisa tersebut apabila mengenai bahagian organ tertentu akan menyebabkan bahagian-bahagian tersebut terluka dan cedera. Apabila anggota-anggota tersebut terluka, maka kuman-kuman akan mula merebak dan menyerang paru-paru, buah pinggang dan bahagian-bahagian lain. Oleh kerana itu, serangan pada bahagian tersebut boleh menyebabkan lelah, sakit pinggang dan sebagainya.⁸⁹

⁸⁶ Sharhan Syafie, *Perubatan Islam : Menangkis Kejahatan Racun Puaka Santau* (Kuala Lumpur : Sinar Zamdurrani, 2011), 11-14. Lihat Syarhan Bin Syafie dan Fakhrol Ridzha Bin Abd Rahman, *Perubatan Islam Menangkis Kejahatan Makhluq Halus*. cet. ke-3 (Kuala Lumpur : Sinar Zamdurrani, 2011), 63-64.

⁸⁷ *Op.cit.* p. 181.

⁸⁸ Haron Din, *Rawatan Penyakit Akibat Sihir* (Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011), 5 : 182.

⁸⁹ *Op.cit.* Lihat juga Haron Din, *Rawatan Penyakit Akibat Sihir* (Bangi : Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011), 5: 181-182.

2.3.2 Sihir Pengasih

Sihir pengasih seringkali digunakan oleh seseorang bertujuan untuk menundukkan pasangan masing-masing atau membuatkan mangsa memberikan taat setia yang berlebihan kepada pasangannya tanpa membantah walaupun kadangkala sesuatu yang dituruti itu berlawanan dengan syariat. Terdapat beberapa cara dan tujuan utama penggunaan sihir pengasih. Antaranya penggunaan jampi pengasih yang menyalahi syara' iaitu dengan mengucapkan jampi serapah pada gambar, pakaian, sisa dan segala yang berkaitan atau yang menjadi hak milik suami atau isteri. Jampi tersebut dikatakan menguasai semangat pasangan dengan cara membelenggu semangatnya dan menjadikan mangsa tidak bebas menggunakan akal fikirannya sendiri. Jampi itu akan dibaca disertai dengan bahan-bahan yang kotor seperti air basuhan kemaluan isteri atau suami, air rendaman pakaian dalaman atau dengan meludah dalam air rebusan atau hidangan yang dibuat khas untuk suami atau isteri dengan tujuan supaya salah satu pasangan akan tunduk dan patuh kepada kehendak nafsunya serta tidak membantah segala suruhannya.⁹⁰

Pada kebiasaannya, hal ini terjadi kepada isteri, para wanita yang dimadukan atau mengesyaki bahawa suaminya mempunyai hubungan intim dengan perempuan lain. Terdapat juga segelintir wanita yang ingin mempertahankan maruah dan hubungan kekeluargaan apabila suami terlampau kasar, panas baran, bengis sehingga menjadikan pukulan sebagai satu kelaziman. Dalam situasi ini, sihir pengasih diperlukan bagi menundukkan sikap suami yang bengis kepada seorang yang mengikut perintah.

Terdapat juga kes-kes yang mana suami menggunakan sihir pengasih untuk tujuan menundukkan isteri agar taat dan patuh pada perintahnya serta tidak menghalangnya (suami) daripada berzina atau mengadakan hubungan dengan perempuan lain. Selain itu, dengan mengamalkan sihir pengasih suami dapat

⁹⁰ Ansaruddin Agus dan Dr. Mohd Azlee A. Mutalib, *Perangi Sihir* (Selangor : PTS Millennia Sdn. Bhd, 2011), 75. Lihat Haron Din, *Rawatan Penyakit Akibat Sihir*, (Bangi : Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011), 5 : 134, 138-139.

mengabaikan tanggungjawab sebagai suami dengan tidak memberikan hak-hak yang sewajarnya diterima oleh isteri dengan menguasai nafsu isteri daripada mendapatkan nafkah batin.

Sebab-sebab di atas ini timbul akibat perasaan angkuh, sombong dan takbur yang tinggi yang dipandu oleh hasutan syaitan. Berdasarkan sebab-sebab tersebut, maka timbul perasaan negatif seperti geram, cemburu dan dendam terhadap pasangan sehingga bertindak menyihirnya agar segala keinginan dapat dipenuhi.

Antara tanda-tanda atau simptom yang dialami oleh mangsa sihir pengasih adalah perasaan sakit, pedih, bisa-bisa dan menyucuk-nyucuk dirasai oleh mangsa. Ini disebabkan urat-urat atau sendi di dalam badan seperti dicucuk-cucuk oleh sesuatu yang mempengaruhi minda sehingga mangsa merasai kesakitan pada bahagian-bahagian tertentu pada badan. Perkara tersebut terjadi akibat wujudnya hubungan secara langsung antara syaitan dan darah.⁹¹ Syaitan boleh bergerak di dalam saluran darah manusia dan bergerak ke seluruh badan dan seterusnya ia dapat mempengaruhi tindak tanduk manusia. Sebagaimana hadis yang berbunyi :

وعن صفية بنت حيي رضي الله عنها ان النبي (ص) قال : " ان الشيطان يجري من ابن ادم مجرى الدم".
(Riwayat Bukhari dan Muslim)⁹²

Maksudnya : Dari Safiah Binti Huyai r.a. bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda : “Sesungguhnya syaitan berjalan pada anak Adam melalui peredaran darah”.

Selain itu, tanda-tanda lain adalah jari-jari kaki mangsa akan sentiasa berada dalam keadaan seolah-olah dibelenggu dengan tali atau benda-benda tajam seperti duri apabila berada diluar rumah dalam jangka masa yang lama. Mangsa juga akan sentiasa merasai ada pergerakan-pergerakan halus di bahagian tulang pinggul.

⁹¹Hanafi Rahman El-Fesfanji, “Bentuk-Bentuk Sihir Pengasih Dan Metodologi Diagnosis”(Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir Di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

⁹² Abdullah Muhammad Bin Ismail Bin Ibrahim al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyah, 1980),150 (Kitab Bad’ul Halki, Bab Sifat Iblis wa Junudih, no hadith 3268). Lihat Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathu Bari : Syarah Sahih al-Bukhari*.Kitab Bad’ul Halki. Bab Sifatul Iblis wa Junudih (Beirut : Darul Ma’rifah,t.t.),6 : 242.

Malahan terdapat juga masalah yang dialami oleh mangsa semasa bersama seperti kemaluan lelaki tidak berfungsi dengan baik, pintu kemaluan isteri tertutup rapat bagaikan dikunci, pancutan berlaku terlalu awal di luar faraj perempuan dan salah seorang dari pasangan atau mungkin kedua-duanya merasa pedih dan sakit pada sendi-sendi, bahagian pinggang atau bahagian-bahagian lain. Terdapat juga mangsa yang mengalami simptom seperti kerap sakit kepala terutamanya di bahagian tengah titik kepala dan sentiasa berasa lenguh pada bahagian pinggang. Namun, tanda yang paling jelas sekali ialah apabila dibacakan ayat-ayat Al-Quran, badan mangsa akan diberikan respon yang menunjukkan seolah-olah mangsa membantah ayat-ayat suci Al-Quran.⁹³

Oleh yang demikian, amalan sihir pengasih merupakan salah satu dosa besar dan ditentang di dalam Islam. Sekiranya salah seorang dari suami atau isteri telah terjebak dengan sihir ini hendaklah menyedari akan kesalahan mereka dan perlu bertaubat kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah :

﴿مُتَّبِعِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ﴾



Maksudnya : Dengan kembali bertaubat kepada-Nya dan bertakwalah kepada-Nya serta dirikanlah solat dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang mempersekutukan Allah.

2.3.3 Sihir Pemisah

Sihir pemisah adalah sihir yang bertujuan memisahkan antara dua orang yang mempunyai hubungan seperti suami isteri, hubungan saudara mara dan antara dua rakan kongsi. Pada kebiasaannya, sihir ini dihantar atas sebab dendam, masalah peribadi, khianat, perebutan harta atau benci kepada mangsa. Sihir pemisah berupaya memisahkan suami isteri sebagaimana yang disebutkan di dalam Surah al-Baqarah ayat 102 seperti berikut :

⁹³*Op.cit.* Lihat Haron Din, *Rawatan Penyakit Akibat Sihir* (Bangi : Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia dan Koperasi Darussyifa' Berhad, 2011), 5:147-148.

فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ

Maksudnya : Ilmu sihir yang boleh menceraikan antara seorang suami dengan isterinya.

Sihir ini boleh mengakibatkan pertengkaran antara suami isteri sehingga menyebabkan berlakunya penceraian. Selain itu, sihir ini juga kerap berlaku apabila terdapatnya orang ketiga dalam institusi perkahwinan yang mana pihak isteri atau suami menggunakan sihir ini bagi memisahkan hubungan orang ketiga dengan pasangan mereka. Ia juga kerap kali dilakukan oleh isteri-isteri yang berpoligami.⁹⁴ Sihir ini juga berupaya memisahkan ibu dan anaknya, ayah dan anaknya, adik beradik, dan rakan sekerja atau rakan kongsi perniagaan.

Seseorang yang ingin menyihir mangsa akan menemui bomoh atau dukun, maka bermula jenayah ini dilaksanakan untuk membalas dendam terhadap mangsa. Bomoh atau dukun akan meminta nama orang yang mahu disihir beserta nama ibu, bapa atau keturunannya di atas.⁹⁵ Namun, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa bomoh hanya memerlukan nama mangsa dan nama ibunya sahaja.⁹⁶ Kemudian, bomoh akan meminta barang-barang milik mangsa seperti pakaian, gambar dan sebagainya atau bahan-bahan yang berasal dari tubuh badan mangsa seperti rambut, kuku dan sebagainya. Seterusnya, bahan-bahan tersebut akan dipuja dengan menggunakan perasapan kemenyan beserta bacaan mantra yang mengagung-agungkan atau menyeru jin atau syaitan.

Kadangkala bomoh akan membekalkan bungkusan-bungkusan yang perlu ditanam di kawasan rumah mangsa atau bahan yang perlu diletakkan dalam makanan atau minuman mangsa supaya sihir yang dikenakan berkesan. Terdapat juga bahan yang perlu ditaburkan pada laluan atau kawasan rumah mangsa.

⁹⁴ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Manusia, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

⁹⁵ Ansaruddin Agus dan Dr. Mohd Azlee A. Mutalib, *Perangi sihir* (Selangor : PTS Millennia, 2011).

⁹⁶ Sheikh Abdul Wahid Salam Al-Bali, *Sihir Dan Pengubatannya Menurut Islam*, terj. Annur Rafiq Shaleh Tamhid (Kuala Lumpur : Crescent News Sdn Bhd, 2002)

Antara tanda-tanda yang biasa berlaku kepada mangsa sihir pemisah adalah seperti berikut :

- i) Mangsa berasa benci yang keterlaluan kepada pasangannya tanpa sebab yang jelas. Ia boleh berlaku kepada sebelah pihak sahaja atau kedua-dua pihak secara serentak.
- ii) Pasangan selalu berasa syak wasangka, cemburu tanpa alasan yang kukuh dan berasa ragu-ragu dengan kejujuran pasangannya. Perselisihan atau pertengkaran berlaku kerana punca yang remeh temeh ataupun isu yang kecil sahaja. Perselisihan yang kecil selalunya dibesar-besarkan sehingga menimbulkan isu bercerai-berai.
- iii) Fikiran mereka menjadi buntu dan perasaan mereka menjadi resah gelisah diikuti dengan sakit kepala. Pasangan akan berasa lega sekiranya keluar dari rumah. Segala aktiviti atau perbuatan pasangan dilihat dengan penuh rasa benci dan rasa marah.
- iv) Mangsa melihat pasangannya hodoh dengan wajah yang menakutkan dan berbeza dengan wajah yang asal pada penglihatannya.
- v) Perasaan mahu bercerai sentiasa mengganggu fikiran. Pada pihak suami kadangkala lafaz talak boleh terlepas seolah-olah tidak dapat dikawal.⁹⁷ Kadangkala isteri selalu menuntut cerai apabila pergaduhan berlaku.

2.3.4 Tuju-Tuju

Istilah tuju-tuju berasal daripada perkataan tuju. Menurut Winstedt (1972)⁹⁸, tuju bererti *aim at (target), direct magic against (a person)*. Tuju-tuju yang dimaksudkan di sini merujuk kepada bahan-bahan tertentu yang telah dipuja atau diseru dengan bantuan jin dan seterusnya ditujukan kepada mangsa untuk tujuan membinasakannya. Mengikut kelaziman, ia dilakukan untuk tujuan membunuh atau semata-mata untuk menyakiti

⁹⁷ Seperti dalam kes Mustapha Batcha lawan Habbaba Abdul Rahman. (1410) JH 41.

⁹⁸ R.O Winstedt, *Shaman, Saiva and Sufi of the Evolution of Malaya Magic* (London : Constable and Co. Ltd, 1972).

mangsa.⁹⁹ Amalan ini merupakan salah satu cabang ilmu sihir yang tidak boleh dilakukan semata-mata bergantung kepada kata-kata pemujaan atau rangkaian jampi mantera tanpa melibatkan bantuan jin-jin.¹⁰⁰

Bahan utama membuat tuju-tuju ialah darah orang mati dibunuh. Orang yang berkenaan mesti beragama Islam. Lebih baik sekiranya individu berkenaan mati dalam keadaan teraniaya, yang didahului oleh persengketaan dan permusuhan oleh kedua-dua pihak. Darah orang bukan Islam tidak boleh digunakan. Begitu juga darah orang mati berlanggar, walaupun melibatkan orang Islam juga tidak boleh digunakan. Termasuk dalam kategori ini ialah darah orang mati digantung, yang mana darahnya mengalir keluar dari mana-mana rongga badan. Darah orang mati tergantung walaupun tidak teraniaya dianggap mati separuh dibunuh.¹⁰¹

Darah yang digunakan adalah sebagai penggerak utama bagi bahan sihir yang disediakan. Semakin banyak darah digunakan, semakin lajulah perginya tuju-tuju tadi dan lebih kuat kesannya. Tanpa darah dan jin yang dipuja datang, perbuatan tersebut tidak dinamakan tuju-tuju.

Menjadi satu keperluan bagi orang yang menggunakan khidmat pawang atau bomoh untuk menyediakan wang untuk membeli bahan iaitu darah dan bahan-bahan lain untuk tujuan upah. Menggunakan atau menyihir orang dengan perantaraan tuju-tuju selalunya dilakukan untuk menebus malu, menghapuskan musuh ataupun kerana masalah peribadi. Tidak semua pawang sanggup diupah untuk berbuat demikian, tetapi ada yang sanggup melakukannya asalkan upahnya memadai. Setelah meneliti tujuan orang yang hendak menggunakan khidmatnya dan apabila difikirkan logik, orang berkenaan hendaklah berikrar dan bersumpah menjunjung surah Yassin yang disediakan oleh pawang dan menanggung risiko sekiranya ia berdusta. Kebanyakan mereka yang

⁹⁹ Amran Kasimin, *Sihir Suatu Amalan Kebatinan* (Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM,2009), 37.

¹⁰⁰ *Ibid.* Amran Kasimin, *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*. (Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM,2009), 37.

¹⁰¹ Ansaruddin Agus dan Dr. Mohd Azlee A. Mutalib, *Perangi Sihir* (Selangor:PTS Millennia Sdn. Bhd.,2011),69.

berhajat akan sanggup berbuat demikian. Kalau mereka tidak sanggup dan mengaku berdusta, pawang berkenaan mungkin tidak akan menunaikan hajatnya biarpun dengan bayaran yang tinggi.

Tuju-tuju hanya akan dilepaskan pada waktu malam dan lebih mudah mengena mangsanya iaitu sekitar 12.00 tengah malam hingga 5.00 pagi. Jika masih belum boleh dilepaskan, mereka hendaklah menunggu sehingga tiba masa yang sesuai untuk berbuat demikian. Jin yang terlibat akan mengetahui masa yang sesuai untuk tuju-tuju tersebut dilepaskan. Berkemungkinan mangsa berkenaan mempunyai pendinding diri yang tidak dapat ditembusi sekiranya tuju-tuju dilepaskan ketika itu, menyebabkan segala usaha sia-sia belaka dan tidak terkena pada sasarannya. Bagi orang yang mempunyai ilmu kebatinan yang tinggi, mereka mungkin akan memulangkan kembali tuju-tuju tadi kepada orang yang menghantar tuju-tuju tersebut menyebabkannya sakit, demam dan mungkin mati bergantung kepada kekuatan ilmu yang dimiliki oleh orang yang hendak dituju.¹⁰²

2.4 SIHIR DARI PERSPEKTIF ISLAM

Sihir merupakan suatu amalan yang dilarang dalam Islam. Islam menentang keras perbuatan sihir dan pengamalannya. Allah SWT telah menyebut di dalam Al-Quran tentang orang yang mempelajari sihir berdasarkan firmanNya :

وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ

Maksudnya : Dan mereka mempelajari sesuatu yang tidak memberi mudarat kepadanya dan tidak memberi manfaat. (Surah Al-Baqarah : 102)

Nabi Muhammad SAW telah menghitung perbuatan sihir itu dari dosa besar yang membinasakan, iaitu yang bakal mencelakakan masyarakat sebelum para individu,

¹⁰²Amran Kasimin, *Sihir Suatu Amalan Kebatinan* (Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, 2009), 38-39. Lihat Ansaruddin Agus dan Dr. Mohd Azlee A. Mutalib, *Perangi Sihir* (Selangor : PTS Millennia Sdn. Bhd., 2011), 70.

dan telah merosakkan kehidupan pelaku-pelakunya di dunia lagi sebelum akhirat¹⁰³,
sebagaimana sabda Baginda :

اجتنبوا السبع الموبقات. قالوا : يا رسول الله، وما هي ؟ قال : الشرك بالله،
والسحر، وقتل النفس التي حرم الله الا بالحق، واكل مال اليتيم، والتولي يوم
الزحف، وقذف المحصنات الغافلات المؤمنات. (متفق عليه)

Maksudnya : “Jauhilah tujuh dosa yang membinasakan! Para sahabat
bertanya : Hai Rasulullah! Apa dia itu? Jawab beliau : Syirik kepada
Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan
(jalan) hak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan
perang, dan menuduh zina kepada wanita-wanita yang baik, yang suci
dan beriman” (Riwayat Bukhari dan
Muslim)¹⁰⁴

Jumhur *fuqaha*’ menganggap perbuatan sihir itu sebagai kufur dan boleh
membawa kepada kekufuran. Pendapat ini dipegang oleh Imam Malik dan Hanafi,¹⁰⁵
Imam Ahmad Bin Hanbal, Abu Thaur dan Ishak.¹⁰⁶ Hal itu sesuai dengan firman Allah :

وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ

Ertinya : “Tetapi syaitan-syaitan itu kafir mereka telah mengajarkan
sihir kepada manusia”.
Al-Baqarah
2:102

Berdasarkan ayat di atas, syaitan yang terkutuk telah mengajarkan kepada
manusia ilmu sihir agar manusia menjadi syirik kepada Allah. Terpesongnya akidah dan
keimanan manusia disebabkan perbuatan mereka mempelajari sihir dengan memohon
bantuan dan pertolongan selain daripada Allah. Tindakan ini telah diceritakan oleh
Allah SWT mengenai kisah Harut dan Marut sebagaimana yang dinyatakan di dalam
Al-Quran:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سَلِيمٍ ۖ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمٌ
وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَىٰ

¹⁰³ Yusuf Al-Qaradawi, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* (Damsyik : Masyurat al-Maktab al-Islamiyy, 1969), 232.

¹⁰⁴ Imam al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari,” dalam *Mawsu’ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh. (Riyadh: Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi’, 2000), 492 (Kitab al-Thib, Bab al-Syirk wa al-Sihru min al-Mubiqat, no. bab 48, no. hadith 5764). Lihat Imam Muslim, “Sahih al-Muslim,” dalam *Mawsu’ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh. (Riyadh : Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi’, 2000), 693 (Kitab al-Iman, Bab Khabair wa Akbariha, no. bab 89, no hadith 262). Lihat Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathu Bari : Syarah Sahih al-Bukhari* (Beirut : Darul Ma’rifah, t.t.), 10 : 198.

¹⁰⁵ Wabbah al-Zuhaili, *Tafsir al-Munir* (Beirut : Dar al-Fikr al-Mu’asir, 1991).

¹⁰⁶ Al-Qurtubi, *Jami’ li al-Ahkam al-Quran* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1993). ¹⁰⁶ Lihat Muhammad ‘Ali al-Sabuni, *Rawai’ al-Bayan* (Damsyiq : Maktabat al-Ghazali, 1981), 1: 101

الْمَلَكَيْنِ بَابِلَ هَرُوتَ وَمَرُوتَ ۚ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا
 إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ ۖ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ
 الْمَرْءِ وَزَوْجِهِ ۚ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ وَيَتَعَلَّمُونَ
 مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ ۚ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ
 مِنْ خَلْقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ



Al-Baqarah 2:102

Maksudnya : Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahwa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan lah yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua orang malaikat di negeri Babil yaitu Harut dan Marut, sedang keduanya tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorangpun sebelum mengatakan: “Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir”. Maka mereka mempelajari dari kedua malaikat itu apa yang dengan sihir itu, mereka dapat menceraikan antara seorang (suami) dengan isterinya. Dan mereka itu (ahli sihir) tidak memberi mudarat dengan sihirnya kepada seorangpun, kecuali dengan izin Allah. Dan mereka mempelajari sesuatu yang tidak memberi mudharat kepadanya dan tidak memberi manfaat. Demi, sesungguhnya mereka telah menyakini bahwa barangsiapa yang menukarnya (kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat, dan amat jahatlah perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, kalau mereka mengetahui.

Kebanyakan orang memandang amalan sihir hanyalah haram walaupun perkara tersebut jelas membawa kesesatan. Mereka tidak merasakan bahawa hal tersebut termasuk dalam kekafiran malahan kadangkala mereka beranggapan bahawa mempelajari dan mengamalkan sihir adalah perkara biasa yang dapat menyembunyikan perbuatan jenayah mereka daripada diketahui oleh orang lain. Namun, segala tanggapan yang dikemukakan tersebut boleh disangkal sama sekali, kerana orang yang mempelajari sihir melalui hembusan dalam ikatan-ikatan yang telah dimantera untuk tujuan memisahkan hubungan suami isteri, memberi taat setia kepada tuannya yang

bertentangan dengan syariat dan mendatangkan kesakitan kepada anggota badan hingga menyebabkan kematian adalah berdosa besar kerana mendatangkan kemudaratan.¹⁰⁷

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

من عقد عقدة ثم نفث فيها فقد سحر ومن سحر فقد اشرك ومن تعلق شيئا وكل اليه

Maksudnya : Siapa yang menyimpulkan satu simpulan, kemudian meniupkan pada suatu jampi atau bacaan. Sesungguhnya dia telah melakukan sihir. Sesiapa yang melakukan sihir maka sesungguhnya dia telah berlaku syirik dan sesiapa yang menggantungkan sesuatu (tangkal) diserahkan segala urusan kepadanya (tangkal itu).
(Riwayat An-Nasai).¹⁰⁸

Selain itu, ditegaskan juga oleh Rasulullah s.a.w. berdasarkan sabda Baginda :

ان الرقى والتائم والتولة شرك.¹⁰⁹

Maksudnya : sesungguhnya jampi, tangkal dan sihir pengasih adalah syirik.

Sebagaimana Islam telah mengharamkan orang Muslim pergi mendapatkan tukang tilik untuk bertanya tentang hal-hal yang ghaib dan rahsia-rahsianya, begitu juga Islam telah mengharamkan untuk datang kepada tukang sihir untuk merencanakan sihir dengan tujuan menyembuhkan penyakit atau menyelesaikan permasalahan yang menimpa dirinya. Golongan ini tidak diterima solatnya selama 40 malam akibat daripada mendatangi tukang sihir dan membenarkan kata-katanya sepertimana sabda Nabi Muhammad SAW :

من اتى عرافا فسأله عن شيء لم تقبل له صلاة اربعين ليلة.
(رواه المسلم)¹¹⁰

Maksudnya : sesiapa yang datang kepada (menemui) peramal atau tukang tilik lalu dia bertanya sesuatu kepadanya dan mempercayainya, maka tidak akan diterima solatnya selama 40 malam.

¹⁰⁷ Abi Abdullah Muhammad al-Zahabi, *Al-Kabair* (Beirut : Dar Ihya' al-'Ulum, 1998). Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina'* (Makkah : Matbaah al-Hukumah, 1974) 6 : 185)

¹⁰⁸ An-Nasa'i, "Sunan Al-Nasa'i" dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, ed. Salih bin `Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi', 2000), 2355 (kitab Tahrim al-Damm, Bab al-Hukm fi al-Saharah, no hadith 4084).

¹⁰⁹ Ibn Daud Sulaiman bin Al-Ashaz al-Sajastani, "Sunan Ibnu Daud" dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, ed. Salih bin `Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi', 2000), 212 (kitab al-Tibb, bab Fi Ta'liq al-Tama'im, no hadith 3883). Lihat Ibn Majah, "Sunan Ibnu Majah" dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, ed. Salih bin `Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi', 2000), 1166-1167 (kitab al-Tibb, Bab Ta'liq al-Tamaim, no hadith 3530.)

¹¹⁰ Imam Muslim, "Sahih Muslim" dalam *Mawsu'ah al-Hadith*, ed. Salih bin `Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi', 2000), 1074 (kitab al-Salam, bab Tahrim al-Kihanah wa Ityan al-Kuhhan, no hadith 5821).

Pengharaman di sini bukan sahaja kepada tukang sihir semata-mata, namun pengharaman itu menyeluruh ke atas sesiapa sahaja yang mempercayai tukang sihir dengan ilmu sihirnya, menggalakkannya serta membenarkan apa yang dikatakannya.¹¹¹

Bahkan Islam menyarankan agar umatnya menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kemudaratan termasuklah mengamalkan sihir. Sebagaimana yang termaktub di dalam kaedah *fiqh* : (الضرر يزال). Asas kepada kaedah ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang berbunyi :

"لا ضرر ولا ضرار"

Dharar ertinya melakukan kerosakan terhadap orang lain, sedangkan *dhirar* ertinya bertindak balas melakukan kemudaratan yang sama dengan kemudaratan terhadapnya. Oleh yang demikian dalam konteks amalan sihir, kemudaratan yang dilakukan oleh seseorang ketika mengamalkan sihir akan menyebabkan kemudaratan yang lebih besar kepada orang lain.¹¹²

Sebahagian *fugaha'* pula telah menetapkan hukum bunuh ke atas orang yang melakukan sihir dengan tujuan membersihkan masyarakat Islam dari bencananya.¹¹³ sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Tarmizi dan Al-Hakim:

حد الساحر ضربه بالسيف. (رواه الترمذي والحاكم)
Maksudnya : Hukuman terhadap ahli sihir adalah dipukul (dibunuh) dengan pedang.¹¹⁴

Menurut Imam Malik Rahimahullah, sesiapa yang terlibat dengan sihir secara langsung hukumnya kafir dan murtad (keluar dari Islam). Tidak kira sama ada belajar, mengajar atau mengamalkannya. Ini adalah kerana sihir merupakan susunan kata-kata yang mengagungkan makhluk lain selain daripada Allah SWT. Justeru, orang yang mengamalkan sihir harus dibunuh apabila dia sendiri mengerjakannya.¹¹⁵ Begitu juga

¹¹¹ Yusuf Al-Qaradhawi, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* (Damsyik : Masyurat al-Maktab al-Islamiyy, 1969), 232.

¹¹² Hassan Haji Salleh, *Qawaid Fiqhiyyah* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1995).

¹¹³ Yusuf Al-Qaradhawi, *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* (Damsyik : Masyurat al-Maktab al-Islamiyy, 1969), 232.

¹¹⁴ Abu 'Isa Muhammad b. 'Isa al-Salami al-Tirmidzi, "Jami' al-Tirmidzi" dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi', 2000), 1800 (Kitab Hudud, Bab Ma Jaa Fii Hadd al-Sahir, no bab 27, no.hadith 1460).

¹¹⁵ Al-Juzairi, *Al-Fiqh 'ala al-Mazahib al- 'Arba'ah* (Beirut : Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah, 1990).

pandangan yang diberikan oleh Ibnu Qudamah Al-Maqdisi yang mana beliau menyebut bahawa hukuman tukang sihir adalah bunuh. Pendapat ini telah diterima dari Khalifah Umar, Uthman Ibnu ‘Affan, Ibnu Umar, Hafsa, Jundub Ibnu Abdullah, Jundub Ibnu Ka’aab, Qais Ibnu Saad, Umar Ibnu Abdul Aziz dan termasuk pendapat Abu Hanifah dan Malik.¹¹⁶

Walaupun bagaimanapun, pendapat yang dikemukakan oleh Imam Syafi’i adalah berbeza iaitu menyifatkan sihir sebagai maksiat dan ahli sihir tidak dikira kafir semata-mata kerana sihirnya melainkan jika terdapat perkara-perkara yang boleh membawa kepada kekufuran di dalam sihir yang diamalkannya, maka dia dihukum sebagai kufur dan boleh dibunuh.¹¹⁷

2.5 SIHIR DALAM KONTEKS UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

Sihir dari sudut jenayah Islam tidak banyak dibincangkan secara khusus oleh para *fuqaha*, namun perbincangan mengenainya ada disentuh secara umum pada bahagian jenayah *qisas* dalam konteks pembunuhan dengan menggunakan sihir. Menurut pendapat ulama Mazhab Shafi’i (pendapat ini disetujui oleh Mazhab Hanbali dari segi pembahagiannya sahaja) bahawa ianya terbahagi kepada tiga jenis iaitu pembunuhan sengaja, pembunuhan separuh sengaja dan pembunuhan tidak sengaja.

i) Pembunuhan sengaja

Seseorang boleh disabitkan melakukan pembunuhan dengan sengaja apabila penjenayah (tukang sihir) itu mengaku bahawa dia yang menyihir mangsa dan sihirnya itu pada kebiasaannya boleh menyebabkan kematian sebagai contoh, “saya telah menyihirkannya dan sihir saya itu pada kebiasaannya boleh membunuh”. Oleh itu, kata-

¹¹⁶ Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina’* (Makkah : Matba’at al-Hukumah, 1974), 6:186.

¹¹⁷ Abu ‘Isa Muhammad b. ‘Isa al-Salami al-Tirmidzi, *Sunan al-Tirmidzi* (Beirut : Dar al-Fikr, 1994), 140.

katanya itu merupakan suatu pengakuan terhadap pembunuhan dengan sengaja maka diwajibkan ke atasnya hukuman *qisas*.¹¹⁸

ii) Pembunuhan separuh sengaja

Pembunuhan separuh sengaja boleh disabitkan apabila penjenayah (tukang sihir) itu membuat pengakuan bahawa dia telah menyihirkan mangsa dan kesan kepada sihirnya itu kadangkala membawa kepada kematian dan sebaliknya. Misalnya penjenayah berkata “saya telah menyihirkannya dan sihir saya ini kadang-kadang membunuh dan kadang-kadang tidak” atau “sihir saya ini jarang-jarang menyebabkan berlakunya pembunuhan.”¹¹⁹. Oleh yang demikian, berdasarkan pengakuan tersebut ianya tergolong dalam pembunuhan separuh sengaja dan diwajibkan membayar satu *diah* berat (*diah munghallazah*)¹²⁰.

iii) Pembunuhan Tidak Sengaja

Seseorang boleh didapati bersalah melakukan pembunuhan tidak sengaja apabila penjenayah itu menyihirkan seseorang namun tersalah sasaran mengenai orang lain namun kesan sihirnya itu menyebabkan kematian. Contohnya “saya menyihirkan orang lain, tetapi kebetulan sihir saya mengenainya”. Oleh itu, kata-kata tersebut merupakan pengakuan kepada pembunuhan tidak sengaja. Justeru, dia diwajibkan membayar satu *diah* ringan (*diah mukhaffafah*)¹²¹.

Kesemua pembayaran *diah* wajib ditunaikan oleh penjenayah sendiri sama ada dalam pembunuhan separuh sengaja atau pembunuhan tidak sengaja kerana jenayah

¹¹⁸ Muhammad ‘Ali al-Sabuni, *Rawai’ al-Bayan* (Damsyiq : Maktabat al-Ghazali, 1981), 1: 101.

¹¹⁹ Muhammad ‘Ali al-Sabuni, *Rawai’ al-Bayan* (Damsyiq : Maktabat al-Ghazali, 1981), 1: 101. Lihat Mat Saad Abd Rahman, *Undang-Undang Jenayah Islam : Jenayah Qisas*, cet. ke-2 (Shah Alam : Hizbi, 1990), 269. Lihat juga Abdul Halim El-Muhammady, *Undang-Undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*, cet. ke-3 (Selangor : Wadah Niaga Sdn Bhd, 2008), 60-61.

¹²⁰ *Diah munghallazah* bermaksud ganti rugi yang berat iaitu sebanyak 100 ekor unta dibahagikan kepada tiga jenis : (i) 30 ekor unta yang berumur tiga tahun, (ii) 30 ekor unta yang berumur empat tahun, (iii) 40 ekor unta yang sedang bunting. *Diah* ini juga boleh juga dibayar dengan bayaran-bayaran berikut : (i) 33 ekor unta berumur tiga tahun, (ii) 33 ekor unta berumur empat tahun, (iii) 34 ekor unta yang sedang bunting. Jika sukar untuk mendapatkan unta, maka dibayar diahnya senilai harganya dengan jumlah 100 ekor unta atau 800 dinar (wang emas) atau 8,000 dirham.

¹²¹ *Diah mukhaffafah* adalah ganti rugi yang ringan iaitu sebanyak 100 ekor unta yang dibahagikan kepada lima jenis : (i) 20 ekor unta yang berumur tiga tahun, (ii) 20 ekor unta berumur empat tahun, (iii) 20 ekor unta betina berumur dua tahun, (iv) 20 ekor unta jantan berumur dua tahun, (v) 20 ekor unta betina berumur satu tahun. Jika sukar untuk mendapatkan unta, maka wajib dibayar diahnya sebanyak 400 dinar atau dibayar dengan wang perak senilai dengannya dan *diah* itu mestilah dibayar mengikut nilai harga unta.

tersebut telah sabit dengan pengakuannya. Menurut kaedah dalam Mazhab Syafi'i, sesuatu jenayah yang sabit dengan pengakuan penjenayah maka kesemua pembayaran dia ditanggung oleh penjenayah itu sendiri kecuali jika mereka mengakui kebenaran pengakuannya itu.¹²²

2.5.1 Hukuman Jenayah Sihir

Berdasarkan pendapat Imam Syafi'i, jika seseorang tukang sihir itu menggunakan sihirnya untuk menyakiti mangsanya sahaja seperti dia berkata, "saya menyakitinya dengan sihir saya, tetapi saya tidak membunuhnya" atau dia berkata, "saya telah menyihir si polan sehingga dia jatuh sakit". Maka dengan pengakuannya itu, pihak berkuasa boleh menjatuhkan hukuman *ta'zir* ke atasnya. Misalnya dalam contoh yang lain, jika tukang sihir berkata, "saya tidak bercadang menyebabkannya mendapat sakit dengan sihir saya itu, tetapi saya ingin menyakitinya sahaja", maka hendaklah dia dilarang dari melakukannya. Tetapi jika dia laksanakan juga hasratnya itu maka hendaklah dia dita'zirkan.¹²³

Dalam situasi seseorang tukang sihir mengaku bahawa dia telah menyihirkan sekumpulan orang tetapi dia tidak menentukan siapakah orang yang ditujukan, maka dia tidak akan dikenakan hukuman *qisas* atau hukuman bunuh menerusi hukuman *had*.¹²⁴ Berbeza dengan pandangan ulama mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali yang menegaskan bahawa dia wajib dibunuh menerusi hukuman *had*.¹²⁵

Abu Hanifah berpendapat bahawa seorang tukang sihir harus dibunuh walaupun dia tidak melakukan jenayah pembunuhan. Hal ini disebabkan mereka menganggap

¹²² Al-Imam al-Syairazi, *al-Muhadhdhab* (t.p,t.tp.(t.t) , 2 : 189-241. Lihat Al-Nawawi, *Raudat at-Talibin* (Beirut : al-Maktab al-Islami,1976),9:347.

¹²³ Al-Nawawi, *Raudat at-Talibin* (Beirut : al-Maktab al-Islami,1976), 9:347. Lihat Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina'* (Makkah : Matba'at al-Hukumah,1974), 6:186.

¹²⁴ *Ibid.*

¹²⁵ Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina'* (Makkah : Matba'at al-Hukumah,1974), 6:186.

seorang tukang sihir sudah menjadi murtad dengan amalan sihirnya itu. Oleh itu, dia harus dibunuh menerusi hukuman had tanpa perlu meminta dia bertaubat terlebih dahulu bahkan menurut satu riwayat dari Abu Hanifah bahawa beliau mengatakan seorang tukang sihir telah berkumpul bersama-sama amalan sihirnya itu merupakan satu perbuatan untuk melakukan kerosakan di atas muka bumi. Menurut beliau lagi, seorang tukang sihir dari kalangan kafir *kitabī* adalah sama dengan seorang tukang sihir muslim dari segi hukumannya.

Ulama mazhab Maliki, walaupun bersetuju dengan pandangan ulama mazhab Hanafi tentang keharusan membunuh tukang sihir, namun mereka tidak bersetuju tentang kedudukan tukang sihir *kitabī*. Pada mereka tukang sihir *kitabī* tidak akan dibunuh kecuali jika ia memudaratkan kaum muslimin sahaja.¹²⁶ Pendapat ini dipersetujui oleh ulama mazhab Hanbali. Mereka juga (mazhab Maliki) bersetuju dengan pendapat tentang kekufuran seorang Muslim apabila dia sudah menjadi tukang sihir, sama ada dia melakukan pembunuhan dengan sihirnya itu atau tidak maka dia wajib dibunuh. Begitulah juga menurut pendapat ulama mazhab Hanbali, jika seorang Muslim walaupun dia bukan seorang tukang sihir, yang beri'tikad tentang kehalalannya maka dia juga wajib dibunuh kerana ternyata kekufurannya dengan menghalalkan sesuatu yang haram.¹²⁷

Oleh yang demikian, daripada pendedahan ini jelas menunjukkan bahawa ulama mazhab Syafi'i tidak menghukum seorang tukang sihir sebagai murtad dan keharusan membunuhnya adalah berdasarkan kepada tindakan jenayah yang dilakukannya. Dalam Tafsir Ibnu Kathir, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad meriwayatkan kisah 'Amru bin Bin Dinar RA telah mendengar Bajalah bin 'Abdah yang melaksanakan perintah Saidina Umar iaitu dengan membunuh tiga orang tukang sihir. Perkara tersebut dikukuhkan lagi dengan perbuatan Hafsa Umm al-Mu'minin bahawa ada seorang daripada *jariah*

¹²⁶ Mansur bin Yunus bin Idris al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina'* (Makkah : Matba'at al-Hukumah, 1974), 6:186. Lihat Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Rawai' al-Bayan* (Damsyiq : Maktabat al-Ghazali, 1981), 1: 101

¹²⁷ Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Rawai' al-Bayan* (Damsyiq : Maktabat al-Ghazali, 1977), 1:85.

(pembantu rumah) yang telah melakukan sihir ke atas dirinya. Apabila didapati dia terbukti bersalah, maka dijatuhkan hukuman bunuh sebagaimana yang termaktub di dalam Tafsir Ibnu Kathir seperti berikut :

انها قتلت جارية لها سحرتها

Maksudnya : sesungguhnya telah dibunuh hambanya(pembantu rumah) kerana sihirnya.¹²⁸

Walaubagaimanapun, para *fuqaha*’ tidak sependapat dengan ulama mazhab Syafi’i dan mengatakan bahawa jika seorang muslim menjadi tukang sihir maka dia sudah terkeluar dari agamanya dan menjadi murtad. Justeru, dia harus dibunuh biarpun sebelum dia diminta bertaubat. Menurut Imam Malik, dia tidak akan diminta bertaubat dari kekufurannya kerana seorang muslim apabila batinnya telah menjadi murtad maka taubatnya tidaklah dapat dipastikan biarpun dia telah menunjukkan sikap keislamannya.¹²⁹

2.6 Kesimpulan

Sihir merupakan amalan yang ditegah dalam Islam bahkan perbuatan sihir boleh mengheret pengamalnya menyekutukan Allah, menjadi syirik dan terpesong akidahnya. Islam melarang umatnya daripada terjebak dengan amalan sihir kerana ia merupakan antara tujuh dosa-dosa besar yang dihitung dan diazab oleh Allah dengan azab yang pedih.

Daripada pengamatan pengkaji, antara sihir-sihir yang kerap mengganggu dan menyerang mangsanya adalah sihir santau, sihir pengasih, sihir pemisah dan tuju-tuju. Keempat-empat jenis sihir ini mempunyai tanda-tanda yang tersendiri berdasarkan kepada kaedah khusus yang dilakukan oleh seseorang bomoh atau dukun. Walaupun nama-nama yang disandarkan pada jenis-jenis sihir tersebut mempunyai sebutan atau

¹²⁸ Al-Imam Abi al-Fida’ Ismail Bin Umar Bin Kathir al-Qurayshi al-Dimashqi, *Tafsir al-Quran al-Azim (tafsir Ibnu Kathir)*, (Riyad : Dar al-Salam lil al-Nashr wa al-Tawzi’, 2004) 1: 209.

¹²⁹ *Ibid.*

panggilan yang berbeza dalam kalangan masyarakat namun ianya mempunyai satu matlamat iaitu untuk mendatangkan kemudharatan kepada orang lain khususnya kepada mangsa sihir sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 102:

...وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ
وَلَا يَنْفَعُهُمْ...

Maksudnya : Padahal mereka tidak akan dapat sama sekali memberi mudarat (atau membahayakan) dengan sihir itu seseorang pun melainkan dengan izin Allah. Dan sebenarnya mereka mempelajari perkara yang hanya membahayakan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka.

Antara punca seseorang itu melakukan sihir adalah disebabkan perasaan dendam, iri hati, hasad dengki, cemburu, marah dan perasaan negatif yang lain yang timbul dalam diri seseorang. Apabila perasaan tersebut sukar dibendung dan takut diketahui orang lain, maka mereka mengambil jalan yang mudah dan selamat dengan menyihir mangsa. Pada tanggapan mereka perbuatan tersebut boleh menyembunyikan kesalahan yang mereka lakukan dan sukar dikesan oleh pihak berkuasa disebabkan sihir merupakan perbuatan yang tidak dapat dilihat secara zahir dan bersifat metafizik. Oleh yang demikian, sehingga ke hari ini amalan ini masih lagi diamalkan dan tidak mustahil ia akan menjadi satu jenayah yang boleh mengancam nyawa dan menggugat akidah serta menjejaskan keharmonian masyarakat.

BAB TIGA

BAB TIGA

ELEMEN-ELEMEN JENAYAH DALAM JENAYAH SIHIR DAN KEDUDUKAN *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KETERANGAN YANG RELEVAN DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR.

3.0 PENGENALAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memfokuskan kajian pada aspek elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir. Oleh yang demikian, pengkaji akan menyentuh secara menyeluruh elemen-elemen jenayah yang wujud dalam jenayah sihir. Selain itu, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci berkaitan *qarinah* dan keterangan pendapat pakar (*ra'yu kabir*) sebagai keterangan yang relevan dalam mensabitkan kesalahan sihir.

3.1 ELEMEN-ELEMEN JENAYAH DALAM JENAYAH SIHIR

Pada peringkat awal, pengkaji akan menyentuh elemen-elemen yang wujud dalam jenayah sihir iaitu asas pengharaman sesuatu perbuatan jenayah, perbuatan yang diharamkan (*actus reus*) dan niat yang salah (*mens rea*) yang dapat menentukan bahawa amalan sihir merupakan suatu jenayah dan menzahirkan pembuktian jenayah sihir. Ketiga-tiga elemen ini adalah fakta persoalan (fakta utama atau fakta isu) yang mesti dibuktikan untuk mensabitkan jenayah sihir. Dalam menentukan sesuatu perbuatan itu diisytiharkan sebagai jenayah, terdapat tiga elemen asas yang mesti dibuktikan terlebih dahulu iaitu:

- i) asas pengharaman sesuatu perbuatan jenayah.
- ii) perbuatan yang diharamkan (*Actus Reus*)
- iii) niat yang salah (*Mens Rea*).

Ketiga-tiga elemen ini mesti wujud secara bersama untuk melengkapkan siri jenayah yang akan dilaksanakan. Sekiranya salah satu elemen tersebut ditinggalkan maka ia

tidak diiktiraf sebagai jenayah. Walaubagaimanapun, terdapat juga jenis perbuatan jenayah yang dikategorikan sebagai tanggungan keras atau *strict liability* yang menghukum berdasarkan perbuatan sahaja tanpa memerlukan sebarang kehadiran niat jahat dalam perbuatan jenayah.¹³⁰ Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menghuraikan ketiga-tiga elemen tersebut berdasarkan kepada subjek kajian iaitu jenayah sihir melalui prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil.

i. Asas pengharaman sesuatu perbuatan jenayah.

Elemen jenayah yang pertama adalah asas pengharaman sesuatu perbuatan jenayah. Sesuatu perbuatan jenayah itu perlu ditentukan melalui kenyataan dan hukuman yang ditetapkan oleh nas terhadap pengharamannya. Ini bermakna setiap perbuatan itu dianggap sebagai jenayah apabila terdapat nas syara' yang jelas memperakui jenayah tersebut diharamkan dan menetapkan hukumannya. Sebagaimana yang telah diperincikan dalam prinsip jenayah Islam iaitu tiada jenayah dan hukuman tanpa nas.¹³¹ Nas yang dimaksudkan dalam syariat merangkumi segala yang ditetapkan oleh nas al-Quran dan al-Sunnah sebagai jenayah.¹³² Sebagai contoh dalam jenayah zina, termaktub di dalam Al-Quran menyatakan zina adalah diharamkan dan telah ditetapkan hukuman sebagaimana firman Allah :

*Maksudnya : "janganlah kamu hampiri zina kerana ia perbuatan jahat dan seburuk-buruk jalan."*¹³³

Firman-Nya lagi yang bermaksud :

"Penzina perempuan dan lelaki hendaklah disebat setiap mereka sebanyak 100 kali sebat".¹³⁴

Terdapat juga hadith yang menerangkan hukuman terhadap penzina sebagaimana sabda Rasulullah SAW.:

¹³⁰ Zaleha Kamaruddin, *Strict Liability In Criminal Law : A Comparative Approach* (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1998).

¹³¹ 'Abd al-Qadir 'Awdah., *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islamiy: Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i* (Beirut : Dar al-Katib al-Arabi, 1980) 1:117.

¹³² Abdul Halim El-Muhammady, *Undang-Undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri* (Selangor : Wadah Niaga Sdn. Bhd., 2005), 7. Lihat Abdul Rahim Siddiqi, *Al-Jarimah wa al-Uqubah fi al-Syariat Islamiyyah*. (t.t.p : t.p, 1987), 1: 59.

¹³³ Surah al-Isra', ayat 32.

¹³⁴ Surah An- Nuur, ayat 2.

“Ambillah (hukum) daripadaku sesungguhnya Allah memberi penyelesaian terhadap pezina; dara atau perawan, disebat seratus kali dan dibuang kawasan setahun; janda atau duda disebat 100 kali dan direjam dengan batu (sampai mati)”.¹³⁵

Nas-nas tersebut menjelaskan bahawa zina adalah jenayah berat yang telah ditetapkan hukumannya iaitu sebat dan buang kawasan bagi dara atau bujang, dan hukuman rejam dengan batu sehingga mati bagi janda dan duda.

Begitu juga dalam perundangan sivil yang menyatakan bahawa sesuatu perbuatan sama ada ia menjadi jenayah atau tidak mestilah ditentukan oleh undang-undang. Dalam prinsip perundangan ianya disebut *“there is no crime and no punishment except by provision of law”* iaitu tiada jenayah dan tiada hukuman jenayah melainkan diperuntukkan oleh undang-undang.¹³⁶ Misalannya, merujuk kepada Kanun Keseksaan yang memperuntukkan jenayah sumbang mahram di bawah Seksyen 376(A)& (B) yang menyatakan sesiapa yang melakukan sumbang mahram akan dikenakan hukuman penjara selama tidak kurang dari enam tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebatan. Perkara mengenai larangan terhadap perbuatan sumbang mahram jelas diperuntukkan di dalam undang-undang sebagai suatu jenayah dan ditentukan hukuman terhadap pesalahnya.

Oleh yang demikian, perbincangan yang terperinci mengenai sihir merupakan suatu jenayah yang diakui oleh dalil syarak telah disentuh pada Bab 2 dalam kajian ini.¹³⁷ Justeru, pengkaji tidak akan membincangkan secara panjang lebar pada bahagian ini. Walaubagaimanapun perlu ditegaskan di sini bahawa sihir merupakan suatu jenayah yang perlu diperangi berdasarkan temubual yang dijalankan oleh pengkaji bersama dengan Mahyuddin Ismail.¹³⁸ Menurut beliau berdasarkan kata-kata yang dipetik oleh Emmet V. Mittlebeeler iaitu *“sekiranya kita semua menerima teori bahawa tindakan*

¹³⁵ Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri, *Sahih Muslim* (Beirut: Dar al-Ma'rifat, 1994), 189 (Kitab al-Hudud, Bab Hadd al-Zina, no. hadith 4390).

¹³⁶ Russell Heaton, *Criminal Law* (London : Blackstone Press Ltd, 1996).

¹³⁷ Bab 2, pada bahagian Sihir dari Perspektif Islam, 40-44.

¹³⁸ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

perlu diambil terhadap pelaku salah, maka ilmu sihir adalah jenayah yang paling utama untuk diperangi”.¹³⁹ Mahyuddin berpendapat bahawa sihir merupakan jenayah yang wajib diperangi berbanding jenayah-jenayah yang lain kerana sihir meliputi semua bentuk jenayah. Sebagai contoh, boleh membunuh menggunakan ilmu sihir, mencederakan orang dengan menggunakan ilmu sihir, mencuri dengan menggunakan ilmu sihir, menipu dengan ilmu sihir, merogol dengan sihir dan sebagainya.¹⁴⁰ Secara umumnya, beliau menyatakan bahawa apa sahaja bentuk jenayah yang boleh dilaksanakan, jenayah sihir juga boleh laksanakan. Para Sarjana Islam dan Barat bersetuju bahawa ilmu sihir boleh digunakan untuk mencederakan mangsa, mengubah rupa mangsa kelihatan seperti haiwan¹⁴¹, menghilangkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga, memisahkan antara suami dan isteri¹⁴², menghilangkan kewarasan akal, memperoleh harta secara tipuan¹⁴³, menyebabkan pelbagai penyakit sehingga ke tahap membunuh mangsa tanpa perlu disentuh.¹⁴⁴ Tambah beliau lagi, ulama terdahulu juga ada membincangkan mengenai hukuman terhadap ahli sihir seperti pada zaman Khalifah Umar al-Khattab yang mana pada masa itu beliau mengarahkan supaya ahli sihir dibunuh.

*“Bunuhlah semua ahli sihir lelaki mahupun wanita dan para sahabat pernah membunuh tiga orang ahli sihir.”*¹⁴⁵

Walaubagaimanapun, tiada undang-undang bertulis ketika itu yang dapat membuktikan hukuman tersebut.

Justeru, segala perbuatan yang membawa implikasi negatif iaitu mendatangkan kemudaratan kepada mangsa dan telah diharamkan oleh syarak boleh diisytiharkan

¹³⁹ Emmet V. Mittlebeeler, *African Custom and Western Law : The Development Of The Rhodesian Criminal Law For Africans* (New York : African Publishing Company,1976),135.

¹⁴⁰ Draf Cadangan Rang Undang-Undang Jenayah Sihir, disediakan oleh Mahyuddin Ismail, (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), lihat Lampiran 1, 192.

¹⁴¹ Muhammad Muṣṭafā al-Hadīdī Al-Thair, *Penyuluh Arwah*, (Jakarta: Pustaka Amani, 1987),105. Lihat Stuart Gordon, *The Encyclopedia of Myths & Legends* (London : Headline Book Publishing Plc.,1993),62.

¹⁴² Khadher Ahmad (Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan pengkaji, 8 Mac 2013. Lihat Wāhid Abdussalam Al-Bāly dan Daud Mohd Salleh, *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam* (Johor Bahru: Penerbitan Al Masyhur Sdn. Bhd.,1994), 2.

¹⁴³ Rushdi Ramli (Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), temubual dengan pengkaji, 14 Mac 2013. Lihat Susan C. Karant-nunn and Merry E. Wiesner-Hanks, *Luther On Women : A Sourcebook* (Cambridge : Cambridge University Press.,2003),231. Lihat juga Muhammad Muṣṭafā al-Hadīdī Al-Thair, 112-113.

¹⁴⁴ Wāhid Abdussalam Al-Bāly & Daud Mohd Salleh ,*Bagaimana Menentang Ilmu Hitam* , 2.

¹⁴⁵ An-Nawawi,*Sahih Muslim* (Beirut : Dar al-Fikr, 1983), 14: 109.

sebagai jenayah. Oleh itu, tindakan undang-undang boleh diambil untuk mensabitkan seseorang itu dengan kesalahannya. Perkara yang sama turut berlaku dalam jenayah sihir.¹⁴⁶ Apabila ditimbang antara mudarat dan manfaat, didapati lebih banyak mudarat yang diperolehi berbanding manfaat. Di samping itu, sihir juga telah diakui oleh syarak tentang pengharamannya berasaskan dalil-dalil dari Al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh yang demikian, tiada alasan lagi untuk menafikan amalan sihir merupakan satu jenayah dan tindakan undang-undang perlu diambil terhadap pesalah sihir bagi membanteras amalan ini daripada berleluasa.¹⁴⁷

ii) Perbuatan yang diharamkan (*Actus Reus*) dalam jenayah sihir.

Sesuatu jenayah itu tidak dianggap berlaku melainkan apabila terdapat tindakan untuk melakukan sesuatu yang diharamkan oleh syara'. Perbuatan yang diharamkan ini dikenali sebagai *al-rukn al-maddiy* dalam undang-undang Islam.¹⁴⁸ Elemen ini bermaksud tertuduh mesti dibuktikan bahawa dia terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melakukan jenayah tersebut.

Perbuatan yang diharamkan atau disebut *actus reus* merupakan elemen fizikal yang perlu ada dalam membentuk liabiliti jenayah. Russel Heaton mentakrifkan jenayah sebagai sebarang perbuatan, tinggalkan ataupun keadaan yang dinyatakan dalam definisi jenayah yang dituduh berserta keadaan sekeliling. Perkara ini selain daripada elemen niat jahat dan apa-apa akibat perbuatan ataupun tinggalkan yang diperlukan oleh definisi itu.¹⁴⁹ Melalui temubual yang dijalankan bersama Mahyuddin Ismail, beliau menyatakan elemen *actus reus* bukan tertumpu pada perbuatan semata-mata, namun memerlukan bukti kelakuan itu mempunyai akibat yang relevan dengan perbuatan

¹⁴⁶ Rushdi Ramli (Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), temubual dengan pengkaji, 14 Mac 2013.

¹⁴⁷ Zulfakar Ramlee (Penolong Pensyarah/Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam temubual dengan pengkaji, 13 Februari 2013.

¹⁴⁸ Abd al-Qadir Awdah, *Al-Tashri' al-Jina'iy al-Islamiy : Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'i*. Jilid 1 (Beirut : Dar al-Katib al-Arabi, 1980).

¹⁴⁹ Russell Heaton, *Criminal Law* (London : Blackstone Press Ltd, 1996), 12.

tersebut. Secara umumnya, *actus reus* boleh berlaku melalui kesan perbuatan itu.¹⁵⁰ Pendapat yang sama diutarakan oleh Nor Azian Bt. Abd Rahman¹⁵¹, setiap penjenayah yang melakukan jenayah pasti akan meninggalkan kesan jenayah pada mangsa.

Oleh itu, salah satu aspek yang penting dalam menentukan *actus reus* dalam jenayah adalah dengan mengenal pasti hubungkait sebab musabab atau (علاقة السببية) antara perbuatan jahat dan akibat daripada perbuatan tersebut. Untuk membebaskan pesalah dengan tanggungjawab jenayah adalah disyaratkan perbuatan jahat itu hasil dari perbuatannya dan perlu di antara perbuatan dan akibatnya ada hubungan sebab *musabab* yang disebut *Rabitah sababiyyah* (رابطه السببية).¹⁵²

Maksud sebab dari sudut bahasa adalah “*ibarat kepada sesuatu yang memungkinkan dengannya menyampaikan kepada maksud tertentu*”.¹⁵³ Antara contoh yang dikira sebab dalam Bahasa Arab ialah tali dan jalan. Kedua-dua disebutkan begitu disebabkan kedua-duanya boleh digunakan untuk menyampaikan kepada maksud tertentu. Manakala *musabab* pula merupakan hukum yang lahir disebabkan kewujudan sebab tersebut.¹⁵⁴ Dari sudut istilah *Usul Fiqh*, sebab *musabab* bermaksud “*setiap sifat yang zahir dan tepat (mundhabit) yang mana dalil sam’ie menunjukkan bahawa sebab tersebut berperanan sebagai petunjuk (mu’arrif) kepada hukum syara*”.¹⁵⁵

Oleh yang demikian, setiap jenayah perlu wujud elemen hubungan sebab-*musabab* untuk melihat perkaitan yang jelas antara jenayah yang dilakukan, pelaku yang dipertuduhkan dan kesan terhadap sesuatu perbuatan jenayah.

¹⁵⁰ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

¹⁵¹ Nor Azian Abd Rahman, “Metodologi Pendakwaan Dan Pembuktian Sihir Berdasarkan Fakta Syariah Dan Sains” (Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

¹⁵² Abd al-Qadir ‘Awdah, *Al-Tashri’ al-Jina’i al-Islami: Muqaranan bi al-Qanun al-Wad’i* (Beirut : Dar al-Katib al Arabi, 1980), 270. Lihat juga Paizah Hj Ismail, *Undang-Undang Jenayah Islam* (Selangor : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 24.

¹⁵³ Saif al Din Abi al Hasan Ali Ibn Abi Ali Ibn Muhammad Al-Amidi, *Al-Ihkam Fi Usul al Ihkam* (Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyah, 1980), 181.

¹⁵⁴ Abdul Rahman Ibrahim, *Ilmu Usul al-Fiqh* (Jordan: Maktabah Dar al Thaqafah li al Nasyr wa al Tauzi’. Ibrahim, 1999), 285.

¹⁵⁵ *Op.cit.*, Saif al Din Abi al Hasan Ali Ibn Abi Ali Ibn Muhammad Al-Amidi, *Al-Ihkam Fi Usul al Ihkam* (Beirut: Dar al Kutub al Ilmiyah, 1980), 181.

Perkara tersebut juga turut diaplikasikan dalam jenayah sihir. *Actus reus* untuk jenayah sihir dapat dilihat sama ada pada perbuatan ataupun kesan yang terhasil daripada amalan sihir. *Actus reus* dalam jenayah sihir dapat direalisasikan berdasarkan dua syarat iaitu :

i) Dengan melakukan pemujaan dan korban. Pemujaan dan korban ini memerlukan

bahan-bahan yang ditetapkan dengan tujuan menyeru kehadiran makhluk halus yang bertugas sebagai khadam sihir. Ritual ini penting kerana perkara itu adalah *actus reus* kepada keberhasilan ilmu sihir yang dikenakan kepada mangsa. Tanpa penggunaan makhluk halus, sihir yang dikenakan tidak memberikan apa-apa kesan.

ii) Dengan melakukan perkara-perkara yang berbentuk isyarat sama ada melalui perkataan ataupun perbuatan tertentu yang mengandungi makna simbolik kepada bahan-bahan yang ditetapkan dan bahan-bahan yang diambil dari tubuh mangsa. Bahan-bahan itu seperti rambut, air liur, kuku, pakaian, gambar atau sesuatu yang mewakili mangsa seperti patung yang dibentuk daripada tanah liat, lilin ataupun jerami yang mewakili jasad mangsa, yang dipuja dengan bacaan mantera.¹⁵⁶

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa *actus reus* dalam jenayah sihir dapat dikenal pasti melalui perbuatan pemujaan dan korban untuk menyeru khadam sihir yang dianggap sebagai pelaku jenayah, diikuti dengan bahan-bahan simbolik dan bahan yang diperlukan daripada mangsa dianggap sebagai alatan yang digunakan untuk melakukan jenayah dan akhir sekali kesan terhadap perbuatan tersebut yang menghasilkan kesakitan kepada mangsa dianggap sebagai perlakuan jenayah iaitu *actus reus*.

Walaupun, apabila hubungan sebab *musabab* diuji dalam jenayah sihir maka kajian mendapati bahawa timbul beberapa persoalan. Antaranya adalah adakah wujud elemen hubungan sebab *musabab* antara fenomena sihir yang berlaku

¹⁵⁶ Mahyuddin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung* (Kuala Lumpur :PTS Millennia Publication,2011),110.

dengan pelakunya yang dipertuduhkan di Mahkamah? Bagaimana untuk membuktikan kaitannya dengan pelaku jenayah sihir berkenaan?

Oleh yang demikian, untuk mengaitkan antara fenomena sihir yang wujud dengan pelakunya adalah sesuatu yang sukar untuk dibuktikan apabila melibatkan jenayah sihir.¹⁵⁷ Ini disebabkan *actus reus* dalam fenomena sihir tidak dapat dilihat dengan nyata dan bersifat tersembunyi menyebabkan tidak dapat dikaitkan hubungan antara kesan jenayah dengan pelaku yang telah melakukan jenayah tersebut.¹⁵⁸

Justeru, perkara ini bertentangan dengan prinsip keadilan dalam sistem kehakiman Islam yang menitikberatkan keadilan di Mahkamah adalah berlandaskan kepada bukti-bukti yang zahir dan nyata.¹⁵⁹ Oleh itu, hubungan antara fakta relevan dan fakta isu (jenayah sihir itu sendiri) adalah lemah kerana tidak zahir dan hubungan antara dalil dan *madlul* adalah lemah.

iii) Niat Jahat atau *Mens Rea* dalam jenayah sihir.

Elemen ketiga yang perlu wujud bagi membentuk tanggungan jenayah adalah niat jahat atau *mens rea*. Tanggungan jenayah berkait rapat dengan niat terhadap sesuatu tindakan dan merupakan elemen yang bersifat mental yang diperlukan bagi sesuatu jenayah.¹⁶⁰ Tanggungan jenayah perlu dikaitkan dengan pelanggaran hukum syarak maka menjadi asas utama penentuan sesuatu jenayah itu bergantung kepada niat, sebagaimana firman Allah SWT:

... وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ
قُلُوبُكُمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya : kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah

¹⁵⁷ Paizah Ismail (Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya), dalam temubual dengan pengkaji, 20 Januari 2014.

¹⁵⁸ *Ibid.*

¹⁵⁹ Mustafa Ahmad al-Zarqa', *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (Damsyik : Dar al-Qalam, 1996),391.

¹⁶⁰ Abdul Halim El-Muhammady, *Undang-Undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*. (Selangor : Wadah Niaga Sdn. Bhd,2005),27.

perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani).¹⁶¹

Selain itu, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

“Sesungguhnya setiap pekerjaan dikira dengan niat dan setiap orang dikira mengikut apa yang diniatkan.”¹⁶²(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Justeru, setiap perbuatan jenayah (*actus reus*) mesti disertai dengan niat dan diakui oleh nas syara' untuk menghasilkan tanggungan jenayah.

Menurut Mahyuddin Ismail, dalam jenayah sihir niat jahat atau *mens rea* boleh dikenalpasti melalui kaedah penyihiran dan bahan-bahan yang digunakan. Ada masanya bahan yang digunakan sama, tetapi kaedah yang digunakan berbeza. Contohnya, sekiranya jarum yang digunakan ditikam pada bahagian jantung ataupun otak, dapat disimpulkan ahli sihir itu memang berniat mahu membunuh mangsa. Namun sekiranya tikaman itu hanya pada tangan dan kaki, itu bertujuan mencederakan ataupun melumpuhkan mangsa sahaja. Beliau juga mempunyai pengalaman di mana terdapat seorang pengadu mengatakan premisnya ditabur dengan pasir kubur di sekelilingnya dengan tujuan untuk menakutkan orang ramai yang lalu lalang dan datang ke premisnya itu. Selain itu, bagi menjadikan mangsa gelisah, bingung, dan tidak tentu arah, beberapa bahan diambil dan dijadikan bahan sihir.

Antaranya adalah bahan-bahan seperti daun kayu ataupun binatang kecil yang sudah mati diambil daripada air yang berpusar atau apa-apa objek seperti bangkai semut, labah-labah ataupun lipas yang terperangkap di sarang labah-labah ataupun tergantung berpusing-pusing ke kanan dan ke kiri di tiup angin. Mangsa akan menjadi bingung, tidak keruan ataupun menjadi tidak siuman. Hal- hal sebegini hanya dapat dikenalpasti oleh orang pakar dalam ilmu ini. Oleh yang demikian, kaedah dan bahan-

¹⁶¹ Surah al-Ahzhab, ayat 5.

¹⁶² Imam al-Bukhari. “Sahih al-Bukhari” dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah* (Riyadh: Darul Salam lil Nasyru wa Tauzi', 2000), (Kitab Bad'i al-Wahyi, no hadith 1 atau kitab al-Aiman wa an-Nudzur, no. hadith 6689.)

bahan yang digunakan melambangkan *mens rea* penyihir.¹⁶³ Bagi tujuan pembuktian di Mahkamah, *mens rea* ahli sihir perlu memenuhi dua syarat iaitu yang pertama, sihir yang dilakukan adalah dengan kemahuannya sendiri tanpa ada unsur paksaan ataupun tidak sengaja. Sihir juga dilakukan akibat dorongan daripada pihak yang mahu mendapatkan khidmatnya dengan bayaran yang ditetapkan. Kedua, pengamal sihir mengetahui perbuatan menyihir itu menyebabkan kemudaratan kepada mangsa. Sebagai contoh wujud kedua-dua elemen *actus reus* dan *mens rea* dalam kes PP lawan Mat Saad Mat Isa.¹⁶⁴ Kes ini merupakan kes pembunuhan isteri kedua Raja Di Hilir, Perak iaitu Hasleza Ishak. Tertuduh disabitkan dengan kesalahan membunuh di bawah peruntukan Seksyen 302, Kanun Keseksaan dan mengaku bersalah atas kesalahannya itu. Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 14 tahun oleh Mahkamah Tinggi Taiping, Perak.

Berdasarkan fakta kes, isteri pertama kepada suami diubati oleh seorang bomoh kerana masalah kerenggangan hubungan rumahtangga dengan suaminya. Bomoh itu menjampikan air mineral yang dimasukkan kuku jari manis kiri dan kanan isteri pertama dan tali kerbau di dalamnya kemudian air itu diberi untuk diminum oleh suami. Bahan-bahan yang digunakan seperti air mineral, kuku jari dan juga tali kerbau, bomoh tersebut menjampikan air tersebut kemudian air itu diberi untuk diminum oleh suami. Jampi bomoh ini mujarab dan perhubungan mereka baik semula.

Kaedah yang digunakan jelas mempunyai elemen-elemen *actus reus* dan *mens rea* dalam sihir iaitu yang pertama jampi, jampi tersebut menunjukkan unsur pemujaan. Jampi yang digunakan oleh bomoh itu mengandungi mantera pemujaan bagi memohon bantuan khadam sihir yang mendampinginya. Ia menunjukkan elemen *actus reus*. Kedua, tali kerbau. Tujuan digunakan tali kerbau untuk memberi isyarat kepada khadam sihir kesan yang mahu dikenakan ke atas mangsa sihir supaya dia menjadi seorang yang mengikut kata penyihirnya ibarat lembu dicucuk hidungnya. Ini juga menunjukkan

¹⁶³ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

¹⁶⁴ (2005) 1 AMR 29

elemen *actus reus*. Kemudian, yang ketiga bahan yang berasal daripada badan mangsa iaitu kuku jari manis. Jari manis menunjukkan tanda sayang, yang mana memberi isyarat kepada khadam sihir agar mangsa menjadi kasih yang teramat kepada tuan punya kuku itu sahaja. Akhir sekali, air yang dijampi dan dicampur bahan-bahan sihir diberi minum kepada suaminya menyebabkan suami itu kembali kasih kepada isterinya. Ini menandakan elemen *mens rea* digunakan iaitu agar suami sayang kepada isterinya. Apabila diminum, maka khadam sihir mula menguasai minda mangsa dan terhasil apa yang dikehendaki oleh penyihir tadi.¹⁶⁵

Walaupun bagaimanapun, *mens rea* yang disebutkan di atas berkemungkinan akan berhadapan dengan kekangan dalam membuktikannya. Ini disebabkan terdapat keraguan dari segi perundangan apabila mengemukakan keterangan yang tidak zahir dan hanya berpandukan logik akal semata-mata. Oleh itu, walaupun kaedah-kaedah tersebut menunjukkan *mens rea* namun ianya masih tidak terbukti secara saintifik dan perlu kepada kajian yang mendalam mengenainya.

Pada pendapat pengkaji, ketiga-tiga elemen jenayah dalam jenayah sihir perlu difahami secara terperinci terlebih dahulu untuk mengaitkan elemen ini dengan perbuatan jenayah dan seterusnya membentuk satu korelasi antara asas pengharaman perbuatan jenayah, *actus reus*, *mens rea* dan hubungan sebab *musabab* dalam pembuktian jenayah sihir. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, ketiga-tiga elemen tersebut adalah fakta isu atau persoalan yang mesti dibuktikan untuk mensabitkan jenayah sihir. Kadangkala fakta isu boleh dibuktikan secara langsung namun dalam kebanyakan keadaan ia memerlukan sokongan daripada fakta yang relevan.

Setelah menilai elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir, maka pada bahagian berikutnya pengkaji akan menerangkan mengenai keterangan yang relevan bagi membuktikan elemen-elemen jenayah sihir iaitu *qarinah* dan pendapat pakar.

¹⁶⁵ *Ibid.* Mahyuddin Ismail, temubual dengan pengkaji. Lihat kes PP lawan Mat Saat Mat Isa (2005) 1 AMR 29.

Bahagian ini merupakan elemen teori bagi menjustifikasikan *qarinah* dan pendapat pakar sebagai keterangan yang relevan.

3.2 QARINAH DAN PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KETERANGAN YANG RELEVAN.

Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan kedua-dua keterangan ini dengan terperinci didahului dengan keterangan berbentuk *qarinah* dan diikuti dengan pendapat pakar.

3.2.1 QARINAH SEBAGAI KETERANGAN YANG RELEVAN

i) Definisi *qarinah* dari segi bahasa

Qarinah berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang bermaksud berserta, bersama atau bersahabat.¹⁶⁶ Setelah menjadi satu kata nama, maka *qarinah* adalah lafaz mufrad bagi perkataan *al-qarain* yang memberi maksud perkara yang menunjukkan ke atas apa yang dimaksudkan.¹⁶⁷ Menurut al-Jurjani, *qarinah* dari sudut bahasa bermaksud “tanda yang menunjukkan ke atas sesuatu yang diingini atau dicari”.¹⁶⁸ *Qarinah* digunakan dalam pengertian-pengertian berikut kerana adanya hubungan antara satu sama lain serta menjadi bukti wujudnya sesuatu perkara itu.

ii) Pengertian dari segi istilah

Menurut Mustafa Ahmad al-Zarqa’ telah memberikan pengertian *qarinah* sebagai setiap tanda zahir yang menggiringi (yang ada bersama) sesuatu yang tersembunyi dan menunjukkan ke atasnya¹⁶⁹

Pengertian yang hampir sama diberikan oleh al-Syeikh Abd al-Alwah yang menyatakan bahawa *qarinah* ialah tanda yang menunjukkan ke atas sesuatu perkara

¹⁶⁶ Ahmad Fathi Bahansi, *Nazariah al-Ithbat* (Mesir : Al-Arabiyah li al-Tibaah, 1962), 166.

¹⁶⁷ Muhammad Mahmud Hasyim, *Kitab al-Qada’ wa Nizam al-Ithbat fi al-fiqh al-Islami wa Anzimah al-Wad’iyyah* (Riyad, Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah : Jameah al-Malik al-Saud, 1988), 311

¹⁶⁸ Ali bin Muhammad bin Ali al-Jurjani, *Kitab al-Ta’rifat*. cet. ke-2 (Beirut, Lubnan : Dar al-Kitab al-Arabi, 1992), 152.

¹⁶⁹ Mustafa Ahmad Zarqa’, *Al-Madkhal al-Fiqh al-Am* (Damsyiq : Matbaah Turbin, 1968), 2:1060-1061.

yang tersembunyi yang mana tanda itu ada berserta dengannya sama ada dengan perantaraan nas, *uruf*, *sunah* atau selain daripadanya.¹⁷⁰

Manakala Sayid Sabiq dalam kitabnya *fiqh al-sunnah* telah membuat sedikit perubahan dan mendefinisikan *qarinah* sebagai tanda-tanda yang sampai ke peringkat yakin dan kadi akan mengambilnya apabila dia merasa pasti bahawa kenyataan itu cukup menyakinkan.¹⁷¹

Selain itu, menurut Wahbah al-Zuhaili, *qarinah* bermaksud setiap tanda yang jelas yang menunjukkan kepada sesuatu yang tersembunyi.¹⁷² Berdasarkan takrifan tersebut, *qarinah* mesti mengandungi dua unsur. Pertama, wujudnya perkara yang menjadi asas. Kedua, adanya kaitan yang menghubungkan antara perkara asas yang zahir dengan perkara yang tersembunyi.¹⁷³

Manakala Abd Karim Zaidan mendefinisikan *qarinah* sebagai petunjuk-petunjuk dan tanda-tanda yang digunakan bagi membuktikan wujudnya sesuatu atau menafikannya sama ada dalam bentuk keadaan, suasana, perkataan atau perbuatan.¹⁷⁴ Misalnya, seseorang keluar dari rumah dalam keadaan ketakutan dan tergopoh-gapah sambil memegang sebilah pisau yang berlumuran darah. Apabila orang ramai masuk ke dalam rumah itu, mereka dapati ada orang yang telah mati kerana disembelih. Berdasarkan keadaan yang sedemikian, boleh dijadikan bukti bahawa lelaki tersebut telah membunuh walaupun mereka tidak melihat lelaki itu melakukan perbuatan penyembelihan.¹⁷⁵

iii) *Qarinah* Pada Pandangan Pakar Perundangan Malaysia.

¹⁷⁰ Saleh bin Ghanim bin al-Sadlan, *al-Qarain wa Dauruha fi al-Ithbat fi al-Syariah al-Islamiyyah* (Riyad, Saudi : Dar Balansiah, 1998), 12.

¹⁷¹ Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*. cet. ke-8 (Beirut : Dar al-Kitab al-Arabiyyah, 1987), 362.

¹⁷² Wahbah al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami Wa Adilatuh*, Jilid 6 (Dimashq : Dar Fikr, t.t).

¹⁷³ Zaini Nasohah, "Al-Qarinah" dalam *Al-Syariah : Undang-Undang Keterangan Islam*, ed. Siti Zalikah Md. Nor et.al, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006), 3 : 142-143.

¹⁷⁴ Abd Karim Zaidan, *Nizam al-Qada fi al-Syariah al-Islamiah* (Baghdad : Matbaah al-Ani, 1984).

¹⁷⁵ *Ibid*, 136.

Menurut Mahfodz Mohamed, *qarinah* merupakan pertalian antara beberapa peristiwa yang tertentu dengan kejadian jenayah berkenaan sehingga tidak boleh dipisahkan antara kedua-duanya.¹⁷⁶ Beliau berpandangan bahawa pertalian (*qarinah*) boleh dijadikan bukti untuk mensabitkan jenayah bunuh, tambahan pula pada zaman sains dan teknologi ini, dengan wujudnya alat-alat yang canggih yang dapat mengesan kejadian melalui hubungkait yang kadang-kala begitu tepat dan terang. Sebaliknya, keterangan dari saksi-saksi semakin kurang dipercayai kredibilitinya. Oleh itu, tiada kesamaran atau keraguan yang boleh disangkal bahawa *qarinah* boleh diterima sebagai bukti untuk mensabitkan jenayah bunuh.¹⁷⁷

Selain itu, Mat Saad Abdul Rahman mendefinisikan *qarinah* sebagai bukti atau suasana atau keadaan atau *circumstantial evidence*. Menurut beliau, di dalam bahasa Melayu terdapat kecenderungan dalam kalangan sebahagian sarjana Islam untuk menamakannya sebagai keterangan hal. Sebagai menyatakan pendiriannya, beliau bertegas dengan berkata, “tetapi saya lebih cenderung mengistilahkannya sebagai bukti keadaan atau bukti suasana berdasarkan kepada ungkapan *dalail al-hal* seperti yang diungkapkan oleh Ibn Qayyim di dalam kitabnya *al-Turuq al-Hukmiyyah*.”¹⁷⁸

3.2.1.1 Penerimaan Dan Penolakan *Qarinah* Sebagai Wasilah Pembuktian.

a) Golongan yang menerima *Qarinah*

Kebanyakan fuqaha terutama fuqaha mazhab yang empat menerima *qarinah* sebagai salah satu cara pembuktian di Mahkamah. Bagi golongan yang menerima penggunaan *qarinah* sebagai salah satu cara pensabitan hukuman, mereka bersandarkan beberapa dalil yang termaktub di dalam al-Quran dan sunnah. Sebagaimana firman Allah SWT:

¹⁷⁶ Mahfodz Mohamed, *Undang-Undang Islam mengenai jenayah Qisas (Bunuh)* (Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar dan Persatuan Ulama Malaysia, 1993), 79-80.

¹⁷⁷ *Ibid.*

¹⁷⁸ Abdul Monir Yaacob dan Sarina Othman, *Tinjauan kepada perundangan Islam* (Kuala Lumpur : IKIM, 1996), 435.

وَأَسْتَبَقَا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصُهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا الْبَابِ ۚ
 قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
 قَالَ هِيَ رَاوَدَتْنِي عَنْ نَفْسِي ۚ وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ كَانَ
 قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ قُبُلٍ فَصَدَقَتْ وَهُوَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿١٦﴾ وَإِنْ كَانَ
 قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ فَكَذَبَتْ وَهُوَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿١٧﴾ فَلَمَّا رَأَى
 قَمِيصُهُ قُدَّ مِنْ دُبُرٍ قَالَ إِنَّهُ مِنْ كَيْدِكُنَّ إِنَّ كَيْدَكُنَّ عَظِيمٌ ﴿١٨﴾

Yusuf 12:

25-28

Maksudnya : Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang menyiksanya". Yusuf pula berkata: "Dia lah yang memujukku berkehendakkan diriku". (Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang dari keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata: "Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang-orang yang dusta. Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf adalah dari orang-orang yang benar". Setelah suaminya melihat baju Yusuf koyak dari belakang, berkatalah ia: "Sesungguhnya ini adalah dari tipu daya kamu orang-orang perempuan; Sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar pengaruhnya.

Baju Nabi Yusuf yang koyak di belakang ialah *qarinah* yang menunjukkan bukan Nabi Yusuf yang cuba mencabuli Zulaikha. Walhal sebaliknya Zulaikha yang cuba menggoda Nabi Yusuf. Ternyata *qarinah* digunakan dalam kejadian tersebut bagi membuktikan siapa yang bersalah dan menyebarkan fitnah.

Sunnah juga telah menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah menggunakan *qarinah* sebagai satu cara pembuktian. Antaranya, telah diriwayatkan bahawa dalam peperangan Badar, dua orang Ansar telah datang kepada Rasulullah SAW dan masing-masing mendakwa merekalah yang membunuh Abu Jahal. Rasulullah SAW bertanya kepada mereka : “Adakah kamu berdua sudah sapu kesan darah daripada pedang

kamu?” Kedua-duanya menjawab: “Belum lagi.” Rasulullah s.a.w. berkata lagi : “Tunjukkan pedang kamu.” Apabila baginda melihat pedang mereka yang masih berlumuran darah, Rasulullah SAW pun berkata : “ Kamu berdua yang membunuhnya ”.¹⁷⁹

b) Golongan yang menolak penggunaan *Qarinah*

Asas penolakan *qarinah* oleh kebanyakan ulama adalah kerana wujudnya *syubhah* atau keraguan. *Syubhah* merupakan suatu keadaan yang boleh berubah dengan berubahnya sistem dan keadaan masyarakat. Oleh yang demikian, terdapat para sahabat Nabi menerima *qarinah* mengandungi tanpa berkahwin sebagai *qarinah* melakukan zina. Selain itu, terdapat sahabat Nabi yang mengenakan had *al-sariqah* ke atas seorang yang memiliki barang curi. Had *al-syurb* ke atas orang yang mulutnya berbau arak dan muntah arak. Had *al-qazaf* dikenakan terhadap orang yang menuduh orang lain melakukan zina walaupun menggunakan lafaz yang tidak terang.

Kesemua hukuman dan tindakan ini dilakukan apabila dirasakan *syubhah* dapat dihindari. Keterangan-keterangan yang dikemukakan untuk kes-kes berkenaan adalah berasaskan *qarinah*. Persoalannya, adakah *qarinah* tersebut cukup kuat atau tidak untuk mensabitkan orang kena tuduh.

Ibnu al-Qayyim menegaskan bahawa *qarinah* yang kuat akan diterima sementara yang lemah atau meragukan akan disiasat. Kaedah penyiasatan yang dilakukan dalam kes-kes jenayah seperti soal siasat, pemeriksaan saksi, barang bukti serta keterangan pendapat pakar adalah antara metode-metode yang perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk mensabitkan kes-kes jenayah *syarie*. Kemajuan sains dan teknologi seperti pemeriksaan darah, sperma serta DNA menunjukkan kadar

¹⁷⁹ Ahmad ibn Hanbal, *Al-Musnad* (Istanbul : Dar al-Sahnun,1992),3:212.

kegagalan yang terlalu minima. Sudah tentu perkara ini dapat membantu pihak berkuasa menentukan hak dan keadilan.¹⁸⁰

3.2.1.2 *Qarinah* Dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 Dan Fakta-Fakta Berkaitan Dalam Konteks Akta Keterangan 1950.

Terdapat tiga kategori *qarinah* yang diterima pakai dalam akta ini. Pertama, *qarinah* yang bersifat umum, iaitu yang merangkum *al-alamat* (*qarinah lafziyah*) dan *al-amarat* (*shawahidul hal*). Dalam perundangan Barat dikenali sebagai “*circumstantial evidence*”.¹⁸¹ *Qarinah* kategori ini adalah merujuk kepada seksyen 3 yang mendefinisikan makna *bayyinah*, iaitu “keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*”.

Manakala *qarinah* dalam kategori kedua merujuk kepada “kaitan atau relevan”. Dalam konteks Akta Keterangan 1950 disebut “*relevancy*”.¹⁸² *Qarinah* kategori inilah dinyatakan di bawah seksyen 3 yang ditakrifkan sebagai :

*Fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Akta ini.*¹⁸³

Oleh yang demikian, *qarinah* kategori kedua inilah yang diperuntukkan dengan banyaknya dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 yang merangkumi Seksyen 5 hingga 42.

Qarinah kategori ketiga pula ialah yang dikenali sebagai anggapan atau andaian.

Dalam perundangan Barat, *qarinah* ini dikenal sebagai “*presumptive proof*”, yang

¹⁸⁰ Ruzman Md. Noor, “Kesan Perubahan Masyarakat Terhadap Prinsip *al-Qarinah* Dalam Kes-Kes Jenayah Menurut Hukum Keterangan Islam” dalam *Hukum Islam Semasa*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj. Azahari (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 283.

¹⁸¹ Zulfakar Ramlee, “The Role Of *Qarinah* in Islamic Law of Evidence : The Study of the Law in Malaysia, with Reference To The Rules And Principles Of English Law” (Tesis Doktor Falsafah, Glasgow Caledonian University, Scotland, 1997), 230-232. Lihat Zulfakar Ramlee, “Al-Qarinah : Pemakaiannya Dalam Litigasi Mal dan Jenayah” dalam *Undang-Undang Islam : Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, ed. Nasimah Hussin et al. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 195. Lihat juga Akta Keterangan 1950, Seksyen 7.

¹⁸² *Ibid.* Tesis Doktor Falsafah., 232-253. Lihat Akta Keterangan 1950, s.6.

¹⁸³ *Ibid.* Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan)2005, s.3.

diklasifikasikan kategori kepada dua iaitu anggapan berbentuk fakta dan anggapan undang-undang. *Qarinah* jenis ini dinyatakan di bawah seksyen 4 akta ini¹⁸⁴ iaitu :

- (1) *Apabila diperuntukkan oleh Akta ini bahawa Mahkamah boleh menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, Mahkamah boleh sama ada menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya, atau boleh meminta buktinya.*
- (2) *Apabila diperuntukkan oleh Akta ini bahawa Mahkamah hendaklah menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, Mahkamah hendaklah menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya.*

Berdasarkan penjelasan di atas, maka dapat disimpulkan bahawa frasa “fakta yang ada hubungan dengan fakta lain” dalam takrif *qarinah* merupakan frasa cedokan daripada tafsiran ‘relevan’ dalam Akta Keterangan 1950. Jika dibandingkan tafsiran *qarinah* dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah dengan maksud ‘fakta relevan’ dalam Akta Keterangan 1950, jelas sekali unsur asas dalam tafsiran *qarinah* sama dengan unsur asas ‘fakta relevan’ iaitu:

“fakta yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan fakta lain”.

Malah didapati takrif *qarinah* dalam seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah syariah menggunakan sepenuhnya maksud *fakta relevan* dalam Akta Keterangan 1950 iaitu :

“fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam peruntukan Akta/Ordinan/Enakmen.”

Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 mentafsirkan perkataan relevan seperti berikut :

“Sesuatu fakta dikatakan relevan dengan suatu fakta lain apabila fakta itu mempunyai hubungan dengan yang lain itu dengan mana-mana satu cara yang tersebut dalam peruntukan-peruntukan Akta ini berhubungan dengan kerelevanan fakta”.

¹⁸⁴ Zulfakar Ramlee, “The Role Of *Qarinah* in Islamic Law of Evidence : The Study of the Law in Malaysia, with Reference To The Rules And Principles Of English Law” (Tesis Doktor Falsafah, Glasgow Caledonian University, Scotland, 1997), 232-253. Lihat Zulfakar Ramlee, “Al-*Qarinah* : Pemakaiannya Dalam Litigasi Mal dan Jenayah” dalam Undang-Undang Islam : Jenayah, Keterangan dan Prosedur, ed. Nasimah Hussin et al. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 196. Lihat juga Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan)2005.

Perbezaan antara peruntukan tafsiran perkataan ‘relevan’ dengan *qarinah* hanyalah dari segi teknikal iaitu susunan ayat, gaya bahasa dan teknik pentafsiran sahaja, sedangkan maksud yang dapat disimpulkan adalah sama. Akta Keterangan tidak mentakrifkan terus istilah ‘fakta relevan’, sebaliknya memberikan maksud perkataan ‘relevan’ jika ia merujuk kepada suatu fakta yang ada kaitan dengan fakta lain. Manakala Akta keterangan Mahkamah Syariah memberikan takrif kepada perkataan *qarinah* yang maksudnya menyamai maksud ‘fakta relevan’.¹⁸⁵

3.2.1.3 Bahagian-Bahagian *Qarinah*

Apabila menyentuh bahagian-bahagian *qarinah* maka tidak dinafikan bahawa para *fuqaha* telah membahagikan *qarinah* kepada beberapa kategori dan setiap kategori dibahagikan berdasarkan ciri-ciri khusus. Kategori-kategori tersebut adalah yang pertama pembahagian berdasarkan sumber *qarinah*. Kedua, pembahagian berdasarkan hubungannya dengan *madlulnya* dan ketiga, pembahagian berdasarkan kekuatan *dalalahnya*. Walaubagaimanapun, pengkaji tidak akan menghuraikan kesemua bahagian tersebut tetapi hanya akan memfokuskan *qarinah* pada bahagian kekuatan *dalalahnya* yang jelas berkait rapat dengan tahap kebolehterimaan keterangan ini sebagai keterangan relevan yang diusulkan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Secara umumnya, *qarinah* berdasarkan kekuatan *dalalahnya* boleh dibahagikan kepada 3 bahagian seperti yang berikut :

- 1) *Qarain* yang mempunyai *dalalah* yang kuat.
- 2) *Qarain* yang mempunyai *dalalah* yang lemah.
- 3) *Qarain* yang mempunyai *dalalah* yang tidak dikira.

1) *Qarain* yang mempunyai *dalalah* yang kuat :

¹⁸⁵ Hassan Abd Rahman, “Pemakaian prinsip-prinsip keterangan dalam peruntukan statut-statut keterangan syariah Malaysia : suatu kajian perbandingan dengan peruntukan akta keterangan 1950 ;tumpuan khusus pada *bayyinah*, *syahadah* dan *qarinah*” (tesis sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

Qarain ini ialah tanda yang jelas sehingga menjadikan sesuatu perkara terbukti secara pasti. Ianya dinamakan juga sebagai *qarinah* yang kuat atau *qarinah qati'ah* dan *al-amarat al-balighah had al-yaqin* iaitu *qarinah* yang sampai peringkat yakin. Para fuqaha' mentafsirkan pengertian yakin tersebut sebagai tahap *zann al-ghalib* (berat sangka).¹⁸⁶ Hal ini kerana yakin yang sebenarnya iaitu tanpa keraguan munasabah amat sukar diperolehi melainkan dengan dua cara sahaja iaitu melalui *iqrar* dan *shahadah*. Antara contohnya yang terdapat dalam Majalah al-Ahkam al-Adliyyah¹⁸⁷ iaitu apabila seseorang keluar dari sebuah rumah kosong dalam keadaan ketakutan, pada tangannya terdapat sebilah pisau yang berlumuran darah, apabila orang ramai meluru masuk ke dalam rumah tersebut pada waktu itu didapati sekujur tubuh yang telah disembelih. Maka tidak syak lagi bahawa lelaki itulah yang telah membunuhnya dan tidak perlu melihat kepada kemungkinan-kemungkinan lain seperti kemungkinan lelaki itu membunuh dirinya sendiri.¹⁸⁸

2) *Qarain* yang mempunyai *dalalah* yang lemah :

Qarain ini tidak seperti *qarinah* yang sebelumnya. Apa yang dimaksudkan dengan *Qarain* yang mempunyai *dalalah* yang lemah ialah suatu petunjuk yang tidak pasti dan mempunyai kemungkinan-kemungkinan yang hampir sama antara kedua-dua pihak. *Qarain* ini dikhususkan untuk mentarjihkan salah satu pihak yang bertikai. Dalam erti kata yang lain, *qarinah* ini tidak dapat membuktikan atau menafikan andaian serta tidak boleh dijadikan dalil tetapi boleh digunakan untuk menyokong sesuatu perkara.¹⁸⁹

Sebagai contoh, jika berlaku pertikaian antara suami isteri mengenai pembahagian barangan rumah. Maka benda-benda yang sesuai sebagai milik lelaki dihukumkan sebagai milik suami dan barang-barang yang sesuai sebagai milik perempuan dihukumkan milik isteri¹⁹⁰ walaupun berkemungkinan wanita juga memiliki benda tersebut melalui harta pusaka

¹⁸⁶ Ahmad Abdul Mun'im al-Baha'iy, *Min Turuq al-Ithbat fi al-Shariah wa fi al-Qanun* (Mesir : Dar al-Fikr al-Arabi, 1965), 74.

¹⁸⁷ Majalah al-Ahkam al-Adliyyah, Perkara 1741.

¹⁸⁸ Mustafa Ahmad Zarqa', *al-Madkhal Al-fiqh al-Am* (Damsyiq : Matbaah Turbin, 1968), 2:919.

¹⁸⁹ Zaini Nasohah, "Al-Qarainah" dalam *Al-Syariah : Undang-Undang Keterangan Islam*, ed. Siti Zalikah Md. Nor et al. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006).

¹⁹⁰ Al-Bahuti, *Kasysyaf al-Qanna'an Matni al-Iqna* (Beirut : Dar al-Fikr, 1982), 6:383.

daripada ayahnya dan sebagainya. Kemungkinan ini adalah tidak mustahil dan biasa terjadi. Dalam kes ini, keputusan dibuat begitu kerana terdapat *qarinah* yang menguatkan salah satu pihak iaitu kesesuaian.

3) *Qarain* Yang Mempunyai *Dalalah* Yang Tidak Dapat Diterima :

Qarinah ini merupakan petunjuk yang tidak membawa sebarang kekuatan dan wujud dalam bentuk sangkaan semata-mata.¹⁹¹ Kadangkala *qarinah* ini terjadi apabila berlaku pertembungan antara dua *qarinah* atau jika berlaku pertembungan dengan bukti yang lebih kuat. Dalam hal ini *qarinah* yang lemah dikira sebagai *qarinah* yang tidak dapat diterima dan ditolak.

Sebagai contoh, apabila berlaku pertikaian antara tuan rumah dengan tukang jahit yang bekerja di rumahnya mengenai pemilikan jarum atau gunting. Maka dalam hal ini, barang itu dihukumkan milik tukang jahit dan tidak perlu melihat kepada *al-yad* kerana ianya bertentangan dengan *qarinah* yang lebih kuat. Hukumnya berbeza jika pertikaian berlaku pada pemilihan baju di mana dalam kes ini, baju tersebut dihukumkan sebagai milik tuan rumah kerana tidak terdapat *qarinah* lain yang lebih kuat.

Dalam kes jenayah, jika seseorang telah melukakan seorang lelaki dan menyebabkan lelaki tersebut meninggal dunia. Kemudian wali si mati membawakan bukti bahawa lelaki itu mati kerana kesan luka tersebut, manakala pemukul itu pula membuktikan dia tidak bersalah atau mendakwa lelaki itu mati setelah sepuluh hari dari tempoh kejadian. Dalam kes ini, keterangan atau bukti wali si mati adalah lebih utama daripada keterangan si pemukul.¹⁹²

3.2.1.4 Syarat-Syarat *Qarinah*

¹⁹¹ Zaini Nasohah, "Al-Qarinah", 148.

¹⁹² Mohd Noor Bin Daud, "Qarinah dan Pemakaiannya Dalam Kehakiman Islam" (tesis sarjana, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

Sebagaimana yang ditegaskan pada perbincangan yang lepas, bahawa para *fuqaha* telah menerima penggunaan *qarinah* dalam pensabitan kes. Namun begitu penerimaan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut :

Pertama : wujudnya perkara zahir yang diketahui untuk dijadikan asas ketika berdalil. Perkara-perkara zahir adalah seperti tanda-tanda, sifat-sifat dan juga petunjuk-petunjuk yang boleh diterima oleh pemikiran seseorang.

Kedua : terdapat hubungan antara perkara zahir dengan perkara yang tersembunyi serta ingin diketahui. Perkara-perkara ini tidak diketahui pada permulaannya tetapi dapat diketahui melalui analisa tentang wujudnya pertalian antara keduanya. Hubungan yang wujud itu mestilah suatu yang kuat serta terbina atas asas yang kukuh dan dapat diterima akal yang sihat. Berdasarkan hal tersebut, menunjukkan bahawa hubungan itu bukan berpandukan perkara khayalan atau agakan semata-mata. Semakin kuat hubungan ini, maka semakin kuat *qarinah* tersebut. Kesimpulannya, hubungan dalam *qarinah* terbahagi kepada dua iaitu hubungan yang kuat dan hubungan yang lemah sebagaimana yang telah dibincangkan seperti di atas.¹⁹³

3.2.1.5 Fungsi *Qarinah* Dalam Sesuatu Perbicaraan

Qarinah atau fakta berkaitan mempunyai beberapa fungsi di dalam sesuatu perbicaraan. Antara fungsinya adalah seperti berikut :

i) *Qarinah* sebagai asas kepada penghakiman.

Fungsi *qarinah* sebagai asas kepada penghakiman dapat dilihat pada kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah. Antaranya dalam kes *Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lawan Fatimah* (JH V/II Jun 1987, 321). Kes ini merupakan kes tuduhan zina menurut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 1965. Di dalam kes ini, pihak tertuduh (Fatimah bt Yeop) dituduh melakukan zina. Di awal perbicaraan, tiada

¹⁹³ Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh al-Islam wa Adillatuh*. cet. ke-4 (Damsyiq : Dar al-Fikr, 1997), 8:6127-6128.

pengakuan salah dibuat oleh tertuduh. Namun, pendakwa berhujah bahawa terdapat bukti terhadap Yang Dituduh (YDT) iaitu melahirkan anak tanpa bernikah. Oleh yang demikian, Mahkamah telah memberikan pendapatnya dalam kes ini bahawa YDT mengaku telah melahirkan anak lelaki dan dia tidak pernah bernikah dengan sesiapa pun. Selain itu, YDT juga mengandung dan melahirkan anak, maka perbuatan tersebut merupakan bukti berlakunya persetubuhan dengan seorang lelaki. Tambahan pula, persetubuhan yang dilakukan tanpa nikah adalah perbuatan zina. Oleh itu, berasaskan fakta-fakta tersebut, maka YDT didapati bersalah di bawah kesalahan zina dalam Seksyen 155 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak Bil 11/1965. Mahkamah telah memutuskan bahawa Fatimah Bt. Yeop (YDT) dihukum dengan denda sebanyak RM300 atau dipenjara selama tiga bulan.

Berdasarkan kes ini, dapat disimpulkan bahawa tiada peruntukan undang-undang khusus berkaitan dengan keterangan ketika kes ini dibicarakan. Walaubagaimanapun, Kadi Besar dalam kes ini telah merujuk kepada peruntukan di dalam Akta Keterangan 1950 yang menepati prinsip *qarinah* atau dikenali sebagai fakta berkaitan. Di dalam kes ini, kesalahan zina tidak membawa kepada hukuman hudud malah menerima pakai *qarinah* atau fakta berkaitan sebagai asas sabitan.¹⁹⁴

ii) *Qarinah* sebagai bukti niat jahat (Mens rea)

Qarinah boleh membuktikan niat jahat seseorang walaupun pada zahirnya niat seseorang itu tidak diketahui oleh orang lain melainkan dirinya sendiri, namun tiap-tiap jenayah itu adalah berkait dengan niat. Kenyataan tersebut dikukuhkan lagi dengan kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah dalam kes *Pembantu Hal Ehwal Islam lawan Mohamed Nor Omar* (JH VII/I 1990, 86). Kes ini adalah tergolong di dalam kes jenayah iaitu memberi pengakuan palsu. Di dalam kes ini, Yang Dituduh (YDT) telah dituduh memberi pengakuan palsu secara bertulis untuk berkahwin dengan adik kepada

¹⁹⁴ Ruzman Md. Noor, "Pembuktian di Mahkamah Syariah" dalam *Undang-Undang Islam Di Malaysia : Prinsip Dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang et al., (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2007), 188-191.

isterinya (Ramlah Binti Yaakob). Beliau didapati bersalah di atas pengakuan bersalah beliau. Oleh yang demikian, Mahkamah memutuskan bahawa YDT dihukum dibawah Seksyen 153 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dengan hukuman denda sebanyak RM500 atau 3 bulan penjara. Selain itu, Kadi mengisytiharkan bahawa perkahwinan YDT dengan Ramlah Binti Yaakob (adik kepada isterinya) adalah tidak sah dan dibatalkan. Kesimpulannya, YDT telah didapati bersalah di dalam kes ini atas pengakuannya sendiri. Walau bagaimanapun, niat jahat beliau telah dibuktikan melalui perbuatan dan tindak-tanduk beliau sepanjang masa jenayah itu dilakukan (*previous conduct/subsequent conduct*) seperti memalsukan laporan, cop dan tandatangan pegawai. Begitu juga tindakan beliau menceraikan isteri pertamanya menunjukkan bahawa beliau mengetahui akan kesalahan dan pelanggaran hukum. Fakta-fakta berkaitan ini adalah *qarinah* yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Keterangan Islam berdasarkan seksyen 5 hingga 16. Fakta berkaitan di sini, menunjukkan niat beliau, ia juga adalah penguat kepada *iqrar* YDT.¹⁹⁵

iii) *Qarinah* memperkuat syahadah dan iqrar.

Qarinah juga dapat memperkuat *syahadah* dan *iqrar* pesalah malah ia juga dapat menggantikan fungsi *syahadah* dan *bayyinah* apabila sukar untuk mendapatkan keterangan tersebut dalam sesuatu kes. Perkara tersebut disokong oleh kes *Pendakwa Syarie Kelantan lawan Yosandy Josan dan seorang lagi* (JH IX/II 1994, 206), di dalam kes ini kedua-dua defendan (Yosandy Bin Josan dan Saiful Bahri Bin Alias) dituduh meminum minuman yang memabukkan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25 Kanun Jenayah Syariah Kelantan. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman sabit kesalahan ke atas dua orang yang dituduh dan dihukum dengan penjara 6 bulan dan disebat dengan enam kali sebatan. Mahkamah mendapati mereka berdua bersalah berdasarkan fakta-fakta seperti berikut :

¹⁹⁵ *Ibid*, 191-193.

- a. Fakta yang dipertikaikan atau fakta isu iaitu sama ada kedua-dua defendan meminum minuman yang memabukkan atau tidak. Fakta ini telah dibuktikan oleh empat orang saksi yang melihat kedua-dua mereka meminum minuman yang memabukkan.
- b. Penafian kedua-dua defendan adalah penafian semata-mata tanpa adanya bukti dan keterangan serta tidak menimbulkan keraguan kepada tuduhan. Antara lain dakwaan defendan bahawa dia hanya memegang gelas sahaja dan apabila pemeriksaan pernafasan dibuat ternyata terdapat bau arak, namun defendan menafikan dan menyatakan bahawa bau tersebut hasil daripada makan petai.
- c. Barang-barang kes seperti dua botol *Carlsberg*, gelas dan bil pembayaran minuman itu adalah *qarinah* dan ini adalah bukti sampingan selain saksi-saksi terbabit.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa hakim telah menyentuh aspek *qarinah* ini sebagai penguat kepada kesaksian walaupun Mahkamah tidak membuat rujukan khusus kepada undang-undang keterangan. *Qarinah* sebenarnya merangkumi pengakuan defendan bahawa beliau memegang gelas serta mulut yang berbau arak disamping barang-barang bukti.¹⁹⁶

3.2.2 PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KETERANGAN YANG RELEVAN.

Sebelum mengupas keterangan pendapat pakar dengan lebih terperinci maka pengkaji akan menjelaskan terlebih dahulu konsep keterangan pendapat yang menjadi asas dalam memahami konsep keterangan pendapat pakar dan pendapat bukan pakar.

3.2.2.1 Konsep Keterangan Pendapat

Secara umumnya, saksi akan dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah berkenaan dengan apa-apa pengetahuan yang diketahui terhadap sesuatu kes atau kejadian dan mempunyai asas kemahiran atau pengalaman dalam menjawab isu sesuatu kes.¹⁹⁷

i) Prinsip umum keterangan pendapat

¹⁹⁶ Ruzman Md. Noor, "Pembuktian di Mahkamah Syariah" dalam *Undang-Undang Islam Di Malaysia : Prinsip Dan Amalan*, ed. Ahmad Hidayat Buang et al., (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 2007), 193. Lihat Zulfakar Ramlee Saad, "Al-*Qarinah* : Pemakaiannya Dalam Litigasi Mal dan Jenayah" dalam *Undang-Undang Islam : Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, ed. Nasimah Hussin et al. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 194.

¹⁹⁷ Christina McAlhone And Michael Stockdale, *Evidence in A Nutshell*, 4th ed (London : Sweet & Maxwell, 2005), 41.

Mengikut kaedah asal undang-undang *common*, keterangan berbentuk pendapat tidak diterima dalam pembuktian kes di Mahkamah sama ada kes sivil atau jenayah.¹⁹⁸ Saksi hanya dibenarkan mengemukakan fakta yang diketahui. Saksi tidak boleh menyatakan kesimpulan yang diasaskan kepada fakta-fakta tersebut yang ditakrifkan sebagai pendapat.¹⁹⁹ Pendapat didefinisikan sebagai apa-apa kesimpulan yang dibuat hasil daripada penelitian fakta.²⁰⁰ Peter Gillies pula mentakrifkan pengertian pendapat sebagai suatu kesimpulan fakta yang diasaskan kepada apa yang seseorang itu tanggapi mengenai sesuatu keadaan secara terus melalui pancaindera.²⁰¹

Sehubungan dengan itu, perbezaan di antara fakta dan pendapat ini telah dijelaskan dalam peruntukan seksyen 3 Akta Keterangan 1950 yang mentakrifkan fakta sebagai apa-apa benda, keadaan benda atau hubungan benda yang boleh ditanggap dengan pancaindera.²⁰² Sekiranya saksi mentafsirkan fakta, ia dianggap telah menyatakan pendapat.²⁰³ Prinsip ini dibuat, kerana kesimpulan fakta adalah di bawah bidang kuasa mahkamah untuk menentukannya.²⁰⁴

Walaubagaimanapun, prinsip ini dikecualikan dalam keadaan-keadaan tertentu, contohnya apabila mahkamah tidak mempunyai kepakaran dalam bidang yang menjadi persoalan kes.²⁰⁵ Dalam situasi ini, pakar diperlukan bagi melengkapkan maklumat dan memberi panduan kepada mahkamah untuk memahami persoalan-persoalan teknikal supaya ketentuan kes dapat diputuskan.²⁰⁶ Hakikat ini telah diperakukan oleh hakim dalam kes *Syed Abu Bakar b Ahmad v PP*, bahawa dalam persoalan yang membabitkan pengetahuan atau pengalaman khusus di luarjangkauan mahkamah, bantuan pakar diperlukan bagi membolehkan mahkamah membuat keputusan yang sewajarnya.²⁰⁷

¹⁹⁸ Inns of Court school of law, *Evidence and Casework Skills*, 4th edition (London : Blackstone Press Limited, 1992), 143.

¹⁹⁹ Adrian Keane, *The Modern Law of Evidence*, 3rd edition (London : Butterworths Asia, 1994), 398.

²⁰⁰ G.M Chayko, E.D Gulliver and D.V Macdougall, *Forensic Evidence in Canada* (Ontario : Canada Law Book Inc, 1991), 7.

²⁰¹ Peter Gillies, *Law of Evidence in Australia*, 2nd ed. (Sydney : Legal Books, 1987), 372-373.

²⁰² Akta Keterangan 1950, Seksyen 3(a)

²⁰³ Jeffrey Pinsler, *Evidence Advocacy and The Litigation Process* (Singapore : Butterworth Asia, 1992), 130.

²⁰⁴ G.D Nokes, *An Introduction to Evidence*, 4th edition (London : Sweet & Maxwell, 1967), 162.

²⁰⁵ Akta Keterangan 1950, Seksyen 45-50. Lihat Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen 385.

²⁰⁶ Jeffrey Pinsler, *Evidence Advocacy and The Litigation Process* (Singapore : Butterworth Asia, 1992), 131.

²⁰⁷ [1984] 2MLJ 19, 23

3.2.2.2 Bahagian-Bahagian Keterangan Pendapat.

Keterangan pendapat boleh dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut:

- i) Apabila saksi yang pakar memberikan keterangan di Mahkamah berkenaan kepakarannya yang berhubung dengan isu kes yang mana Mahkamah tidak memiliki kepakaran mengenainya dikenali sebagai pendapat saksi pakar.²⁰⁸.
- ii) Apabila saksi yang bukan pakar membawa atau menyampaikan fakta-fakta yang diterima oleh Mahkamah sebagai pendapat dikenali sebagai pendapat saksi bukan pakar.

Oleh yang demikian, pengkaji akan menjelaskan secara menyeluruh berkaitan kedua-dua keterangan pendapat tersebut iaitu dimulakan dengan konsep pendapat saksi pakar yang merangkumi i) definisi pendapat pakar pada perspektif Islam, ii) definisi pendapat pakar dalam konteks perundangan Barat dan iii) peruntukan undang-undang bagi pendapat pakar, kemudian diikuti dengan konsep saksi bukan pakar yang terdiri daripada i) definisi pendapat saksi bukan pakar dari perspektif Islam, ii) definisi pendapat saksi bukan pakar menurut perundangan undang-undang sivil dan iii) peruntukan undang-undang bagi pendapat saksi bukan pakar. Justeru, perbincangan yang dibuat adalah merujuk kepada Undang-Undang Keterangan yang terdiri daripada Undang-Undang Keterangan Islam dan Sivil bagi melihat persamaan dan perbezaan antara keduanya.

3.2.2.3 Konsep Pendapat Pakar

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengupas konsep pendapat pakar dengan memberikan definisi pendapat pakar pada perspektif Islam dan juga perundangan Barat. Kemudian, pengkaji akan menghuraikan peruntukan berkaitan pendapat pakar yang termaktub dalam Undang-Undang Keterangan merangkumi Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 dan Akta Keterangan 1950.

i) Definisi Pendapat Pakar pada perspektif Islam

Antara cara pembuktian yang diterima oleh Islam ialah pendapat pakar atau dikenali juga sebagai keterangan pakar. Dalam bahasa Arab disebut sebagai *Ra'yu al-Khabir*

²⁰⁸ Christina McAlhone and Michael Stockdale, *Evidence in A Nutshell*. 4th ed (London : Sweet & Maxwell, 2005), 41.

atau *al-Khabir* yang membawa maksud kesaksian orang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang.²⁰⁹

Pendapat pakar atau *ra'yu al-Khabir* ditakrifkan sebagai sesuatu yang dapat diperolehi daripada seseorang yang mempunyai pengalaman, kemahiran, pengetahuan, mengenali dan mempelajari sesuatu perkara. Manakala jama'nya *al-khibra'* iaitu mereka yang berkeahlian, berkelebihan serta memiliki nilai pengkhususan dan keistimewaan dalam sesuatu lapangan atau bidang.²¹⁰

Ahlul Khibrah diklasifikasikan sebagai seorang yang mempunyai maklumat dan pengetahuan dalam sesuatu bidang atau masalah yang disandarkan kepada hakikat atau kebenaran pengetahuan yang dimiliki, latihan, pengalaman dan keupayaan yang tinggi.²¹¹ Keterangan pakar bermaksud individu profesional yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang atau persoalan seperti seorang doktor diterima keterangannya sebagai wasilah pembuktian yang diakui oleh Mahkamah. Pandangan yang sama juga diberikan iaitu pendapat pakar juga dimaksudkan pendapat yang diberi oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang atau persoalan.²¹²

Kadangkala sesuatu kes itu tidak akan dapat diselesaikan melainkan setelah Mahkamah meminta pendapat daripada kalangan yang berkeahlian atau pakar dalam sesuatu bidang. Pendapat yang diberikan oleh pakar ini berdasarkan pengetahuan khusus yang perlu kepada satu tahap keilmuan yang tinggi. Dalam keadaan seperti ini Mahkamah akan menggunakan pendapat pakar ini untuk membantunya memutuskan kes tersebut setelah Mahkamah berpuas hati. Walaupun keputusan ini adalah keputusan Mahkamah dan Mahkamahlah yang bertanggungjawab terhadap keputusan tersebut tetapi ia adalah berdasarkan pendapat pakar yang dipercayai kebenarannya oleh Mahkamah.

²⁰⁹ Ibnu Qayyim, *Al-Turuq al-Hukmiyyah* (Mesir : Matbaah al-Madani, 1977), 188.

²¹⁰ Hans Wehr, *Dictionary of Modern Written Arabic* (London : Wiesbaden Otto Harrasowitz, 1966).

²¹¹ Al-Syeikh Ahmad Redha, *Mu'jam Matan Al-Lughah : Mausu'ati Lughawiyah* (Beirut : Darul Maktabah Al-Hayat, 1957), 2:218.

²¹² Ahmad Fathi Bahansi, *Nazariah al-Ithbat fi Al-Fiqh Al-Jina'i* (Mesir : Matba'ah Al-Wa'iy Al-Arabi, 1968), 203.

Islam menerima pendapat pakar sebagai salah satu metode pembuktian.

Sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ ۖ فَسْأَلُوْا اَهْلَ الذِّكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿١٦﴾

Al-Nahl 16 : 43

Maksudnya : Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.

Selain itu, firman Allah SWT yang lain :

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُّوْحِيْ اِلَيْهِمْ ۖ فَسْأَلُوْا اَهْلَ الذِّكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٢١﴾

Al-Anbiya 21: 7

Maksudnya : Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada Ahlu Zikri jika kamu tidak mengetahui.

Kedua-dua ayat menerangkan *ahli zikr* sebagai sesiapa dari golongan ahli kitab yang membuktikan kerasulan para nabi yang diutus Allah s.w.t. daripada kalangan manusia dan diberi wahyu untuk disampaikan kepada manusia.

Mufasssirin yang terdiri daripada Ibn Abbas memperluaskan pengertian ahli *zikr* iaitu termasuklah ahli-ahli al-Quran, ahli *Ilm* atau sebarang makna dan pengertian yang boleh disandarkan dengan makna tersebut. Oleh yang demikian, selayaknya pendapat pakar dikategorikan sebagai ahli *zikr* dan ahli *ilm*. ²¹³Ahli *Ilm* pula termasuklah professional yang berkemahiran dan berkepakaran dalam sesuatu bidang.

²¹³ Abi Abdullah Muhammad b. Ahmad Al-Ansori Al-Qurtubi, *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran* (Qaherah : Dar Al-Sya'bi, t.t.), 3724.

Oleh yang demikian, apabila seorang Hakim menghadapi sesuatu kemusykilan, hendaklah beliau bertanya kepada orang yang mengetahuinya. Inilah amalan yang dilakukan oleh para sahabat.²¹⁴

ii) Definisi Pendapat Pakar Dalam Konteks Perundangan Barat.

Graham Robert dalam bukunya *Evidence : Proof and Practice*, menyatakan peraturan umumnya ialah saksi hendaklah memberitahu fakta yang dilihat dan bukan menyatakan pendapat mereka dengan menyimpulkan apa yang mereka perolehi daripada fakta tersebut.²¹⁵ Walaubagaimanapun, Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 membuat pengecualian bagi peraturan ini. Antara lain, Seksyen 45(1) memperuntukkan bahawa pendapat mengenai “*sains atau seni*” oleh orang yang khasnya mahir dalam sains atau seni itu adalah relevan (yang berkaitan). Dengan itu, pendapat berkenaan boleh diterima oleh mahkamah. Orang yang memberi keterangan atau pendapat itu dipanggil pakar.²¹⁶

H.M. Zafrullah menyatakan bahawa penerimaan testimoni pakar di bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 merupakan satu daripada pengecualian kepada doktrin kuno bahawa seorang saksi tidak boleh memberi pendapatnya.²¹⁷ Persoalan selanjutnya ialah apakah yang dikatakan “*sains dan seni*”? Sains dan seni ditakrifkan sebagai semua perkara yang memerlukan suatu kajian khas atau pengalaman khusus untuk membentuk suatu pendapat.²¹⁸

Seorang saksi perlu membuktikan bahawa beliau benar-benar seorang pakar, iaitu seorang yang mempunyai kemahiran khusus dalam bidang itu.²¹⁹ Oleh yang demikian, pengalaman praktikal dalam berurusan dengan perkara berkenaan adalah

²¹⁴ Ahmad Fathi Bahansi, *Nazariah al-Ithbat* (Mesir : al-Syarikah al-Arabiyah li al-Tibaah, 1962).

²¹⁵ Graham Roberts, *Evidence : Proof and Practice*, 1st Edition (Australia : LBC Information Services, 1998), 509.

²¹⁶ Seksyen 45(2) Akta Keterangan 1950.

²¹⁷ H.M. Zafrullah, “Expert Testimony: Some Reflections From Malaysia”, *Journal Of Malaysian & Comparative Law* 7.(1980), 245. [(1980) J.M.C.L 244]

²¹⁸ Augustine Paul, *Evidence : Practice & Procedure*. 2nd Ed (Kuala Lumpur : Malayan Law Journal Sdn. Bhd, 2000), 434. Lihat R.L Gupta and D.P Varshni, *Law Relating To Identification and Expert Opinion*, 4th ed. (India : Eastern Book Company, 1990), 13.

²¹⁹ Chin Tet Yung, *Evidence* (Singapore : Butterworths, 1988).

seperti juga pembelajaran formal. Dalam kes *Pendakwa raya lawan Muhammad Sulaiman* [(1982) 2 M.L.J. 320] dalam penghakiman Ketua Hakim Negara, Suffian ada menyebut:

*“Ini disebabkan seorang pakar itu mestilah ‘mahir’, dia tidaklah dikehendaki sedemikian hanya dengan cara pembelajaran khas sahaja, dia juga perlu melalui pengalaman, dan fakta bahawa dia tidak memperoleh pengetahuannya secara professional hanyalah merupakan suatu yang dipertimbang dan bukannya kebolehterimaan”.*²²⁰

Berdasarkan kes *Ramsdale v Ramsdale* [173 L.T 393], apabila keterangan pendapat pakar diambil berdasarkan laporan fakta, maka fakta itu mestilah dibuktikan secara bebas, kecuali bagi kes di mana fakta itu adalah dalam pengetahuan pakar itu sendiri. Menurut Buzzard, J.H., May, R dan Howard, M.N., seorang pakar mungkin memberi pendapat berasaskan fakta-fakta yang diterima atau dibuktikan olehnya sendiri, atau saksi-saksi lain dalam pendengarannya semasa perbicaraan atau mengenai perkara-perkara berbentuk pengetahuan umum, termasuklah juga berkenaan hipotesisnya yang diambil daripada fakta tersebut.²²¹

Menurut Kemelfield R.J., keterangan saksi pakar boleh dibahagikan kepada dua iaitu keterangan asal dan keterangan pendapat. Keterangan asal merupakan keterangan yang diperolehi daripada sumber asal iaitu apa yang diperkatakan dan didengar secara terus, misalnya pengukuran yang dibuat mengenai bilangan batu-bata pada sesuatu dinding. Namun, jika seorang memberi keterangan berkenaan apa yang dia fikir yang menyebabkan keretakan kepada sesuatu dinding, walaupun dia mampu memastikannya, maka pendapatnya mengenai sebab keretakan dinding diterima sebagai keterangan pendapat pakar. Dengan syarat, seseorang itu dapat menyakinkan para hakim bahawa dia mempunyai kelayakan relevan untuk membolehkannya memberi pendapatnya.²²²

²²⁰ Augustine Paul, *Evidence : Practice & Procedure*. 2nd Ed (Kuala Lumpur : Malayan Law Journal Sdn. Bhd,2000), 443.

²²¹ Buzzard, J.H., May, R. and Howard, M.N, *Phipson on evidence*. 12th ed (London : Sweet & Maxwell,1976),804.

²²² Kemelfield R. J, *Law for Architects, Builders and Engineers : An Introduction*(Singapore :Butterworths.,1983).

iii) **Pendapat pakar menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 dan Akta Keterangan 1950.**

Akta Keterangan Mahkamah Syariah mengiktiraf pendapat pakar sebagai salah satu cara pembuktian. Berdasarkan Seksyen 33(1), (2) dan (3) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) pindaan 2005 memperuntukkan :

33. Pendapat pakar.

(1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah.

(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

(3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan.

Manakala peruntukan berkaitan pendapat pakar yang terkandung di dalam Akta Keterangan 1950 dirujuk di bawah Seksyen 45 (1) dan (2) seperti berikut :

(1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, ialah fakta berkaitan.

(2) *Orang sedemikian itu dipanggil pakar.*

Apabila diteliti kedua-dua peruntukan tersebut, ia mempunyai huraian yang hampir sama dan membawa maksud yang sama tetapi dibezakan pada istilah ‘fakta berkaitan’ dan ‘*qarinah*’ sahaja mengikut peruntukan Akta Keterangan 1950 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005. Ini disebabkan struktur undang-undang yang dipakai di Mahkamah Syariah diadaptasi daripada Mahkamah Sivil, justeru terdapat persamaan dari struktur teknikal ayatnya dan maksud yang ingin dinyatakan. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan yang disebabkan penambahan subseksyen tiga (3) dalam Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005 yang tidak terdapat dalam Akta Keterangan 1950 iaitu menyatakan bilangan saksi pakar yang diperlukan untuk memberikan keterangan dalam perbicaraan.

3.2.2.4 Konsep Pendapat Saksi Bukan Pakar

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengupas konsep pendapat saksi bukan pakar dengan memberikan definisi pendapat saksi bukan pakar menurut Islam dan juga undang-undang Sivil. Kemudian, pengkaji akan menghuraikan peruntukan berkaitan pendapat saksi bukan pakar yang termaktub dalam Undang-Undang Keterangan merangkumi Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 dan Akta Keterangan 1950.

i) Keterangan Pendapat Saksi Bukan Pakar Menurut Undang-Undang Islam.

Secara umumnya, keterangan pendapat saksi bukan pakar menurut Undang-Undang Islam telah dibincangkan oleh pengkaji pada bahagian sebelum ini yang berkait dengan *bayyinah*.²²³ Oleh yang demikian, pengkaji tidak akan menyentuh secara terperinci perbincangan tersebut dan akan menumpukan kepada pengertian dan peruntukan undang-undang berkaitan pendapat saksi bukan pakar menurut Undang-Undang Keterangan Islam. Pendapat saksi bukan pakar bermaksud seseorang yang menyatakan pendapatnya berdasarkan sesuatu perkara yang berhubung dengan perkara yang menjadi kelaziman dan terjadi dalam tugas sehari-hari. Sebagai

²²³ Bab 3.2, bahagian Konsep Keterangan, 63-68.

contoh seseorang yang dikatakan kenal akan tulisan tangan seseorang yang lain sama ada dia pernah melihat orang itu menulis atau menerima dokumen yang ditulis oleh orang itu boleh dikemukakan sebagai pendapat.²²⁴

Selain itu, pendapat saksi bukan pakar juga tidak memerlukan kepada suatu pengiktirafan kepakaran seperti saksi pakar. Walaubagaimanapun, ia berfungsi bagi menyokong keterangan yang dikemukakan di Mahkamah dan Mahkamah mempunyai kuasa sama ada untuk menerima atau menolak keterangan tersebut sebagai suatu pendapat. Pendapat saksi bukan pakar ada dinyatakan dalam peruntukan bagi Seksyen 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 seperti berikut :

Fakta yang selainnya tidak qarinah ialah qarinah jika ia menyokong atau adalah tak konsisten dengan pendapat pakar apabila pendapat itu ialah qarinah.

Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa pendapat selain daripada pendapat pakar adalah tidak relevan melainkan pendapat tersebut menyokong sesuatu fakta dan tidak konsisten dengan pendapat pakar apabila pendapat itu adalah *qarinah*. Oleh itu, peruntukan tersebut merujuk kepada pendapat saksi bukan pakar.

ii) Keterangan Pendapat Saksi Bukan Pakar Menurut Undang-Undang Civil

Prinsip umum undang-undang keterangan, saksi bukan pakar hanya boleh memberi keterangan fakta berkenaan dengan apa yang dapat ditangkap melalui pancaindera.²²⁵ Keterangan berbentuk kesimpulan dari fakta yang diketahui atau pendapat mengenai isu-isu lain yang menjadi persoalan kes adalah tidak relevan.²²⁶ Namun begitu, terdapat keadaan tertentu yang membenarkan penerimaan pendapat saksi bukan pakar yang akan dihuraikan oleh pengkaji pada bahagian berikutnya. Bidang penerimaan kebanyakannya berkaitan dengan perkara yang sering berlaku seharian.²²⁷ Seksyen 3 (2) Akta

²²⁴ Huraian pada Seksyen 35 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005.

²²⁵ Akta Keterangan 1950, Seksyen 3

²²⁶ Tristram Hodgkinson, *Expert Evidence : Law and Practice* (London : Sweet & Maxwell, 1990), 17.

²²⁷ Andrew Bruce and Gerard Mc Coy, *Criminal Evidence in Hong Kong*, 2nd Edition (Singapore : Butterworths, 1991), 164.

Keterangan Sivil 1972 memperuntukan bahawa kenyataan saksi bukan pakar dalam bentuk pendapat adalah diterima sekiranya ia dilakukan sebagai satu cara menyampaikan fakta-fakta yang relevan.²²⁸

iii) Pendapat Saksi Bukan Pakar Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 Dan Akta Keterangan 1950.

Peruntukan berkaitan pendapat bukan pakar boleh dilihat dalam beberapa seksyen berkaitan seperti berikut:

- i) Persoalan berkaitan dengan tulisan tangan. Pendapat saksi biasa yang dapat mengenal pasti tulisan tangan seseorang diperuntukkan di bawah Seksyen 47 Akta Keterangan 1950 iaitu apabila pendapat mengenai tulisan tangan relevan. Mahkamah menerima keterangan saksi bukan pakar yang kenal dengan tulisan orang yang dikatakan telah menulis perkataan-perkataan berkenaan.²²⁹ Manakala tafsiran yang hampir sama boleh dilihat dalam Seksyen 35 Akta Keterangan Mahkamah Syariah yang menyatakan apabila pendapat tentang tulisan tangan ialah *qarinah*.
- ii) Persoalan berkaitan hak atau adat. Pendapat saksi biasa boleh diterima keterangannya berkenaan hak atau adat ditetapkan di bawah Seksyen 48 Akta Keterangan 1950 iaitu apabila pendapat mengenai adanya hak atau adat relevan. Ini bermakna orang yang mengetahui tentang hak atau adat diterima dan boleh dikemukakan sebagai keterangan. Dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah ada juga disebut mengenai pendapat tentang kewujudan hak atau *'urf* ialah *qarinah* iaitu di bawah Seksyen 36 yang mempunyai tafsiran yang hampir sama dengan Akta Keterangan 1950 hanya berbeza pada perkataan "adat" yang diganti dengan "*'urf*".
- iii) Persoalan berkaitan kelaziman dan kepercayaan atau rukun. Berdasarkan Akta Keterangan 1950, di bawah Seksyen 49 menjelaskan apabila Mahkamah perlu membuat suatu pendapat tentang kelaziman dan kepercayaan sesuatu kumpulan atau

²²⁸ Civil Evidence Act 1972, seksyen 3.

²²⁹ Akta Keterangan 1950, Seksyen 47.

keluarga, atau penubuhan dan pentadbiran sesuatu yayasan agama atau khairat, atau mengenai erti-erti perkataan atau istilah-istilah yang digunakan dalam daerah tertentu atau oleh golongan tertentu, maka orang yang mempunyai cara-cara tertentu untuk mengetahuinya adalah diterima.²³⁰ Dalam konteks Akta Keterangan Mahkamah Syariah ada diperuntukan mengenai kelaziman, rukun, dsb. ialah *qarinah* yang mempunyai tafsiran yang hampir sama dengan peruntukan dalam Akta Keterangan 1950 seperti yang dijelaskan di atas iaitu dalam Seksyen 37, yang membezakannya hanyalah perkataan 'kepercayaan' diganti dengan 'rukun'.

- iv) Persoalan berkaitan pertalian atau hubungan. Rujukan dibuat dalam kedua-dua undang-undang keterangan iaitu di bawah Seksyen 50(1) dan (2) Akta Keterangan 1950 dan Seksyen 38 Akta Keterangan Mahkamah Syariah berkaitan dengan pendapat seseorang yang mengetahui tentang wujudnya pertalian atau hubungan antara seorang dengan seorang yang lain adalah fakta yang relevan atau *qarinah*²³¹. Walaubagaimanapun, dalam Akta Keterangan 1950 ditambah dengan peruntukan yang tidak terdapat dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah iaitu pengetahuan ini tidak melayakkan seseorang untuk membuktikan perkahwinan dalam pendakwaan di bawah seksyen 494, seksyen 495 dan seksyen 498, Kanun Keseksaan.²³²

Oleh kerana kajian ini menekankan tentang pendapat pakar, maka perbincangan berkaitan pendapat saksi bukan pakar hanya dijelaskan secara ringkas untuk menunjukkan pembahagian pendapat saksi pakar dengan saksi bukan pakar dalam keterangan pendapat. Justeru perbincangan berikutnya hanya tertumpu pada pendapat saksi pakar dari segi kelayakan dan juga kepentingan pendapat pakar dalam pembuktian.

3.2.2.5 Syarat-syarat kelayakan Saksi Pakar

²³⁰ Akta Keterangan 1950, Seksyen 49

²³¹ Akta Keterangan 1950, Seksyen 50

²³² Seksyen 50(2) Akta Keterangan 1950. Kanun Keseksaan, Seksyen 494, Seksyen 495 & Seksyen 498.

Persoalan mengenai kelayakan pakar ditentukan oleh mahkamah.²³³ Ini terpulang kepada pihak-pihak terlibat untuk membuktikan bahawa pakar yang mewakili pihak mereka benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan.²³⁴ Dalam menentukan kelayakan pakar, mahkamah perlu mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

i) Kelayakan akademik

Kompetensi seorang saksi pakar adalah suatu persoalan utama yang ditentukan oleh Mahkamah, walaupun pada amalnya terdapat kelonggaran. Pakar perlu membuktikan kepakarannya dalam persoalan yang terlibat dengan mengemukakan sijil, diploma atau ijazah yang diiktiraf kelayakannya.²³⁵ Sebagai contoh, pengamal perubatan atau saintis mesti memberi keterangan tentang kelayakan yang dimilikinya terlebih dahulu sebelum Mahkamah membenarkannya memberi pendapat. Namun, sekiranya seseorang itu pakar, tetapi kepakarannya tidak relevan dengan bidang yang menjadi pertikaian, pendapatnya akan ditolak.²³⁶ Misalnya, seorang saksi pakar yang mempunyai latihan kemahiran dalam bidang psikologi tidak dibenarkan memberi keterangan perubatan.²³⁷ Walaupun pakar mesti “*mahir*” dengan pengkajian khas atau pengalaman, namun berdasarkan kes *R v Silverlock* [(1894) 2 Q.B. 766] dan *R v Somers* [(1894) 3 All E.R. 808] iaitu faktor bahawa seseorang itu tidak memperoleh pengetahuan profesionalnya adalah suatu pertimbangan keterangan oleh Mahkamah dan bukan suatu kebolehterimaan Mahkamah.²³⁸ Malah, kelayakan formal serta sijil akademik semata-mata bukanlah faktor membenarkan penerimaan keterangan pakar dan ia tidak mencukupi tanpa disertai dengan latihan secara praktikal.

ii) Pengalaman

²³³ Richard May, *Criminal Evidence*. 2nd ed. (London : Sweet & Maxwell, 1990), 144.

²³⁴ G.M Chayko, E.D Gulliver and D.V Macdougall, *Forensic Evidence in Canada* (Ontario : Canada Law Book Inc, 1991), 9.

²³⁵ Andrew Bruce, Gerard Mc Coy, *Criminal Evidence in Hong Kong*. 2nd Edition. (Singapore : Butterworths, 1991), 169.

²³⁶ M Chayko, E.D Gulliver and D.V Macdougall, *Forensic Evidence in Canada*, 10.

²³⁷ Mackenney (1983) 76 Cr. App. R 271

²³⁸ John Huxley Buzzard, Ricard May and M.H. Howard, *Phipson on Evidence*. 15th ed (London: Sweet & Maxwell, 2000), 962.

Kepakaran tidak disyaratkan melalui kelayakan akademik yang formal sahaja. Seseorang yang berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu juga dianggap sebagai pakar.²³⁹ Dalam kes *PP v Muhammad Bin Sulaiman*, diputuskan bahawa kemahiran yang dimaksudkan tidak semestinya melalui pembelajaran atau kajian khusus. Ia juga boleh diperolehi melalui pengalaman.²⁴⁰ Kemahiran diperolehi bukan daripada hasil pekerjaan seharian juga diterima Mahkamah. Penghakiman dalam kes *R v Silverlock* menunjukkan bahawa peguamcara yang mengkaji tulisan tangan selama sepuluh tahun dianggap sebagai pakar. Ini kerana, Mahkamah hanya mementingkan kepakaran itu sendiri dan bukannya status pekerjaan.²⁴¹ Namun begitu, pengalaman semata tidak melayakkan saksi untuk memberi keterangan pakar, melainkan pengalaman tersebut mempunyai kaitan spesifik dengan isu yang dipertikaikan.²⁴² Perlu ditegaskan bahawa kepakaran yang dimaksudkan tidak bererti seorang pakar itu benar-benar pakar atau *specialist* secara professional dalam bidang berkenaan. Ia memadai mempunyai pengetahuan yang mencukupi.²⁴³

3.2.2.6 Fungsi Pendapat Pakar Dalam Pembuktian

Pembuktian berperanan di dalam sesuatu sabitan hukuman dan sebagai panduan Hakim untuk menjatuhkan hukuman. Keterangan yang benar amat dituntut supaya keadilan dapat ditegakkan dan sebarang pertikaian dapat diputuskan dengan bijaksana dan saksama tanpa menzalimi mana-mana pihak yang terlibat. Sebarang pembuktian di dalam prosiding kehakiman hendaklah selaras dengan hukum syarak sebagaimana yang diterangkan oleh al-Quran, al-Sunnah dan kaedah *fiqh* serta diakui juga kepentingannya pada pandangan Barat. Justeru itu, pendapat pakar diterima sebagai salah satu metode pembuktian di dalam prosiding perbicaraan dan berperanan sebagai :

²³⁹ Tristram Hodgkinson, *Expert Evidence : Law and Practice* (London : Sweet & Maxwell,1990),10.

²⁴⁰ [1982] 2 MLJ 320,322

²⁴¹ [1894] 2 QB 766

²⁴² Jeffrey Pinsler, *Evidence Advocacy and The Litigation Process* (Singapore : Butterworth Asia,1992),135.

²⁴³ Micheal P.Reynolds & Phillip S.D King, *The Expert Evidence and His Evidence*. 2nd ed. (Oxford : Blackwell Scientific Publication,1992),7.

i) Penguat hujah bagi pendakwaan

Keterangan pakar merupakan keterangan sokongan bagi menguatkan fakta kes.²⁴⁴ Di dalam kes-kes tertentu, pendapat pakar berperanan sebagai penguat atau penyokong terhadap keterangan yang sedia ada. Manakala dalam kes-kes yang lain, pendapat pakar semata-mata sudah mencukupi untuk mensabitkan kesalahan pihak yang dituduh. Sekiranya pendapat pakar yang diberi sebagai sokongan tidak relevan dengan kes atau kriteria saksi pakar yang memberikan keterangan tidak menepati dengan syarat-syarat penyaksian maka pendapat tersebut boleh ditolak oleh Hakim.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab pihak yang menuntut untuk mengemukakan keterangan pendapat pakar pada perkara yang memerlukan keterangan pakar sebagai hujah sokongannya dan sebagai bukti di atas dakwaannya. Sebagaimana sabda Rasulullah:

*“Keterangan bagi yang mendakwa dan sumpah bagi yang ingkar”.*²⁴⁵

Namun, Mahkamah juga berhak sekiranya difikirkan perlu atau di atas permintaan pihak yang bertikai untuk disoal balas tentang laporan yang dikemukakan. Jika Mahkamah mendapati laporan yang dikemukakan tidak lengkap atau keterangan tidak mencukupi dan terdapat kesamaran fakta, maka Mahkamah berhak untuk mengarahkan pakar tersebut untuk memperbaiki kesilapan-kesilapan dan keterangan fakta laporan berkenaan atau mengarahkan pakar lain untuk bertanggungjawab menyediakan laporan lain berkaitan dengan isu tersebut.²⁴⁶

ii) Rujukan Hakim ketika menyelesaikan kes.

²⁴⁴ Abdul Rahman Ibrahim Abdul Aziz Al-Hidhimi, *Al-Qadha' Wa Nizamuhu Fi al-Kitab Wa al-Sunnah* (Mekah : Jami'ah Umm al-Qura, 1989), 454.

²⁴⁵ Muhammad Ibn Ismail al-San'ani, *Subul al-Salam* (Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1960), 4:132.

²⁴⁶ Anita Binti Arifin, “Pembuktian Melalui Kepakaran : Satu Kajian Kes Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan”, Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian, Universiti Malaya, 2000), 11-12.

Keterangan pakar juga dapat membantu Hakim ketika menyelesaikan sesuatu pertikaian secara memberi pendapat atau pandangan mereka.²⁴⁷ Hakim akan meminta keterangan pakar bagi menyokong atau menjelaskan sesuatu isu kes. Berpanduan keterangan pendapat pakar, maka Hakim akan memutuskan sesuatu keputusan kes. Walau bagaimanapun, keputusan tersebut tidak muktamad dan Hakim mempunyai budi bicara untuk menerima atau menolak keterangan pakar yang dipercayai dan diyakini kebenarannya oleh Mahkamah.²⁴⁸

Namun, menurut sebahagian ulama' Hanbali, al-Syarbi, al-Thauri, Abu Thaur dan lain-lain lagi yang berpendapat jika empat orang saksi lelaki telah memberikan kesaksian dengan menyatakan seorang perempuan telah melakukan zina. Tetapi beberapa perempuan yang boleh dipercayai telah memberi keterangan atau kesaksian mereka bahawa perempuan yang dituduh berzina itu seorang dara, maka ia tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud. Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun syahadah empat orang saksi lelaki mengikat Hakim, tetapi keterangan pakar yang mengatakan sebaliknya menyebabkan timbul syak atau keraguan. Oleh itu, hukum hudud tidak dikenakan. Ini menunjukkan peranan pendapat pakar banyak membantu Hakim dan Mahkamah mencapai keadilan dengan memberikan hak kepada yang berhak dan mengelakkan kezaliman terus berleluasa di kalangan masyarakat.²⁴⁹

Pendapat yang sama juga turut diberikan oleh Lord President Cooper dalam kes *Davie v Edinburgh Magistrates* [(1953) S.C. 34] menyebut, tugas pakar itu adalah *“memberitahu hakim (atau juri) mengenai kriteria-kriteria saintifik yang perlu untuk menguji ketepatan bagi kesimpulan mereka dan untuk membolehkan hakim (atau juri) membentuk atau membuat keputusan mereka dengan bebas bagi menggunakan*

²⁴⁷ Christina McAlhone and Michael Stockdale, *Evidence in A Nutshell*. 4th ed (London : Sweet & Maxwell, 2005),44. Lihat John Huxley Buzzard, Ricard May and M.H. Howard, *Phipson on evidence*. 15th ed. (London : Sweet & Maxwell,2000),937. Lihat Michael P. Reynolds, *The Expert Witness in Construction Disputes*. 1st ed.(London : Blackwell Science Ltd.,2002).

²⁴⁸ Tristram Hodgkinson, *Expert Evidence : Law and Practice* (London : Sweet & Maxwell,1990),5. Lihat juga Augustine Paul *Evidence : Practice & Procedure*. 2nd Ed. (Kuala Lumpur : Malayan Law Journal Sdn. Bhd.,2000),450. Lihat Christina McAlhone and Michael Stockdale, *Evidence in A Nutshell*. 4th ed. (London : Sweet & Maxwell,2005),48-49.

²⁴⁹ Ahmad al-Husairi, *Ilmu al-Qada* (Mesir : Maktabah al-Azhar,t.t.),350.

*kriteria-kriteria itu kepada fakta yang dibuktikan dalam keterangan”.*²⁵⁰ Contohnya seorang juruukur bahan telah dipanggil sebagai saksi pakar bagi memaklumkan kaedah pengiraan bayaran interim sesuatu projek pembinaan. Oleh itu, kaedah yang diberikan oleh juruukur bahan itu akan menjadi kriteria saintifik yang akan diguna oleh hakim untuk menguji ketepatan kesimpulan yang dibuat dan kaedah pengiraan itu akan digunakan oleh hakim dalam membentuk keputusannya bagi kes itu. Dengan cara menggunakan kaedah pengiraan tersebut dengan diaplikasikan terhadap fakta kes yang dikendalikan oleh hakim, maka keputusan yang sewajarkan dapat diputuskan.²⁵¹ Oleh yang demikian, dapat dilihat betapa pentingnya peranan pendapat pakar dalam membantu hakim membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman.

Keterangan pakar diakui oleh sistem kehakiman Islam sebagai pembuktian bagi mensabitkan hukuman. Asas penerimaan dan penggunaan pendapat pakar ternyata dapat membantu hakim menyelesaikan persoalan-persoalan kes. Justeru, penerimaan pendapat pakar sebagai golongan profesional amat relevan kerana mereka terlibat dalam bidang-bidang teknikal dan berkemahiran serta mampu memberikan jawapan terhadap setiap persoalan dan penyelesaian kepada fakta-fakta yang kompleks.²⁵² Oleh itu, bagi mengimbangi kekurangan pengetahuan Mahkamah, pendapat tenaga professional dan orang-orang yang berkeahlian dalam subjek persoalan dibenarkan atas dasar menjaga kepentingan umum yang lebih besar.

3.3 KESIMPULAN

Sebelum sesuatu kesalahan itu disabitkan, aspek yang penting untuk menentukan seseorang itu bersalah adalah dengan menyatakan dengan jelas jenis kesalahan yang dilakukan, perbuatan jahat atau *actus reus* dan niat jahat atau *mens rea*. Elemen-elemen

²⁵⁰Michael P.Reynolds, *The Expert Witness in Construction Disputes* (London:Blackwell Science Ltd.,2002),1.

²⁵¹ John Huxley Buzzard, Ricard May and M.H. Howard, *Phipson on Evidence*, 965.

²⁵² Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-Undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka,2003),150-153.

tersebut merupakan aspek utama yang perlu wujud untuk membentuk liabiliti jenayah terhadap tertuduh.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, para *fuqaha'* mengiktiraf bahawa sihir merupakan suatu jenayah apabila perbuatan itu membawa implikasi negatif iaitu mendatangkan kemudaratan kepada mangsa dan telah diharamkan oleh syarak. Justeru, pengkaji telah membincangkan elemen-elemen jenayah dalam sihir. Walaubagaimanapun, belum wujud peruntukan atau undang-undang yang berkaitan dengan sihir di Malaysia disebabkan oleh kekurangan bukti dan ketiadaan keterangan saksi. Tambahan pula, apabila membicarakan isu sihir dari konteks perundangan ia masih tidak terbukti secara saintifik dan hanya mengikut logik akal semata-mata kerana sihir bersifat tersembunyi dan tidak nyata. Oleh itu, jenayah sihir sukar untuk dibuktikan namun pengkaji cuba untuk mencadangkan pemakaian dua keterangan yang relevan iaitu *qarinah* dan pendapat pakar untuk membuktikan kesalahan sihir.

Secara umumnya, pembuktian merupakan satu proses mengemukakan bukti melalui keterangan-keterangan yang telah disyariatkan dalam Islam merangkumi keterangan-keterangan yang disepakati oleh ulama iaitu *iqrar*, *syahadah* dan *al-yamin* dan yang tidak disepakati seperti *nukul 'an al-yamin*, *kitabah*, *qasamah qarinah*, *ra'yu al-kabir* dan *lian*.

. Pengkaji telah menekankan serta menjelaskan keterangan berbentuk *qarinah* dan pendapat pakar dengan lebih terperinci untuk memberi gambaran awal terhadap subjek kajian ini yang berfokus kepada aspek *qarinah* dan pendapat pakar untuk pembuktian jenayah sihir.

Oleh yang demikian, kesimpulan awal yang dapat dibuat ialah kedua-dua bentuk pembuktian tersebut adalah relevan dan bertepatan dengan kajian ini. Kajian yang menyeluruh akan dibuat pada bahagian seterusnya iaitu pada Bab 4 melalui analisis dapatan hasil kajian menerusi metode temubual dengan pihak-pihak tertentu dan analisis

yang akan dibuat juga merupakan kesinambungan teori-teori yang dikemukakan pada Bab 2 dan bab ini.

BAB EMPAT

BAB EMPAT

PROSPEK PEMAKAIAN *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KETERANGAN YANG RELEVAN DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR.

4.0 PENGENALAN

Pembuktian adalah suatu yang rumit apabila melibatkan jenayah sihir. Ini disebabkan prinsip pembuktian di Mahkamah bergantung kepada fakta dan bukti-bukti yang zahir. Bertentangan dengan amalan sihir yang lebih bersifat metafizik. Namun dalam bab ini, pengkaji akan cuba merungkai segala kerumitan berkenaan jenayah tersembunyi ini dengan mengemukakan keterangan-keterangan yang boleh digunapakai dalam pembuktian jenayah sihir.

Secara umumnya, terdapat banyak jenis keterangan yang boleh digunapakai seperti *iqrar*, *syahadah*, *qarinah* dan lain-lain. *Iqrar* dan *syahadah* adalah merupakan dua kaedah pembuktian yang disepakati oleh *fuqaha* untuk tujuan ini namun ia amat sukar diperolehi. Kajian ini memberi fokus kepada *qarinah* dan keterangan pendapat pakar kerana pada kebiasaannya kaedah ini terpakai untuk membuktikan fakta-fakta yang tidak dapat dilihat secara langsung. Memandangkan kes sihir banyak melibatkan fakta-fakta jenis ini maka pengkaji membuat kajian khusus terhadap dua jenis keterangan ini.

Pengkaji akan menilai sejauhmana *qarinah* dan pendapat pakar berupaya membuktikan kes jenayah sihir ini. Analisis akan melibatkan kerelevanan dan pembuktian fakta yang dikemukakan, darjah pembuktian yang perlu dicapai dan fungsi yang dibawa oleh kedua-dua kaedah pembuktian ini dalam pembuktian jenayah sihir. Secara umumnya, sehingga kini belum wujud mana-mana peruntukan di Malaysia berkaitan jenayah sihir. Oleh itu kajian ini akan melihat kedudukan jenayah sihir dalam

perbincangan para *fuqaha'* dan usaha-usaha ke arah mewujudkan undang-undang khusus berkenaan.

4.1 KERELEVANAN FAKTA BERKAITAN (*QARINAH*) MENURUT UNDANG-UNDANG

Bahagian ini adalah tumpuan utama kajian ini dilakukan. Pengkaji akan menghuraikan fakta-fakta relevan yang perlu dibuktikan dalam jenayah sihir dengan mengadaptasi peruntukan-peruntukan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan), 2005 yang bersesuaian dengan fakta tersebut dan mempertimbangkan kerelevanan fakta itu.

Seterusnya pembuktian fakta relevan akan dibincangkan pada bahagian berikutnya untuk menunjukkan perkaitan yang wujud antara fakta-fakta itu dengan dua bentuk keterangan yang dicadangkan iaitu *qarinah* dan pendapat pakar. Pendekatan ini dilakukan sesuai dengan fungsi undang-undang keterangan itu sendiri, iaitu menentukan apakah fakta yang relevan dan apakah bukti yang digunakan bagi membuktikan fakta berkenaan.

4.1.1 Fakta Yang Relevan Dalam Jenayah Sihir Mengikut Undang-Undang.

Sebelum perbincangan diteruskan, maka pengkaji akan menjelaskan takrif fakta terlebih dahulu. Fakta adalah berbeza dengan pendapat. Interpretasi “fakta” boleh dilihat di bawah Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah 2005 berkaitan tafsiran yang menyatakan “fakta” ertinya dan termasuklah-

- (a) *apa-apa benda, keadaan benda atau hubungan benda yang boleh ditangkap dengan pancaindera;*
- (b) *apa-apa keadaan mental yang disedari oleh mana-mana orang;*

Fakta merangkumi segala yang boleh ditanggapi oleh pancaindera melalui penglihatan, percakapan atau pendengaran berhubung dengan sesuatu perkara yang

sedang atau telah berlaku. Manakala pendapat pula didefinisikan sebagai kesimpulan yang dibuat hasil daripada penelitian fakta yang diasaskan kepada apa yang seseorang itu tanggap mengenai sesuatu keadaan secara terus melalui pancaindera.²⁵³ Dalam konteks Mahkamah, pendapat hanya boleh diberikan oleh Hakim setelah menilai fakta-fakta yang dibentangkan. Walaubagaimanapun, undang-undang memberi ruang kepada pendapat ini dikemukakan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti berkaitan pendapat pakar dan pendapat bukan pakar.

Justeru, Seksyen 5, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005 menyebut bahawa fakta yang boleh dikemukakan di Mahkamah terbahagi kepada dua iaitu yang pertama fakta isu atau persoalan dan kedua adalah fakta berkaitan iaitu *qarinah*. Fakta persoalan dan *qarinah* ada diperuntukan dalam Seksyen 3, akta yang sama berkaitan dengan tafsiran “fakta persoalan” yang menyatakan bahawa fakta yang wujud dengan sendirinya atau berkait dengan fakta lain yang menjadi isu terhadap sesuatu hak atau liabiliti yang dikemukakan di Mahkamah.

Manakala *qarinah* pula, ditafsirkan dalam peruntukan yang sama sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Enakmen ini. Kedua-dua fakta ini hanya boleh diterima sekiranya pihak yang mendakwa berjaya membuktikan kewujudan dan kedudukan fakta tersebut.²⁵⁴

Oleh yang demikian, pengkaji telah membuat analisis dan membahagikan fakta relevan atau *qarinah* yang perlu dibuktikan dalam jenayah sihir adalah seperti berikut :

4.1.1.1 Dakwaan Seseorang Yang Terkena Sihir.

Dakwaan seseorang itu disihir perlu dibuktikan terlebih dahulu sebelum menyiasat siapa yang menjadi dalang dalam melakukan jenayah sihir.²⁵⁵ Misalannya, jika seseorang sakit atau mengalami sesuatu penyakit akan nampak secara fizikal

²⁵³ Peter Gillies, *Law of Evidence in Australia*, 2nd (Sydney : Legal Books, 1987),372-373.

²⁵⁴ Ruzman Md. Noor. “Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah di Malaysia”. *Jurnal Hukum* 31, no.1(2010),2-3.

²⁵⁵ Mahyuddin Ismail, “Dakwaan Penggunaan Ilmu Sihir Dalam Kes-Kes Perkahwinan Dan Perceraian Di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Satu Prosedur Kendalian Standard (S.O.P)”(Kertas persidangan, in 2nd International Seminar In Shariah and Common Law (ISCOL), Universiti Sains Islam Malaysia, 6 Mac 2012)

penyakitnya apabila melakukan ujian darah, *computed tomography (CT) scan*, *X-Ray*, ujian air kencing, ujian-ujian makmal yang lain, tetapi semua ujian itu bercanggah dan tidak berkait antara satu sama lain menyebabkan pakar perubatan moden tidak dapat mencapai satu diagnosis yang boleh mengaitkan ia dengan sesuatu penyakit, maka ia boleh dianggap sebagai penyakit yang disebabkan oleh sihir.²⁵⁶

Penentuan terhadap kesahihan dakwaan ini juga boleh dilihat pada tanda-tanda dan simptom yang dialami oleh mangsa. Menurut Nor Azian Abd Rahman, setiap kategori sihir mempunyai tanda dan simptom yang tersendiri yang boleh mengaitkan seseorang itu adalah mangsa sihir. Menurutnya lagi, tanda sihir adalah berbeza pada semua kategori sihir. Contohnya, bagi sihir penyakit mangsa akan mempunyai tanda-tanda pada tubuh badan seperti lebam yang mempunyai kesan gigitan, tanda berbentuk segi tiga berwarna hijau, bengkak pada anggota tubuh, muka menjadi kusam dan lain-lain tanda yang dapat dilihat sendiri oleh mangsa atau ahli keluarga mangsa. Manakala bagi sihir pengasih, sebagai contoh seseorang isteri menyihir suaminya sehinggakan suaminya sentiasa tunduk dan mengikut segala arahan isterinya.²⁵⁷

Pandangan yang sama turut diberikan oleh Mahyuddin Ismai²⁵⁸, dengan mengatakan bahawa mangsa sihir kebiasaanya menunjukkan simptom-simptom dan perubahan-perubahan yang tertentu pada tabiat dan tingkah laku. Simptom-simptom ini dapat dilihat dalam beberapa aspek iaitu kesan pada fikiran dan perasaan, anggota fizikal, kediaman dan tempat tinggal, kesan pada hubungan dengan ahli keluarga, kesan pada prestasi kerja atau perniagaan serta kesan pada hubungan dengan masyarakat. Kesan atau tanda-tanda ini adalah seperti berikut:

(a) Kesan pada fikiran dan perasaan

²⁵⁶ Nor Azian Abd Rahman, "Metodologi Pendakwaan Dan Pembuktian Sihir Berdasarkan Fakta Syariah Dan Sains"(Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

²⁵⁷ *Ibid.*

²⁵⁸ Mahyuddin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung* (Kuala Lumpur :PTS Millennia Publication.,2011).

Sihir pada kebiasaannya akan mempengaruhi jiwa dan fikiran seseorang mangsa. Seseorang yang disihir akan menunjukkan perubahan-perubahan yang drastik pada emosi, perasaan dan cara berfikir. Antara simptom-simptom yang biasa berlaku ialah:

- (i) Mangsa menjadi resah dan gelisah sehingga tidak boleh tidur malam, sering bermimpi buruk dan mengerikan.²⁵⁹ Biasanya, mangsa bermimpi dikejar binatang buas atau lembaga berwarna hitam, didatangi atau disengat haiwan berbisa seperti ular, kala jengking, atau terasa seperti hendak jatuh dari tempat yang tinggi.²⁶⁰ Terdapat juga keadaan apabila mangsa bangun dari tidur, beliau mendapati ada tompok lebam berwarna biru kehitaman di bahagian-bahagian tertentu pada tubuh, biasanya di lengan atau celah peha.²⁶¹
- (ii) Fikiran mangsa menjadi tidak keruan dan berserabut. Kadang-kadang tindakannya terjadi dengan sendiri tanpa dapat dikawal. Mangsa mungkin akan meracau-racau, ketawa mengilai-gilai atau bercakap seorang diri. Lama-kelamaan, mangsa boleh menjadi gila, hilang ingatan, tidak siuman, mereng dan seumpamanya.²⁶²
- (iii) Sentiasa terkenang atau teringat seseorang dan terasa hendak lari dari rumah, sentiasa tercengang-cengang dan lupa, meracau-racau, mata terbeliak, tidak tetap di satu-satu tempat, tidak fokus pada suatu pekerjaan, kerap berjalan waktu tidur. Biasanya ini adalah satu bentuk sihir untuk menyebabkan mangsa menjadi gila.²⁶³
- (iv) Tanda terkena sihir pengasih ialah perasaan cinta dan sayang yang menggila, merasa terlalu ingin melakukan persetubuhan, tidak dapat menahan sabar ketika

²⁵⁹ Amran Kasimin, *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn Bhd,1997),188.

²⁶⁰ Ahmad b. Mahmūd Al-Dīb, *Al-cIlāj al-Qur'āni*, (Jeddah : Maktabat Al-Ṣahābah,1994),41. Lihat Amran Kasimin, *Tanda Sihir Dan Kekuatan Roh Untuk Mengatasinya* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd,2002),98-99.

²⁶¹ *Ibid*, Amran Kasimin (2002), 99

²⁶² Amran Kasimin (2002), 106

²⁶³ Wāhid Abdussalam Al-Bāly dan Daud Mohd Salleh , *Bagaimana Menentang Ilmu Hitam* (Johor Bharu: Penerbitan Al-Masyhur Sdn. Bhd.,1994),100.

melihat isteri atau kekasihnya, melihat perempuan tersebut sebagai wanita paling cantik, mengikut perintah isteri atau suami membabi buta.²⁶⁴

- (iv) Terdengar suara atau bisikan yang memanggil atau menyuruhnya melakukan sesuatu seperti memukul seseorang, membunuh orang, membunuh diri sendiri atau bisikan yang mengatakan: "*kamu akan mati tidak lama lagi*" dan sebagainya.

(b) Kesan pada anggota tubuh badan (fizikal)

Berikut adalah antara kesan-kesan fizikal yang biasanya dialami oleh mangsa akibat disihir:-

- (i) Mangsa akan merasa badannya sentiasa sakit menyucuk-nyucuk seolah-olah ditusuk sesuatu yang tajam berbisa, anggota badan tertentu seperti belakang, leher atau dada terasa panas, terasa bisa-bisa seluruh badan atau sebahagian daripada badan, kadang-kadang badan terasa kebas dan sebagainya.²⁶⁵ Ada juga yang berkudis seluruh tubuh dengan bau yang busuk hingga membawa maut.²⁶⁶
- (ii) Mengalami sakit kepala sebelah sama ada di sebelah kanan atau kiri, atau seluruh kepala pada waktu-waktu tertentu terutama menjelang senja atau tengah malam.
- (iii) Dapat melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh manusia biasa seperti melihat jin atau syaitan yang menjelma dalam bentuk makhluk yang sangat hodoh, berbau busuk yang selalu mengekorinya.²⁶⁷
- (iv) Alat kelamin mati tiba-tiba apabila hendak bersetubuh. Hal ini biasa berlaku terutamanya bagi lelaki yang beristeri lebih dari satu. Beliau akan menghadapi

²⁶⁴ *Ibid*, 85.

²⁶⁵ Amran Kasimin, *Tanda Sihir Dan Kekuatan Roh Untuk Mengatasinya* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd, 2002),105.

²⁶⁶ Hj Jahid b Hj Sidek, "Jin/ Syaitan: Hubungannya Dengan Pelbagai Gangguan Kesihatan Manusia", (kertas kerja Seminar Perubatan Islam 1, Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia, Pusat Penyelidikan Getah (RRIM), Sungai Buloh, 16 September 2006),8.

²⁶⁷ Amran Kasimin, *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn Bhd,1997),197-204. Lihat juga Amran Kasimin, *Tanda Sihir Dan Kekuatan Roh Untuk Mengatasinya* (Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd, 2002),103-104.

masalah untuk bersetubuh dengan salah seorang dari isterinya. Biasanya hal ini disebabkan oleh sihir yang dikenakan oleh salah seorang isteri kepadanya.²⁶⁸

- (v) Rahim terasa sakit dan kadang-kala rahim terasa seperti hendak jatuh. Perut mangsa menjadi buncit tanpa apa-apa penyakit (busung).
- (vi) Badan terasa berat seperti memikul sesuatu dan kadang-kala terasa seperti ada sesuatu yang mencakar-cakar belakangnya atau telinganya.²⁶⁹
- (vii) Mangsa terhidu bau busuk di merata-rata tempat sehingga mengganggu kehidupannya. Terkadang orang disekelilingnya juga boleh menghidu bau tersebut.²⁷⁰

(c) Kesan pada kediaman dan tempat tinggal

- (i) Sekiranya sihir dikenakan pada kediaman atau premis, maka kebiasaannya orang itu akan merasa tidak selesa tinggal dalam rumah, dalam kedai atau di pejabat sebab terasa panas dan serabut.
- (ii) Adakalanya kediaman atau premis diganggu seperti dinding diketuk dan dicakar, pintu tiba-tiba terbuka, paip air dan lampu tiba-tiba terpasang, api tiba-tiba menyala dan membakar pakaian dalam rumah.²⁷¹ Gangguan ini boleh terjadi akibat perbuatan orang tertentu yang irihati atau marah dengan tindakan sesetengah pihak yang mengambil alih kediaman atau tanahnya secara paksa.
- (iii) Gangguan dalam bentuk jelmaan bayangan menakutkan dan bunyi-bunyian yang pelik.²⁷²

(d) Kesan pada hubungan dengan ahli keluarga

- (i) Rumah tangga sentiasa bergolak dan perkelahian antara suami isteri sentiasa berlaku walau disebabkan oleh kesalahan yang kecil.
- (ii) Nampak muka pasangan sangat hodoh dan menakutkan.²⁷³

²⁶⁸Wāhid Abdussalam Al-Bāly dan Daud Mohd Salleh (1997),127-129. Lihat Amran Kasimin *Sihir Dan Penjelasannya*. (Brunei : Pusat Dakwah Islamiah,2006),28-30.

²⁶⁹Amran Kasimin (2002),105.

²⁷⁰*Ibid.*104.

²⁷¹Amran Kasimin (1997),207, dan Amran Kasimin (2002),104.

²⁷²Abd Basir Mohammed, *Amalan Sihir & Ayat-Ayat Al-Quran : Perbezaannya serta kesannya terhadap amalan perubatan* (Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,1999),186.

(iii) Orang yang terkena sihir akan mudah marah yang bersangatan tanpa sebab.²⁷⁴

(v) Merasa sakit bersangatan bila dipegang atau disentuh pasangan.

(e) Kesan pada prestasi kerja atau perniagaan

(i) Sekiranya mangsa menjalankan perniagaan, pelanggan yang datang ke kedainya nampak seolah-olah kedainya tutup. Ini kerap berlaku kepada peniaga-peniaga yang mula menunjukkan kemajuan dalam hasil jualan mereka.

(ii) Pekerja-pekerjanya juga sentiasa bertukar dan tidak senang dengan majikan.

(iii) Bagi seseorang yang menunjukkan prestasi kerja yang baik dan disenangi oleh majikannya, hal sama juga berlaku. Mungkin ada yang dengki lalu mengenakan sihir sehingga dia lupa jalan untuk ke tempat kerjanya.²⁷⁵

(f) Kesan pada hubungan dengan masyarakat

(i) Sentiasa menolak pinangan orang yang datang meminang walaupun sebelum itu beria-ia hendak kahwin dengan orang yang datang meminang.

(ii) Mangsa akan lebih suka menyendiri tidak mahu bergaul dengan orang sekeliling.

(iii) Menjadi amat pemalu dan segan tidak bertempat.

(iv) Mula membenci kawan-kawan dan tidak mahu bercakap dengan mereka, fikiran selalu berserabut dan pening kepala berpanjangan. Ini antara tanda sihir pengasingan.²⁷⁶

Sekiranya berlaku salah satu ataupun sebahagian simptom yang dinyatakan di atas, berkemungkinan besar mangsa ada mengalami gangguan akibat sihir.²⁷⁷ Walaupun begitu, ada keadaan individu mengalami simptom-simptom itu tetapi bukan disihir. Ia berlaku mungkin akibat pewarisan saka, pengamalan ilmu mempertahankan diri dan ilmu kebatinan, perbomohan, histeria dan lain-lain lagi yang mana simptom-simptom

²⁷³ Wāhid Abdussalam Al-Bāly dan Daud Mohd Salleh (1994), 120.

²⁷⁴ Amran Kasimin (1997), 132-140.

²⁷⁵ Amran Kasimin (1997), 208, dan Amran Kasimin (2002), 109, 128-129.

²⁷⁶ Wāhid Abdussalam Al-Bāly dan Daud Mohd Salleh (1994), 104.

²⁷⁷ Mahyuddin Ismail, "Dakwaan Penggunaan Ilmu Sihir Dalam Kes-Kes Perkahwinan Dan Perceraian Di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Satu Prosedur Kendalian Standard (S.O.P)" (Kertas persidangan, in 2nd International Seminar In Shariah and Common Law (ISCOL), Universiti Sains Islam Malaysia, 6 Mac 2012)

yang dialami hampir sama tetapi tidak serupa. Perkara sebegini jarang difahami oleh kebanyakan orang dan dengan mudah atau secara melulu mengatakan pesakit itu terkena sihir dan menuduh orang-orang tertentu sebagai dalangnya.²⁷⁸

Oleh yang demikian, fakta yang menunjukkan mangsa disihir dilihat berdasarkan tanda-tanda dan simptom yang dialami adalah bertepatan dengan peruntukan yang termaktub dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 di bawah Seksyen 7 yang menjelaskan bahawa fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan bagi fakta persoalan atau fakta relevan adalah *qarinah*.²⁷⁹ Fakta ini juga boleh dikaitkan dengan peruntukan bagi Seksyen 14 Akta yang sama yang menyatakan bahawa fakta yang menunjukkan kewujudan keadaan fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh ialah *qarinah*. Ia boleh diaplikasikan dalam fakta ini dengan melihat kesan-kesan yang dialami oleh mangsa yang melibatkan kesan pada fikiran, perasaan dan tubuh badan mangsa. Fakta ini adalah relevan untuk dibuktikan bagi menentukan kesahihan dakwaan seseorang itu terkena sihir.

4.1.1.2 Seseorang Yang Pernah Mempunyai Konflik Atau Perselisihan Faham Dengan Tertuduh.

Seterusnya, fakta yang perlu dibuktikan selain tanda-tanda dan simptom adalah seseorang itu pernah mempunyai konflik atau perselisihan faham yang menyebabkan tertuduh tidak berpuas hati dan wujudnya perasaan dendam terhadap mangsa. Terdapat juga segelintir individu yang tidak boleh melihat kejayaan, kemewahan dan kebahagiaan orang lain merasa iri hati, cemburu dan hasad dengki yang keterlaluan sehingga sanggup menyihir mangsa. Oleh itu, tertuduh mengambil jalan mudah dan selamat tanpa dapat dikesan oleh pihak berkuasa dengan menyihir mangsa sama ada dengan pergi menemui bomoh atau mempunyai ilmu dan kemahiran sihir yang

²⁷⁸ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

²⁷⁹ Zulfakar Ramlee (Penolong Pensyarah/Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam temubual dengan pengkaji, 13 Februari 2013.

dipelajari daripada guru yang mahir dengan ilmu sihir.²⁸⁰ Fakta ini dilihat relevan untuk dibuktikan dalam jenayah sihir disebabkan ianya selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah 2005 di bawah Seksyen 8 (1) seperti berikut :

8. Motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau yang kemudian.

(1) Apa-apa fakta ialah qarinah jika ia menunjukkan atau menjadi motif atau persediaan bagi mana-mana fakta persoalan atau fakta relevan.

Berdasarkan peruntukan di atas, sikap negatif yang ditunjukkan oleh individu tertentu seperti iri hati, cemburu, hasad dengki dan seumpamanya boleh dijadikan motif seseorang itu mempunyai niat atau *mens rea* melakukan sihir kepada mangsa. Tujuan tertuduh melakukan perkara tersebut adalah untuk melihat kehidupan mangsa musnah dan terjejas dari aspek kesihatan, kerjaya dan hubungan kekeluargaan.²⁸¹

4.1.1.3 Penemuan Bahan-Bahan Yang Mencurigakan Dan Pelik.

Mangsa atau ahli keluarga mangsa pernah menemui bahan-bahan mencurigakan dan pelik seperti patung tergantung, beras kunyit atau bulu kongkang yang ditabur di kawasan kediaman atau premis, bungkusan berwarna putih atau kuning ditemui diletakkan di kawasan tertentu, bangkai haiwan seperti ayam atau burung tanpa kepala, telur mentah dibaling di kawasan kediaman dan seumpamanya boleh diambil kira sebagai fakta yang perlu dibuktikan. Fakta ini adalah fakta yang relevan untuk dibuktikan memandangkan ianya menjadi suatu persoalan yang perlu dirungkaikan bahawa barang-barang tersebut bukan milik mangsa dan dijumpai sejurus mangsa mengalami tanda-tanda yang luar biasa seperti mengalami mimpi yang ngeri, berkelakuan pelik, merasa resah dan seumpamanya.

²⁸⁰ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

²⁸¹ Zulfakar Ramlee (Penolong Pensyarah/Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam temubual dengan pengkaji, 13 Februari 2013.

Selain itu, penemuan bahan-bahan yang biasa digunakan dalam amalan sihir berada dalam milikan seseorang seperti alat pemujaan merupakan fakta yang relevan untuk dibuktikan bahawa seseorang itu adalah ahli sihir. Fakta-fakta ini memenuhi takrifan yang diperuntukan dalam Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah 2005 yang mentafsirkan dokumen sebagai segala benda, bahan, barang atau artikel termasuk segala yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi dan seumpamanya yang dinyatakan, diperihalkan atau digambarkan untuk digunakan bagi mengemukakan keterangan di Mahkamah. Penemuan bahan-bahan tersebut juga adalah selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah di bawah Seksyen 42 iaitu watak buruk dahulu tidaklah menjadi *qarinah* kecuali bagi menjawab. Bahan-bahan tersebut menjadi bukti keterlibatan bomoh atau dukun dalam perlakuan jenayah sihir yang menunjukkan watak buruk seseorang itu tidak menjadi *qarinah* kecuali bagi menjawab isu bahan-bahan tersebut.

4.1.1.4 Gabungan Fakta-Fakta Di Atas Menjadi Siri Perlakuan Jenayah Sihir.

Fakta-fakta di atas apabila digabungkan akan menghasilkan suatu siri perlakuan jenayah yang berlandaskan prinsip yang dipanggil *res gestae*. *Res gestae* merupakan perkataan Latin yang bermaksud perkara yang telah dibuat. Secara umumnya, *res gestae* adalah perkara yang menjadi urusan Mahkamah dan perkara-perkara lain yang terjadi sewaktu atau bersama dengannya.²⁸² Apabila dakwaan sihir dapat dibuktikan berdasarkan tanda-tanda dan simptom-simptom yang dialami oleh mangsa, diikuti mangsa pernah mempunyai konflik dengan tertuduh dan mangsa menemui barang-barang yang mencurigakan, maka fakta-fakta ini dianggap fakta yang relevan. Fakta ini bertepatan dengan peruntukan yang tertulis dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah 2005 iaitu di bawah Seksyen 6 yang memperuntukkan :

²⁸² *Kamus Undang-Undang*, ed. ke-8 (Shah Alam : Oxford Fajar, 2006), 486-487, entri "*res gestae*".

6. Fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah *qarinah*.

Fakta-fakta yang, walaupun tidak menjadi persoalan, sebegitu berkaitan dengan suatu fakta persoalan sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah *qarinah*.

Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa walaupun sesuatu fakta itu bukan fakta persoalan namun apabila ia bergabung dengan fakta relevan, kemudiannya membentuk transaksi yang sama ia tetap dianggap *qarinah*.

4.2 PEMBUKTIAN FAKTA RELEVAN DALAM JENAYAH SIHIR

Perbincangan pada bahagian ini adalah kesinambungan daripada bahagian sebelumnya dan merupakan bahagian yang penting dalam kajian ini untuk menentukan bagaimana fakta relevan yang dinyatakan sebelum ini boleh dibuktikan oleh keterangan *qarinah* dan pendapat pakar. Secara umumnya, sesuatu fakta hanya boleh dibuktikan melalui empat jenis keterangan iaitu *bayyinah*, *syahadah*, keterangan lisan dan keterangan dokumenter.²⁸³ Berdasarkan Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005 mentafsirkan perkataan-perkataan ini seperti berikut :

- i) *bayyinah* ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*.
- ii) *syahadah* ertinya apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz “*asyhadu*” untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan.
- iii) keterangan lisan adalah segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung perkara-perkara fakta yang disiasat
- iv) keterangan dokumentar adalah segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah.

Secara teorinya, keterangan secara langsung iaitu *iqrar* dan *shahadah* merupakan keterangan utama dan terbaik dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, disebabkan keterangan secara langsung ini sukar untuk diperolehi bagi membuktikan sesuatu yang

²⁸³ Ruzman Md Noor, “Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah Di Malaysia”. *Jurnal Hukum*, 31(2010) , no.1, 3.

tidak zahir, maka kajian ini memfokuskan kepada keterangan berbentuk *qarinah* dan pendapat pakar yang dilihat mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam pembuktian jenayah sihir.

4.2.1 Pembuktian Fakta Relevan Berdasarkan *Qarinah*.

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, fakta-fakta yang relevan berdasarkan *qarinah* telah dihuraikan oleh pengkaji terdiri daripada yang pertama, dakwaan disihir dikenal pasti melalui tanda-tanda dan simptom sihir. Manakala kedua pula, seseorang yang pernah mempunyai konflik dan perselisihan faham dengan tertuduh. Diikuti dengan fakta relevan ketiga iaitu penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan yang terakhir gabungan semua fakta relevan tersebut.

4.2.1.1 Dakwaan Disihir Dikenal Pasti Melalui Tanda-Tanda Dan Simptom.

Dakwaan disihir melalui tanda-tanda dan simptom hanya dapat dikenal pasti oleh golongan yang dipanggil pakar dan pembuktian fakta ini boleh dikemukakan dalam bentuk keterangan pendapat pakar yang akan disentuh pada bahagian berikutnya. Sehubungan dengan itu, bagi mengukuhkan bukti seseorang itu terkena sihir, saksi bukan pakar juga boleh diambil keterangannya. Perbincangan berkaitan saksi bukan pakar telah dijelaskan pada bab sebelum ini dan tidak akan disentuh secara terperinci pada bahagian ini.²⁸⁴ Saksi bukan pakar dalam pembuktian jenayah sihir terdiri daripada ahli keluarga ataupun kenalan rapat mangsa atau sesiapa sahaja yang mempunyai pengetahuan berkaitan perkara yang berlaku terhadap diri mangsa.

Menurut Mahyuddin Ismail, ahli keluarga adalah orang yang paling rapat dengan mangsa dan dapat melihat perubahan-perubahan yang berlaku terhadap mangsa akibat serangan sihir. Sebagai contoh, isteri dapat melihat perubahan pada suaminya yang sebelum ini seorang yang penyayang berubah menjadi seorang yang panas baran dan

²⁸⁴ Lihat bab 3, Pendapat Saksi Bukan Pakar Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 Dan Akta Keterangan 1950,85-87.

seringkali marah dan memukul isterinya.²⁸⁵ Oleh yang demikian, isteri boleh memberikan keterangan sebagai saksi di Mahkamah atas perubahan yang berlaku kepada suaminya.²⁸⁶ Walaupun keterangan saksi tersebut mempunyai sedikit tohmah atas dasar kekeluargaan atau pertalian darah, namun ia tidak menjejaskan terus penerimaan keterangan saksi dan ia masih berada pada tahap *bayyinah*.²⁸⁷

Sehubungan dengan itu, bagi menguatkan lagi keterangan tersebut pengakuan yang dikemukakan hendaklah dibuat dalam bentukakuan bersumpah. Sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 47 (1) (a) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 yang mana peruntukan ini boleh diaplikasikan dalam kesalahan jenayah sihir iaitu individu yang menyaksikan kejadian sihir dapat memberikan keterangan lisan berkaitan apa yang dilihatnya. Hal ini memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang menyaksikan pelaksanaan jenayah menggunakan ilmu sihir bagi memberikan keterangan yang dapat diterima di Mahkamah.²⁸⁸

4.2.1.2 Seseorang Yang Pernah Mempunyai Konflik Atau Perselisihan Faham Dengan Tertuduh.

Motif dalam jenayah sihir dapat dilihat apabila wujud perselisihan faham atau konflik antara mangsa dengan tertuduh. Pada kebiasaanya, punca utama berlakunya konflik adalah disebabkan perasaan iri hati, dengki, cemburu dan sebagainya yang akhirnya membawa kepada tindakan yang tidak bermoral iaitu dengan menyihir mangsa. Sebagai contoh dalam kes *Mustapha Batcha lwn Habeba Abd Rahman*²⁸⁹ yang mana perayu berjaya mendapat tender kantin di sebuah kilang menyebabkan orang yang menyihirnya merasa iri hati dan dengki, maka melalui perasaan tersebut orang yang menyihirnya mempunyai niat atau *mens rea* untuk melihat rumahtangga perayu bercerai

²⁸⁵ Mustapha Batcha lawan Habeba Abd Rahman [1410] JH 41

²⁸⁶ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

²⁸⁷ Seksyen 85(3) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005.

²⁸⁸ Mahyuddin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung* (Kuala Lumpur :PTS Millennia Publication.,2011).

²⁸⁹ Mustapha Batcha lawan Habeba Abd Rahman [1410] JH 41

berai. Pendapat yang sama turut dijelaskan oleh Zulfakar Ramlee Saad,²⁹⁰ beliau mengatakan perbuatan yang menyebabkan seseorang merasa iri hati, dendam, cemburu, marah, benci, meluat dan seumpamanya boleh diistilahkan sebagai motif. Motif merupakan *qarinah* yang kuat dalam pendakwaan jenayah sihir. Namun, pihak pendakwa perlu menggabungkan *qarinah* motif ini dengan *qarinah-qarinah* lain seperti bahan-bahan yang digunakan untuk upacara pemujaan, kesan yang terlihat pada mangsa sama ada dalam bentuk tanda-tanda sihir atau simptom-simptomnya untuk membentuk *qarinah* yang kuat.

4.2.1.3 Penemuan Bahan-Bahan Yang Mencurigakan dan Pelik.

Menurut Mahyuddin Ismail²⁹¹, kewujudan sesuatu petunjuk sama ada melalui rentetan kejadian yang berlaku atau bahan-bahan tertentu yang mempunyai kaitan dengan kejadian boleh menjadi satu keterangan yang disebut *qarinah* atau keterangan mengikut keadaan dalam pembuktian jenayah sihir di Mahkamah. Selain itu, fakta berkaitan penemuan bahan-bahan sihir boleh juga diaplikasikan melalui keterangan berbentuk *kitabah* (dokumen) dalam pembuktian kesalahan jenayah sihir seperti berikut:

***Kitabah* (Dokumen)**

Kitabah merupakan salah satu bentuk keterangan yang boleh dikemukakan di Mahkamah. Sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah(Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 di bawah Seksyen 3 mendefinisikan dokumen diertikan sebagai : “*Apa-apa huruf, tanda, nombor, simbol atau isyarat yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuk apa-apa hal yang terkandung*

²⁹⁰ Zulfakar Ramlee Saad, “Pendakwaan Jenayah Sihir : Prinsip-Prinsip Pembuktian dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah” (kertas kerja,Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah,Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama PISANG, Shah Alam. 21 Julai 2010).

²⁹¹ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji,17 Disember 2012.

dalam cakera, pita filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti (alat atau perkakas) lain”.

Oleh itu, penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik tersebut dapat dibuktikan melalui keterangan berbentuk dokumen sebagaimana yang ditakrifkan merujuk kepada perkataan “*apa-apa benda, bahan, barang atau artikel*”. Penemuan bahan-bahan ini menjadi bukti yang kukuh wujudnya unsur penggunaan ilmu sihir dalam sesuatu kes. Sehubungan dengan itu, peruntukan ini telah ditakrifkan dalam bentuk yang kontemporari dan luas. Menurut Sulaiman Marqus, *kitabah* perlu dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu fungsi *kitabah* itu sendiri dan bukan hanya dilihat kepada bentuk dokumen dan alat yang digunakan. Malahan apa yang penting maklumat yang hendak disampaikan dapat difahami.²⁹²

Oleh yang demikian, untuk mengaitkan keterangan *kitabah* dalam pembuktian jenayah sihir, segala catatan atau rakaman mengenai perilaku pengamal sihir atau orang yang menggunakan ilmu sihir boleh dikemukakan sebagai bukti.²⁹³ Pendapat yang sama telah dikemukakan oleh Nor Azian Abd Rahman, menurut beliau rakaman video boleh dijadikan bahan bukti penyiasatan sihir dan boleh dinilai oleh pakar tertentu sama ada pesakit itu benar-benar sakit atau hanya lakonan semata-mata. Apabila pesakit dirawat dan berada dalam keadaan yang tidak normal, adakalanya wajah pesakit akan berubah dan perubahan ini mungkin juga boleh dilihat dengan lebih jelas melalui teknologi video.

4.2.1.4 Gabungan Semua Fakta Relevan Menjadi Siri Perlakuan Jenayah Sihir.

Gabungan semua fakta relevan seperti yang dinyatakan sebelum ini membentuk *qarinah* iaitu termasuk dalam prinsip *res gestae*. Oleh yang demikian, *qarinah* ini

²⁹² Sulaiman Markus, *Usul al-Ithbat wa Ijratuhu fii al-Mawad al-Madniyyah fii al-Qanun al-Misriyy* (Al-Qaherah : Alam al-Kitab, 1981), 192. Lihat juga Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail. “Kaedah Pembuktian Melalui Kitabah Elektronik di Mahkamah Syariah” *Jurnal Hukum* 33, no. 2 (2012), 168.

²⁹³ Zulfakar Ramlee Saad, “Pendakwaan Jenayah Sihir : Prinsip-Prinsip Pembuktian dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah” (kertas kerja, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama PISANG, Shah Alam, 21 Julai 2010).

hanya dapat dijelaskan melalui golongan tertentu yang dikenali sebagai pakar dan pendapat yang dikemukakan oleh pakar boleh diterima di Mahkamah sebagai suatu bentuk keterangan. Keterangan pendapat pakar akan dijelaskan secara terperinci pada bahagian berikutnya. Selain daripada pembuktian melalui keterangan pendapat pakar, metode kebarangkalian juga boleh diaplikasikan dalam pembuktian jenayah sihir. Metode ini telah diperkenalkan oleh Nor Azian Abd Rahman untuk mengenal pasti siapa pelaku jenayah sihir. Menurut beliau, antara kaedah yang paling sesuai untuk mencari pelaku sihir atau orang yang menyihirnya adalah melalui mangsa sihir itu sendiri dengan menggunakan kaedah kebarangkalian soal jawab atau Q&A.²⁹⁴ Semasa rawatan secara *ruqyah* dilakukan, perawat akan berinteraksi dengan makhluk yang berada dalam badan mangsa.²⁹⁵ Pengamal perubatan Islam akan membacakan ayat-ayat al-Quran dan mula menggunakan kaedah pukulan atau tepukan pada bahagian-bahagian tertentu seperti di keliling telinga dan sendi-sendi untuk memberikan kesakitan kepada khadam sihir itu.²⁹⁶ Secara spontan, pesakit akan merasa sakit dan merayu agar tidak disakiti dan sebenarnya khadam sihir di dalam tubuh badan mangsa itu yang berkomunikasi dengan pengamal. Pada masa ini, pengamal perlu menggunakan kaedah kebarangkalian soal jawab atau Q&A ini kepada mangsa (khadam sihir yang berada dalam tubuh badan mangsa) untuk mengetahui orang yang menyihir mangsa, tempat tinggalnya dan sebab suspek menghantar sihir kepada mangsa. Apabila mangsa memberi respon dan mula memberitahu siapa yang menghantar sihir tersebut, maka rakaman perlu diambil sebagai bahan bukti.²⁹⁷

²⁹⁴ Nor Azian Abd Rahman, "Metodologi Pendakwaan Dan Pembuktian Sihir Berdasarkan Fakta Syariah Dan Sains"(Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

²⁹⁵ Rushdi Ramli (Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dalam temubual dengan pengkaji, 14 Mac 2013).

²⁹⁶ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

²⁹⁷ Mahyuddin Ismail, "Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Sihir Di Malaysia : Isu Dan Cabarannya" (Kertas persidangan, Seminar Undang-Undang Jenayah Sihir, Kolej Antarabangsa IKIP, Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 11 Oktober 2010).

Kemudian, suspek mula dicari dan diuji dengan menggunakan “*truth serum*” bagi membantu mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan bukan digunakan sebagai asas kepada bahan bukti pengakuan. Ini disebabkan pengakuan suspek pada tahap ini belum boleh diterima sebagai keterangan sehingga ada bukti yang menyokongnya.

Seterusnya, suspek diuji dengan menggunakan teknik *poligraph* atau *lie detector test* sebagai bahan mekanikal sokongan ke atas maklumat yang diberikan oleh suspek terhadap pendakwaan ke atasnya. Teknik ini adalah salah satu teknik untuk mengesan tahap kebenaran maklumat yang diberikan oleh suspek dengan mengukur dan merekodkan beberapa indeks psikologi seperti tekanan darah, nadi, kadar atau rentak pernafasan dan *skin conductivity*. Sekiranya suspek bercakap benar, nadi dan tekanan darah akan stabil tetapi sekiranya suspek bercakap bohong, maka akan terdapat perubahan pada tekanan darah dengan kadar denyutan nadi.

Kemudian, suspek perlu menjalani ujian psikologi sama ada mengalami “*Pathological Iying*”. “*Pathological Iying* atau *liar*” adalah terma bukan klinikal bagi seseorang yang mempunyai tabiat suka menipu untuk melepaskan diri, mempunyai kemahiran dan licik dalam melakukan manipulasi terhadap kebenaran fakta. Justeru, pengkaji berpendapat agar ujian-ujian ini dilakukan oleh pakar psikologi yang mahir dalam mengendalikan suspek yang mengalami masalah yang dinyatakan seperti di atas.

Akhir sekali, suspek perlu diperiksa mengikut kaedah perubatan Islam oleh beberapa pengamal perubatan Islam yang diiktiraf keilmuan mereka untuk memeriksa sama ada suspek mempunyai kebarangkalian terlibat dalam perbuatan sihir tersebut.²⁹⁸

Oleh yang demikian, kebarangkalian-kebarangkalian yang dinyatakan boleh digabungkan dengan keterangan pendapat pakar. Apa yang dimaksudkan dengan pendapat pakar dan siapa yang layak dipanggil pakar dalam mengenal pasti dakwaan sihir akan diulas pada bahagian berikutnya.

²⁹⁸ Nor Azian Abd Rahman, “Metodologi Pendakwaan Dan Pembuktian Sihir Berdasarkan Fakta Syariah Dan Sains”(Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

4.2.2 Pembuktian Fakta Relevan Berdasarkan Pendapat Pakar.

Menurut Zulfakar Ramlee, pendapat pakar telah mula diterima di Mahkamah Syariah sejak tahun 1990 lagi dalam menentukan kebenaran dakwaan suami bahawa dia disihirkan.²⁹⁹ Begitu juga pandangan yang dikemukakan oleh Mahyuddin, beliau mengatakan bahawa keterangan pakar merupakan satu kaedah pembuktian yang mula mendapat tempat dewasa ini berikutan keperluan terhadapnya dalam bidang yang melibatkan sains dan teknologi. Saksi pakar dianggap sebagai pembantu kepada hakim dalam menilai bukti-bukti yang dikemukakan di hadapan mereka.³⁰⁰ Katanya lagi, memandangkan ilmu sihir ialah suatu ilmu yang sukar difahami oleh kebanyakan orang, maka keterangan daripada seorang yang pakar merupakan elemen terpenting dalam perbicaraan seseorang yang dituduh sebagai tukang sihir. Saranan oleh YAA Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes *Mustapha Batcha lwn Habeba Abd Rahman* supaya supaya dukun yang merawat perayu diminta memberi keterangan dan diterima sebagai pendapat pakar (*ra'yu al-khabir*) menunjukkan keperluan pakar dalam bidang ini.³⁰¹

Oleh yang demikian, pengkaji telah membahagikan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir kepada tiga kategori. Pertama, pakar dalam bidang forensik, kedua pakar yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang ilmu sihir. Ketiga, pakar dalam bidang psikologi.

4.2.2.1 Pakar Forensik.

Menurut Mahyuddin Ismail, keterangan pakar forensik amat diperlukan dalam menentukan bahan-bahan yang biasa digunakan dalam ilmu sihir. Bahan-bahan tersebut terbahagi kepada dua iaitu yang pertama bahan-bahan yang bersifat *natural (biological)*

²⁹⁹ Zulfakar Ramlee Saad, "Pendakwaan Jenayah Sihir : Prinsip-Prinsip Pembuktian Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah" (Kertas Persidangan, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam, 21 Julai 2010).

Lihat kes *Mustapha Batcha lawan Habeba Abd Rahman* (1410) JH 41

³⁰⁰ Bab 3, bahagian Fungsi Pendapat Pakar Dalam Pembuktian, 89-92.

³⁰¹ Mahyuddin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung* (Kuala Lumpur :PTS Millennia Publication, 2011),254.

source seperti rambut, cebisan pakaian, darah, air mani, air liur, air kencing, DNA, cap jari, dan satu lagi bahan-bahan yang bersifat *non biological source* seperti cat, kayu, kaca, kesan tapak kaki, minyak, kesan tayar dan alatan-alatan yang digunakan. Dengan adanya keterangan daripada pakar yang menjalankan penyelidikan terhadap bahan-bahan ini, maka penyiasat boleh mengenalpasti hubungkait antara bahan-bahan yang digunakan dengan pelaku ataupun mangsa. Pengesanan yang dilakukan dengan kaedah ini membolehkan penyiasat mengenal pasti penjenayah sihir dengan mudah.³⁰²

Tambahan lagi, menurut Zulfakar Ramlee, keterangan forensik merupakan kaedah pembuktian yang paling kontemporari bahkan mudah untuk diperolehi disamping ketetapan yang diyakini. Walaubagaimanapun, isu yang sering timbul ialah bolehkah ujian DNA ini diterimapakai di Mahkamah Syariah di Malaysia? Ini adalah persoalan yang menarik dan amat relevan kerana kini kita berada di zaman yang serba canggih yang mana penjenayah juga bijak dalam menyembunyikan bahan kes. Maka jelaslah disini bahawa hasil ujian DNA³⁰³ boleh dikemukakan di Mahkamah Syariah sebagai salah satu keterangan yang berupaya membuktikan sesuatu dakwaan atau tuntutan.³⁰⁴

Hasil ujian DNA juga boleh diterimapakai di Mahkamah Syariah sebagai satu juzuk dari pandangan pakar. Ini jelas diperuntukkan di bawah Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 yang menyatakan bahawa pakar terdiri daripada seseorang yang mempunyai kemahiran khusus terhadap perkara-perkara yang mana Mahkamah tidak mempunyai pengetahuan mengenainya yang terdiri daripada undang-undang negara asing, sains, seni, identiti, ketulenan tulisan tangan atau cap jari, atau berhubungan dengan penentuan nasab. Peruntukan ini dengan jelas memberi ruang yang luas untuk pihak-pihak terbabit mengemukakan pandangan dari seorang pakar berdasarkan hasil ujikaji sains termasuklah ujian DNA

³⁰² *Ibid.*, 254-255.

³⁰³ Lihat kes Pendakwa Syarie lawan Rosli bin Abdul Japar (2007) 23 JH 237, kes ini menerima laporan DNA sebagai salah satu medium pembuktian.

³⁰⁴ Zulfakar Ramlee (Penolong Pensyarah/Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam temubual dengan pengkaji, 13 Februari 2013. Lihat Zulfakar Ramlee Saad, "Pendakwaan Jenayah Sihir : Prinsip-Prinsip Pembuktian dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah" (kertas kerja, Muzakarah Pakar : Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti Negeri Selangor dengan kerjasama PISANG, Shah Alam, 21 Julai 2010), 8-9.

ini. Pembuktian berdasarkan analisa dari pakar perubatan mengenai sesuatu kecederaan atau pembunuhan dapat menyelesaikan kes-kes jenayah atau tuntutan pampasan di atas kecederaan yang dialami. Hasil ujian forensik juga boleh diaplikasi dalam pembuktian jenayah sihir terhadap mangsa dan pada masa yang sama ia juga boleh menafikan penglibatan seseorang dalam sesuatu kes yang didakwa.³⁰⁵

4.2.2.2 Pakar Yang Mengetahui Selok Belok Ilmu Sihir.

Individu yang mempunyai pengetahuan, pengalaman dan pemahaman yang tepat mengenai selok belok ilmu sihir boleh dikategorikan sebagai pakar. Pakar yang dimaksudkan ini juga perlu mempunyai pengalaman dalam menjalankan rawatan pemulihan pesakit gangguan sihir seperti pengamal-pengamal perubatan Islam yang diiktiraf. Walaubagaimanapun, menurut Mahyuddin Ismail, tidak semua kepakaran tersebut boleh diterimapakai dan diiktiraf terutamanya bagi tujuan pembuktian di Mahkamah. Pengakuan kepakaran ini boleh dibuat oleh sesiapa sahaja yang kononnya mereka telah banyak pengalaman mistik, ritual dan spiritual, banyak terlibat dalam rawatan dan banyak kemahiran yang dianggap luarbiasa.³⁰⁶ Sehubungan dengan itu, pandangan berkaitan rawatan secara Islam telah diutarakan oleh Rushdi Ramli dengan menyatakan bahawa kaedah yang utama dalam rawatan adalah berdasarkan kaedah *ruqyah syar'iyah* yang menekankan penggunaan ayat-ayat suci al-Quran dan Sunnah Rasulullah sepanjang rawatan dijalankan.³⁰⁷ Pendapat beliau juga disokong oleh Khadher Ahmad yang menjelaskan bahawa selain kaedah *ruqyah syar'iyah*, kaedah yang tertentu seperti kaedah tepukan, pukulan, mandi dan sebagainya adalah dibenarkan selagi tidak bertentangan dengan syarak dan tidak menyerupai amalan perbomohan.

³⁰⁵ *Ibid.*, 10

³⁰⁶ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

³⁰⁷ Rushdi Ramli (Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan pengkaji, 14 Mac 2013.

Tambah beliau lagi, selain itu, bahan-bahan yang digunakan semasa rawatan dijalankan hendaklah bahan yang suci, bersih dan halal.³⁰⁸ Oleh itu, rawatan secara Islam mestilah memenuhi pendekatan yang digariskan tersebut untuk mengelakkan individu yang menghadapi gangguan sihir terjerumus pada rawatan yang menyalahi syariat.

Oleh yang demikian, dalam menentukan dan memilih pakar yang mahir tentang selok belok ilmu sihir yang diiktiraf, kriteria dan kemahirannya adalah tidak diragui lagi. Antara kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi oleh individu bagi diiktiraf sebagai pakar yang dapat memberi keterangan dalam kes jenayah melibatkan ilmu sihir adalah seperti berikut:

- i) individu pakar perlu mempunyai kelayakan profesional sama ada dalam bidang akademik atau berpengalaman, mempunyai reputasi dan penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu.
- ii) Beliau perlu mampu menerangkan selok belok ilmu sihir yang dianggap ghaib, batin dan tersembunyi dengan mudah dan logik supaya menjadi nyata serta dapat diterima oleh semua pihak dalam perbicaraan.
- iii) Dikenali sebagai seorang yang berakhlak mulia, berintegriti, mempunyai reputasi yang baik dan berkemahiran tinggi serta mempunyai pengalaman yang luas.
- iv) Individu pakar perlu bersih daripada terlibat dalam apa jua bentuk penyelewengan serta pemesongan fahaman agama dan akhlak, perbuatan yang tidak bermoral ataupun bertentangan dengan adat kehidupan.

Oleh yang demikian, telah ditubuhkan satu badan yang dikenali sebagai Gabungan Persatuan Pengamal Pengubatan Islam Malaysia (GAPPIMA). Tujuan GAPPIMA ditubuhkan adalah untuk mengiktiraf individu tertentu sebagai pengamal perubatan Islam dan ahlinya akan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh Majlis

³⁰⁸ Khadher Ahmad (Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temubual dengan pengkaji, 8 Mac 2013. Lihat Khadher Ahmad, "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir dalam al-Kutub al-Sittah : Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia" (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

Pengawasan yang dilantik yang terdiri daripada pakar pengobatan Islam, panel akidah JAKIM dan Kementerian Kesihatan. Sekiranya didapati rawatan yang diberikan terpesong maka pengamal tersebut akan diberi amaran sebelum tindakan dibuang keahlian diambil jika tidak mendengar arahan tersebut.³⁰⁹

Dalam Islam, individu yang dahulunya terkenal sebagai ahli sihir tetapi sudah berhenti daripada menjadi ahli sihir dan bertaubat dari melakukan kejahatan itu boleh dipanggil sebagai saksi bagi memberikan keterangan berkaitan selok belok ilmu sihir.³¹⁰

Perkara tersebut ada dinyatakan dalam kaedah *fiqh* iaitu :

مَالَا يَثْبُتُ إِلَّا بِالْإِقْرَارِ وَلَا يُمْكِنُ ثَبُوتُهُ بِالْبَيِّنَةِ³¹¹

Maksudnya : Tidak boleh disabitkan kecuali dengan *iqrar* dan tidak boleh disabitkan dengan *bayyinah*.

Kaedah ini terpakai bagi menentukan sesuatu sabitan perlu dikemukakan melalui *iqrar* sahaja dan tidak boleh dikemukakan dengan menggunakan *bayyinah* atau keterangan. Syarat bagi kaedah ini juga tertumpu kepada pengakuan ahli sihir yang telah bertaubat dan tidak akan mengulangi kesalahannya itu. Kepakaran yang dimiliki oleh ahli sihir yang telah bertaubat juga boleh digunakan untuk menerangkan selok belok ilmu sihir di Mahkamah.

4.2.2.3 Pakar Psikologi

Keterangan pendapat pakar yang boleh diterima pakai dalam pembuktian jenayah sihir adalah pakar dari sudut perubatan psikologi atau psikiatri. Ini bertujuan bagi membantu mahkamah dalam mengenalpasti kesan penyakit yang dialami oleh mangsa. Keterangan pakar psikologi juga boleh menyatakan perkaitan antara sihir dan psikologi serta meneliti fakta kes sama ada penyakit tersebut berpunca daripada sihir atau faktor-

³⁰⁹ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

³¹⁰ Mahyuddin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung* (Kuala Lumpur :PTS Millennia Publication, 2011), 257.

³¹¹ Jalal al-Din 'Abd al-Rahman Ibn Abi Bakar al-Suyuti, *Al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa'id wa furu' Fiqh al-Shafi'iyah* (Mesir: Mustafha al-Babi al-Halabi wa Auladah, 1938), 628.

faktor yang lain. Menurut Mohamed Hatta Shaharom, terdapat sebahagian penyakit yang mudah dikaitkan dengan pengaruh jin iaitu penyakit-penyakit yang diklasifikasikan sebagai kecelaruan psikiatri. Rawatan penyakit psikiatri dianggap suatu usaha yang sukar kerana pada kebiasaannya dukun, bomoh atau pawang sering menumpukan perhatiannya ke arah aspek kerohanian sahaja, sementara para doktor dilatih secara Barat mengabaikan aspek kerohanian. Beliau menyatakan pendekatan yang boleh diambil dalam usaha merawat pesakit yang menghadapi penyakit psikiatri adalah menerusi rawatan yang bersepadu, iaitu dengan merawat secara ubatan (farmakoterapi), kejiwaan (psikoterapi), pendekatan sosial (kemasyarakatan) dan terapi spiritual (kerohanian). Menurutnya lagi, tanpa pendekatan dan kefahaman yang seimbang dalam memahami penyakit psikiatri serta gangguan jin, bukan sahaja pesakit akan terus merana kerana tidak mendapat rawatan secukupnya, malahan kemurnian akidah pesakit turut tergugat.³¹²

Sehubungan dengan itu, pembuktian fakta relevan dalam jenayah sihir perlu ditentukan sama ada fakta itu terbukti, terbukti sebaliknya atau tidak terbukti berdasarkan tafsiran di bawah Seksyen 3 (2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005 yang menyatakan seperti berikut :

2) Dalam Akta ini -

(a) suatu fakta dikatakan "terbukti sebaliknya" apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai bahawa fakta itu tidak wujud atau berpendapat ketakwujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu tidak wujud;

(b) sesuatu fakta dikatakan "tidak terbukti" apabila fakta itu tidak "terbukti" atau tidak "terbukti sebaliknya" mengikut Akta ini;

(c) sesuatu fakta dikatakan "terbukti" apabila, setelah menimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada mempercayai bahawa fakta itu wujud atau berpendapat bahawa kewujudan fakta itu adalah sebegitu mungkin sehingga seseorang yang berhemat patut, dalam keadaan hal tertentu, bertindak atas anggapan bahawa fakta itu wujud.

³¹²Mohammed Hatta Shaharom. *Etika Perubatan Islam dan Isu-Isu Psikiatri* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 268.

Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa sesuatu fakta itu wujud atau tidak apabila Mahkamah percaya dan mengesahkan bahawa fakta itu wujud. Persoalan yang timbul adalah sejauhmana fakta-fakta itu terbukti. Oleh itu, pengkaji telah membuat situasi atau lakaran berdasarkan peruntukan tersebut untuk menjelaskan dengan lebih lanjut sama ada fakta itu terbukti, terbukti sebaliknya atau tidak terbukti seperti berikut :

Lakaran 1 : apabila pihak pendakwa berjaya mengemukakan bukti-bukti bahawa mangsa disihir, namun pihak yang dituduh telah menimbulkan sedikit keraguan bahawa beliau tidak menyihir mangsa tetapi hanya merawat mangsa. Ini selaras dengan peruntukan di atas bahawa fakta tersebut “terbukti sebaliknya” dan Mahkamah beranggapan bahawa fakta tersebut tidak wujud.

Lakaran 2 : apabila pihak pendakwa gagal mengemukakan sebarang bukti yang kukuh dan pihak yang dituduh menafikan dakwaan pendakwa, maka fakta dikatakan “tidak terbukti” atau “tidak terbukti sebaliknya”.

Lakaran 3 : apabila pihak pendakwa berjaya mengemukakan bukti-bukti bahawa mangsa disihir oleh tertuduh melalui tanda-tanda dan simptom sihir, seterusnya tertuduh mengaku pada mulanya dia yang melakukan sihir tersebut namun kemudian menarik semula pengakuannya. Oleh itu, Mahkamah boleh mengesahkan bahawa wujudnya fakta dan fakta tersebut telah “terbukti”.³¹³

Oleh yang demikian, sesuatu fakta perlu dibuktikan kewujudannya terlebih dahulu sebelum mengetahui apakah darjah pembuktian yang perlu dicapai bagi mensabitkan seseorang dengan kesalahan yang dilakukannya. Pada bahagian berikutnya akan diulas berkaitan darjah pembuktian bagi *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir.

³¹³Zulfakar Ramlee (Penolong Pensyarah/Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam temubual dengan pengkaji, 13 Februari 2013.

4.3 DARJAH PEMBUKTIAN BAGI *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR.

Darjah pembuktian atau berat beban bukti bermaksud sekadar manakah keterangan itu diperlukan untuk membolehkan sesuatu kesalahan itu disabitkan. Dengan maksud yang lebih jelas, berat beban bukti ini membicarakan mengenai berapa banyak jumlah keterangan yang diperlukan atau setakat mana tahap pembuktian yang dikehendaki untuk mensabitkan sesuatu kesalahan atau dianggap kes itu sudah terlepas.³¹⁴ Secara literal, darjah pembuktian merupakan satu tahap atau aras piawaian berhubung kepercayaan Mahkamah Syariah terhadap kewujudan atau ketidakwujudan sesuatu fakta atau kes sehingga terdapat anggapan bahawa perkara yang dipertikaikan itu wujud atau sebaliknya.³¹⁵ Perbincangan tentang darjah ini sangat penting untuk menentukan samada keterangan melalui *qarinah* dan pendapat pakar boleh mencapai tahap yang diperlukan untuk mencapai keadilan jenayah. Jika boleh mencapai tahap itu maka mahkamah boleh mempertimbangkan untuk mengaplikasikan kedua-dua kaedah ini sebagai asas sabitan. Jika tahap pembuktian yang dicapai terlalu rendah, bermakna kebolepercayaannya amat diragui dan boleh dianggap tidak relevan atau relevan sebagai penguat kepada kaedah *iqrar* dan *syahadah*.

Dalam konteks hukum syarak, secara umumnya tahap yang perlu dicapai terdiri daripada *yakin*, *zan al-ghalib* (tanpa keraguan munasabah) atau *zan* (pertimbangan kemungkinan). Manakala dua tahap lagi yang tidak diterima ialah *syak* dan *waham*. Oleh itu, Ruzman Md. Noor telah mengemukakan pendekatan yang boleh dipertimbangkan bagi membentuk darjah pembuktian dalam peratusan seperti berikut³¹⁶:

³¹⁴ Mahmud Saedon, "Pembuktian : Kepentingan Beban dan Hukumannya", *Jurnal Hukum* 4, no.2 (1989),188. Lihat juga Ashraf Md. Hashim, "Tahap Pembuktian Di Dalam Kes-kes Jenayah : Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam dan Sivil". *Jurnal Syariah* 9, no. 2 (2001), 18.

³¹⁵ Ruzman Md Noor, "Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah Di Malaysia". *Jurnal Hukum* 31, no.1 (2010),13.

³¹⁶ *Ibid*,13.

- i) *Yakin* bersamaan 100% (Menurut sesetengah kes, ia merujuk kepada tahap kesimpulan yang tidak boleh disangkal lagi (*irresistible conclusion*))
- ii) *Zan al-ghalib* bersamaan 90% hingga 99% (tanpa keraguan munasabah)
- iii) *Zan* bersamaan 51% hingga 89%. (pertimbangan kemungkinan)
- iv) *Syak* bersamaan 50% bagi kedua-dua pihak
- v) *Waham* bersamaan di bawah 50%.

Terdapat sedikit perbezaan peratusan tahap pembuktian yang diutarakan oleh Siti Zalikah Haji Md. Noor apabila beliau menyatakan bahwa tahap pembuktian yang diperlukan dalam kes jenayah *ta'zir* ialah sampai ke tahap *zan al-ghalib* (*zann* yang kuat) iaitu kadarnya 80% sehingga 90%. Namun jika peratusnya kurang iaitu pada kadar 55% sehingga 60% maka *zann*nya masih rendah. Bagi kes hudud pula, tahap pembuktian mestilah sampai ke tahap yakin. Jika terdapat keraguan maka gugur hukuman *hudud*.³¹⁷ Justeru, pengkaji berpendapat bahawa walaupun terdapat perbezaan terhadap peratusan tahap pembuktian namun ianya masih dalam kategori *zann* sama ada *zan al-ghalib* atau *zann* serta tergolong dalam tahap pembuktian yang digariskan oleh syara' dan disepakati oleh sebahagian ulama.

Tahap pembuktian adalah sesuatu yang abstrak dan subjektif. Undang-undang hanya menyebut soal kepercayaan dan pendapat Mahkamah terhadap fakta atau kes yang dibentangkan. Sekiranya terdapat kayu pengukur terhadap tahap ini maka ia boleh diibaratkan seperti neraca timbangan. Jika ia meningkat di suatu pihak, maka tahap yang dicapai oleh pihak yang satu lagi menurun. Sebagai contoh, jika satu pihak berjaya buktikan kesnya sehingga 80%, maka pihak yang satu lagi hanya mampu menimbulkan sedikit kepercayaan oleh Mahkamah iaitu sekitar 20%.

³¹⁷ Siti Zalikah Haji Md. Noor, "Penghakiman" dalam *Al-Syariah : Kehakiman Islam*, ed.Siti Zalikah Haji Md. Noor et al. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka,2004),2:126.

Persoalan yang timbul, apakah bentuk keterangan yang diperlukan untuk mencapai tahap-tahap ini? Oleh itu, pendapat yang disepakati oleh jumhur ulama adalah bagi mencapai tahap ‘*yakin*’ atau tahap tinggi hanya *iqrar* dan *syahadah* sahaja yang boleh digunapakai bagi membuktikan sesuatu kes. Namun begitu, dalam konteks Mahkamah Syariah di Malaysia menunjukkan bahawa *bayyinah* juga digunapakai dan diterima bagi membuktikan kes serta tahap pembuktian bagi keterangan bentuk *bayyinah* hanya sampai ke peringkat *zann al-ghalib* sahaja.³¹⁸ Ini menunjukkan bahawa kaedah pembuktian memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap pembuktian yang perlu dicapai bagi mensabitkan seseorang itu bersalah. Secara tidak langsung, dalam menentukan tahap pembuktian sama ada *yakin*, *zann al-ghalib*, *zann*, *syak* atau *waham* adalah merupakan satu bentuk ijtihad yang harus dilakukan oleh hakim dengan melihat kepada wasilah-wasilah pembuktian tertentu.³¹⁹

Dalam membincangkan soal darjah pembuktian, menjadi satu kepastian bahawa hukuman *ta’zir* memadai dikenakan bagi kesalahan yang mencapai tahap *zann al-ghalib* sahaja. Hukuman yang tersedia ada di dalam akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah hari ini adalah lebih berbentuk *ta’zir*. Justeru, tahap pembuktian dalam kes jenayah yang diamalkan di Mahkamah Syariah hari ini adalah pada tahap *zann al-ghalib* berdasarkan hukuman *ta’zir* yang dikenakan.³²⁰

Satu perkara penting yang berkait rapat dengan tahap pembuktian adalah beban bukti. Perbincangan berkaitan topik ini telah diulas secara terperinci pada bab sebelum ini³²¹, maka pengkaji akan menjelaskan secara ringkas berkaitan beban bukti untuk menunjukkan perkaitan antara beban bukti dan tahap pembuktian. Perkara ini perlu difahami kerana tahap pembuktian yang diperlukan adalah berbeza mengikut beban

³¹⁸ Ruzman Md Noor, “Pembuktian Dalam Kes Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah Di Malaysia”. *Jurnal Hukum* 31, no.1 (2010), 12-15.

³¹⁹ Ma’amoun M. Salama, “General Principles of Criminal Evidence in Islamic Jurisprudence” dalam *the Islamic Criminal Justice System*, ed. M. Cherif Bassiouni (London : Oceana Publications Inc, 1982), 111.

³²⁰ Ashraf Md. Hashim, “Tahap Pembuktian Di Dalam Kes-kes Jenayah : Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam dan Sivil”. *Jurnal Syariah* 9, no.2 (2001), 18. Lihat juga Rohayati Bt Sapei, “Darjah Pembuktian Dalam Kes Jenayah : Satu Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam dan Akta Keterangan 1950” (tesis sarjana, Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

³²¹ Bab 3, bahagian 3.1.3 Beban Pembuktian, 56-58.

bukti. Manakala beban bukti itu sendiri boleh berubah-ubah dari satu pihak kepada pihak yang lain. Secara umumnya, terdapat dua pihak yang terlibat secara langsung di dalam sesuatu perbicaraan iaitu pendakwa dan yang didakwa (tertuduh). Penentuan beban bukti adalah bersandarkan pada prinsip undang-undang Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW :

*“Keterangan adalah di atas pendakwa dan sumpah ke atas orang yang menafikannya.”*³²²

Hadis di atas dengan jelas memberikan panduan bahawa pada asasnya beban bukti terletak ke atas pendakwa. Ini bermaksud menjadi tanggungjawab pihak pendakwa untuk mengemukakan bukti ke tahap pembuktian yang diperlukan dalam sesuatu kes. Ini selaras dengan kedudukan yang dituduh, yang disifatkan dalam satu kaedah fiqh iaitu *“pada asalnya seseorang itu bebas dari segala tanggungan”*.³²³

Walaupun, apabila perbicaraan berjalan, tanggungjawab mengemukakan beban bukti ini boleh bertukar kepada yang dituduh. Keadaan ini berlaku apabila pihak pendakwa telah berjaya mengemukakan beban bukti ke tahap tertentu, yang mana jika tidak dijawab oleh yang dituduh, hukuman boleh dijatuhkan ke atasnya. Di dalam situasi ini, beban bukti akan berpindah kepada yang dituduh bagi menjawab segala tuduhan ke atasnya. Seterusnya, jika jawapan tertuduh ini mencapai tahap pembuktian yang lebih tinggi, beban pembuktian akan berpindah semula kepada pendakwa.³²⁴ Justeru, perkara yang sama juga diaplikasikan dalam pembuktian jenayah sihir iaitu beban bukti adalah terletak kepada pendakwa bagi mengemukakan bukti, namun beban tersebut akan berpindah kepada tertuduh setiap kali tertuduh menafikan fakta dalam pertuduhan sambil mengemukakan keterangan yang cuba menyangkal pertuduhan tersebut. Walaupun, jika pendakwa gagal membuktikan kesnya

³²² Muhammad Ibn Ismail al-San’ani, *Subul Al-Salam : Syarah Bulugh al-Maram min Jam’i Adilat Al-Ahkam*, Bab Al-Da’wai Wa Al-Bayyinat (Mesir: Mustafha al-Babi al-Halabi wa Auladah, 1960), 105. Lihat Majallah al- Ahkam al-‘Adliyah, Perkara 76

³²³ Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman Ibn Abi Bakar al-Suyuti, *Al-Ashbah wa al-Nazair fi Qawa’id wa furu’ Fiqh al-Shafi’iyah* (Mesir:Mustafha al-Babi al-Halabi wa Auladah,1938),53. Lihat Majallah al- Ahkam al-‘Adliyah. Perkara 8.

³²⁴ Ashraf Md. Hashim, “Tahap Pembuktian Di Dalam Kes-kes Jenayah : Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam dan Sivil”. *Jurnal Syariah* 9, no.2 (2001), 18-19.

sampai ke tahap yang diperlukan, maka kes akan dibuang dan pihak yang dituduh tidak akan dipanggil untuk membela diri.

Oleh yang demikian, darjah pembuktian yang mungkin boleh dipertimbangkan dalam membuktikan kesalahan jenayah sihir berdasarkan kepada keterangan berbentuk *qarinah* dan pendapat pakar adalah *zann al-ghalib*. Perkara tersebut menjadi pertimbangan kepada pengkaji dalam menentukan darjah pembuktian adalah disebabkan keterangan *iqrar* dan *syahadah* untuk sampai ke tahap '*yakin*' sukar untuk diperolehi apabila melibatkan jenayah sihir. Tambahan pula, isu melibatkan ilmu sihir yang pada faktanya tidak dapat dilihat secara langsung menyebabkan ianya amat sesuai dibuktikan melalui dua bentuk keterangan tersebut. Berdasarkan realiti pada hari ini, kadang kala kita dapati bahawa *qarinah* yang wujud adalah lebih kuat daripada penyaksian dan *iqrar*. Keadaan ini berlaku sekiranya *syahadah* dan *iqrar* yang dibuat mempunyai lebih banyak kesangsian daripada kebenaran. Ditambah pula, hukuman yang termaktub di dalam enakmen hari ini merupakan hukuman ta'zir, maka bertepatan darjah pembuktian dalam kes jenayah syariah yang perlu dicapai adalah sehingga tahap *zann al-ghalib* sahaja. Pada pendapat pengkaji, tahap *zann al-ghalib* adalah tahap yang lebih praktikal untuk diaplikasikan dalam kesalahan jenayah sihir kerana ianya bertepatan dengan hukuman yang tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah pada masa kini iaitu hukuman ta'zir.

Walaupun dalam menentukan tahap pembuktian yang dicapai dalam kes sihir ini, perkara utama yang mesti diselesaikan adalah kekuatan hubungan antara fakta relevan (*qarinah*) dengan jenayah itu iaitu adakah hubungan antara fakta relevan (*qarinah*) dengan jenayah itu begitu kuat atau lemah? Memandangkan sihir adalah perkara yang tidak nampak secara langsung, maka persoalan ini agak sukar dijawab. Selain itu terdapat juga beberapa persoalan lain yang berbangkit iaitu adakah *qarinah* dan pendapat pakar yang wujud itu boleh mengaitkan bahawa ia dilakukan oleh tukang

sihir tertentu atau tidak? Siapakah yang dikatakan pakar dalam perubatan tradisional dan adakah kenyataannya muktamad dan boleh dipegang, adakah bomoh atau dukun itu pakar? Adakah apabila seseorang itu tidak dapat dikesan penyakitnya secara moden maka ia dikatakan terkena sihir? Kesemua persoalan tersebut menunjukkan bahawa hubungan antara fakta relevan dengan fakata persoalan amat lemah. Ini bermakna pembuktian dalam kes ini bakal berhadapan dengan isu kekuatan bukti yang ada. Oleh itu, pada pandangan pengkaji tahap yang dicapai melalui kaedah-kaedah pembuktian ini adalah lemah, boleh dipertikaikan dan sukar untuk mencapai sehingga ke tahap *zan al-ghalib*. Walaupun kedua-dua bentuk keterangan ini relevan, namun ia adalah lemah, dan hanya boleh menjadi penguat kepada kaedah-kaedah lain jika ada seperti *shahadah* dan *iqrar*.

4.4 FUNGSI *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR.

Pada bahagian ini pengkaji akan menyentuh fungsi *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir untuk mengenal pasti kedudukan serta peranan kedua-dua kaedah ini setelah mempertimbangkan darjah pembuktian pada bahagian sebelumnya. Nilai bagi darjah pembuktian terhadap kedua-dua kaedah ini memberi kesan kepada fungsi *qarinah* dan pendapat pakar sama ada ia berperanan sebagai asas sabitan atau hanya sebagai pengganti kepada peranan *iqrar* dan *shahadah* dalam pembuktian jenayah sihir. Oleh yang demikian, huraian bahagian ini berfokus kepada fungsi *qarinah* terlebih dahulu diikuti dengan fungsi pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir pada akhir bahagian.

4.4.1 Fungsi *Qarinah* Dalam Pembuktian Jenayah Sihir.

Qarinah merupakan salah satu metode yang penting dalam pensabitan yang diterimapakai oleh sistem perundangan Islam. Terdapat dua persoalan ini iaitu pertama,

adakah *qarinah* semata-mata boleh dijadikan asas sabitan dan kedua, jika tidak ia hanya berfungsi sebagai penguat kepada *iqrar* dan *syahadah*. Kepentingannya dapat dilihat sama ada dalam keadaan wujudnya keterangan lain seperti *iqrar*, *syahadah* dan sebagainya ataupun dalam ketiadaan keterangan tersebut. Dari segi aplikasinya di dalam Undang-Undang Islam, *qarinah* merupakan satu kaedah pembuktian yang tidak disepakati dan hanya *qarinah* yang kuat sahaja diterima.³²⁵ Secara umumnya, para fuqaha bersetuju menjadikan *qarinah* sebagai penguat atau penyokong terhadap keterangan yang sedia ada. Namun, dalam kes-kes yang tertentu, *qarinah* sahaja sudah memadai untuk mensabitkan kesalahan pihak yang dituduh, bergantung kepada sejauh mana keperluannya dalam menjaga kemaslahatan dan keharmonian masyarakat dengan syarat *qarinah* itu mestilah *qarinah* yang kuat iaitu tidak ada sebarang kesamaran walaupun sedikit.³²⁶ Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah, sesiapa yang memperkecilkan penerimaan *qarinah* dalam perbicaraan secara menyeluruh bererti ia mensia-siakan hukum dan menghilangkan banyak hak serta kepentingan.³²⁷

Selain dari *iqrar* dan *syahadah* yang ditetapkan oleh ulama dalam mencapai tahap *yakin*, sebahagian ulama juga berpendapat *qarinah* juga berperanan menjadi bukti dalam kes-kes *hudud*.³²⁸ Kaedah ini banyak membantu dalam menyelesaikan sesuatu kes seperti zina, mencuri dan kes-kes *hudud* yang lain.³²⁹ Di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 di bawah peruntukan rujukan muktamad ditetapkan bahawa jika terdapat peruntukan atau tafsiran yang tidak konsisten dengan hukum syarak, maka ia tidak sah setakat yang tidak konsisten tersebut dan jika terdapat lakuna atau peruntukan yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta ini, maka Mahkamah hendaklah memakai hukum syarak.³³⁰

³²⁵ Abdul Mun'im al-Bahi, *Min Turuq al-Ithbat fi al-Syariat wa fi al-Qanun* (Mesir : Dar al-Fikr al-Arabi, 1965), 73.

³²⁶ Rohayati Bt Sapei, "Darjah Pembuktian Dalam Kes Jenayah : Satu Kajian Perbandingan Antara Undang-Undang Islam dan Akta Keterangan 1950" (tesis sarjana, Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

³²⁷ Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyyah* (Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 4.

³²⁸ Abdul Mun'im al-Bahi, *Min Turuq al-Ithbat fi al-Syariat wa fi al-Qanun* (Mesir : Dar al-Fikr al-Arabi, 1965), 89-90.

³²⁹ Ahmad Fathi Bahnasiy, *Nazariyyat al-Ithbat fi al-Fiqh al-Jina'iy* (Mesir : al-Syarikah al-Arabiyyah li al-Tiba'ah, 1992), 127.

³³⁰ Seksyen 130 (1) dan (2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Oleh itu, semua bentuk *qarinah* yang terdapat dalam peruntukan tersebut boleh diterima pakai selagi mana ia tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Sehubungan dengan itu, fungsi *qarinah* dalam pembuktian kesalahan jenayah sihir adalah pengganti kepada fungsi *iqrar* dan *syahadah* yang sukar untuk diperolehi. Walaubagaimanapun, *qarinah* tersebut boleh menjadi keterangan yang relevan dalam pensabitan jenayah sihir kerana pembuktian jenayah sihir merupakan suatu yang rumit dan tidak dapat dizahirkan pada pandangan mata. Oleh itu, adalah agak mustahil untuk mengemukakan saksi yang menyaksikan sihir itu dilakukan atau memperolehi pengakuan tertuduh secara sukarela. Pendekatan yang boleh diambil dalam menjadikan fungsi *qarinah* sebagai asas sabitan kepada pembuktian jenayah sihir adalah dengan mengemukakan seberapa banyak fakta-fakta yang relevan yang terangkum dalam bentuk *qarinah*. Dalam bahagian sebelum ini ada dijelaskan fakta-fakta yang dibuktikan membentuk fakta relevan seperti wujudnya tanda-tanda atau kesan sihir pada mangsa. Tanda-tanda tersebut merupakan *qarinah* yang utama yang menunjukkan bahawa seseorang itu disihir dan membuktikan dakwaan yang dibuat benar. Tanda-tanda seseorang itu disihir merupakan antara bukti yang penting dan memberi impak yang besar dalam menangani dakwaan seseorang itu disihir. Jika tiada tanda-tanda ini maka sukar untuk membuktikan dakwaan seseorang itu disihir. Tanda-tanda ini juga akan disokong oleh keterangan saksi biasa yang terdiri daripada kenalan rapat dan ahli keluarga mangsa yang melihat sendiri tanda-tanda dan kesan yang terjadi kepada mangsa.

Selain itu, motif menjadi *qarinah* yang menyakinkan untuk dikemukakan dalam membuktikan jenayah sihir. Ini disebabkan motif merupakan niat jahat tertuduh yang dibuktikan melalui perbuatan dan tindak tanduk sepanjang masa jenayah itu dilakukan (*previous conduct/subsequent conduct*).³³¹ Perkara tersebut boleh berlaku berdasarkan kelakuan sebelum itu iaitu seseorang itu pernah mempunyai konflik atau perselisihan

³³¹ Akta Keterangan 1950, Seksyen 8. Lihat kes PP v. Peter Kong (2007) 5 MLJ 567.

faham dengan tertuduh dan dalam masa yang sama tertuduh pergi menemui bomoh untuk menghantar sihir pada mangsa. Secara tidak langsung mangsa mengalami tanda-tanda dan simptom yang boleh dikaitkan dengan sihir dan ianya menunjukkan kesan yang terhasil dari sihir yang ditujukan kepada mangsa.

Penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik serta bahan-bahan sihir juga boleh dikemukakan sebagai *qarinah*. Bukti-bukti ini merupakan salah satu bentuk *qarinah* yang boleh menguatkan lagi *qarinah* yang lain yang menunjukkan mangsa benar-benar telah disihir. Diikuti dengan pengakuan seseorang yang mahir dengan selok belok ilmu sihir (keterangan pendapat pakar) yang mengatakan bahawa bahan-bahan tersebut berkait rapat dengan amalan sihir. Oleh yang demikian, apabila digabungkan semua *qarinah* tersebut, secara tidak langsung ia membentuk *qarinah* yang kuat. Gabungan semua *qarinah* ini boleh diumpamakan seperti tali, apabila disambungkan tali-tali tersebut maka ia akan menjadi kuat dan kukuh untuk menggantung tertuduh.³³²

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa *qarinah* memainkan peranan yang penting dalam pembuktian jenayah sihir. Walaupun *qarinah* ini pada dasar prinsipnya boleh mencapai tahap yang tinggi dan kukuh, namun dalam kes sihir keadaan ini agak berbeza. Huraian ini menunjukkan bahawa memang terdapat keterangan yang relevan untuk buktikan jenayah sihir namun, hubungan penyebab (*'alaqah sababiyyah*) antara *qarinah* dengan jenayah ini dilihat agak longgar. Justeru, tahap pembuktian sehingga *zan al-ghalib* berkemungkinan sukar dicapai disebabkan kesukaran untuk menzahirkan secara jelas hubungan penyebab antara *qarinah* dengan jenayah ini.

4.4.2 Fungsi Pendapat Pakar Dalam Pembuktian Jenayah Sihir

Sebagaimana yang diketahui juga bahawa bukti melalui pendapat pakar merupakan sesuatu yang relevan yang boleh diterima oleh mahkamah dan mempunyai tahap

³³² Dalam kes Chan Chwen Kong lawan PP (1962) 2 MLJ 307. Hakim Thomson menyebut, “In cases like this where the evidence in wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is, Is that rope strong enough to hang the prisoner?”

kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh sebab itu, dalam menilai tahap kebolehpercayaan tersebut, seseorang itu mestilah mengetahui dalam sesuatu bidang tertentu yang berkait dengan sesuatu isu. Sekiranya seorang saksi atau hakim sendiri tidak mengetahui dalam bidang tersebut, maka pembuktian itu tidak diterima kerana darjah kebolehpercayaan adalah rendah dan boleh meragukan.³³³ Justeru, pendapat pakar memainkan peranan yang penting dalam undang-undang keterangan kerana pendapat mereka adalah sesuatu fakta yang boleh dipercayai disebabkan kelebihan, kemahiran dan pengalaman mereka dalam bidang tersebut.³³⁴

Selaras dengan perkembangan sains dan teknologi, banyak berlakunya perkara-perkara diluar pengetahuan dan pengalaman hakim dalam mengendalikan sesuatu kes. Justeru, pendapat pakar memainkan peranan yang penting dalam membantu hakim menyelesaikan sesuatu kes. Namun begitu kaedah ini hanya melibatkan pengetahuan yang khusus oleh seseorang seperti mengesan identiti seseorang melalui cap jari dan ujian DNA, ujian kewarasan, pemeriksaan senjata, undang-undang negara asing, bidang saintifik, kesenian dan sebagainya. Undang-undang di Malaysia mengiktiraf pendapat pakar dan diterima sebagai salah satu bukti yang kukuh.³³⁵ Ini dijelaskan di dalam Akta Keterangan mengenai *bila pendapat orang ketiga relevan* iaitu berkaitan pendapat pakar.³³⁶ Manakala berdasarkan Akta Keterangan Mahkamah Syariah,³³⁷ keterangan pendapat pakar diletakkan di bawah *qarinah* dan merupakan salah satu bentuk keterangan yang diperlukan pada zaman kontemporari ini dalam menangani kes-kes jenayah yang semakin rumit dan berleluasa. Sebagai contoh, salah satu pembuktian melalui keterangan pendapat pakar yang boleh sampai ke tahap kepastian yang tinggi ialah kesan cap jari, pemprofilan DNA dan seumpamanya yang tidak mungkin

³³³ Tristram Hodgkinson, *Expert Evidence : Law And Practice* (London : Sweet and Maxwell,1990),121-122.

³³⁴ Ian R. Freckelton, *The Trial Of The Expert : A Study Of Expert Evidence And Forensic Experts* (Melbourne : Oxford University Press,1987).

³³⁵ Zulfakar Ramlee (Penolong Pensyarah/Assistant Professor, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam temubual dengan pengkaji, 13 Februari 2013. Lihat Rafiah Salim, *Evidence In Malaysia & Singapore, Cases, Material And Commentary*. 2nd ed (Asia : Butterworth,1989),283.

³³⁶ Seksyen 45 dan 46, Akta Keterangan 1950.

³³⁷ Seksyen 33 (1),(2) dan (3), Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005

berlakunya kesilapan dalam menentukan identiti seseorang. Ini kerana setiap manusia dilahirkan mempunyai cap ibu jari atau garisan setiap jari dan DNA yang berbeza antara satu sama yang lain. Ia tidak akan berubah walaupun disebabkan oleh faktor usia atau kemalangan.³³⁸

Sehubungan dengan itu, keterangan pendapat pakar boleh dirangkumkan dalam keterangan utama dalam pembuktian jenayah sihir. Fungsi keterangan pendapat pakar sememangnya diakui penting dalam membuktikan jenayah yang tersembunyi ini. Sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini, pengkaji telah membahagikan keterangan pendapat pakar kepada tiga bahagian iaitu terdiri daripada pakar forensik, pakar yang mahir dengan selok belok ilmu sihir contohnya pengamal perubatan Islam dan pakar psikologi. Keterangan yang dikemukakan oleh pakar forensik amat diperlukan bagi mengenal pasti bahan-bahan yang digunakan oleh pelaku sihir sekaligus dapat mendakwa tertuduh yang melakukan sihir. Bahan-bahan mencurigakan dan pelik yang dijumpai boleh dibuat ujian DNA terhadap pemilik barang tersebut. Oleh itu, bahan-bahan tersebut perlu disimpan untuk dijadikan bukti yang dapat menyokong keterangan-keterangan yang dikemukakan.

Begitu juga dengan pakar dalam selok belok ilmu sihir khususnya kepada pengamal perubatan Islam, kepakaran mereka perlu diiktiraf setanding pakar dalam bidang forensik. Ini kerana mereka berkemahiran dalam mengenal pasti tanda-tanda atau kesan yang dialami oleh mangsa sama ada tanda-tanda tersebut ada kaitan dengan ilmu sihir atau sebaliknya disamping boleh merawat penyakit sihir.³³⁹ Tambahan pula, pakar dalam mengetahui selok belok amalan sihir ini juga berkemungkinan dapat mengesan penjenayah yang melakukan atau menghantar sihir kepada mangsa. Walaubagaimanapun, sehingga kini belum ada *standard* atau piawaian yang benar-benar mantap untuk meletakkan pengamal perubatan Islam ini boleh diiktiraf sebagai

³³⁸ Frederick A. Jaffe, *A Guide To Pathological Evidence For Lawyers And Police Officer*. 2nd ed. (Toronto : Carswell, 1983).

³³⁹ Mahyuddin Ismail (Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang), dalam temubual dengan pengkaji, 17 Disember 2012.

pakar dalam menentukan penjenayah sihir. Pendapat golongan ini mungkin relevan namun dalam menentukannya sebagai asas untuk mensabitkan penjenayah sihir, ia masih terdedah kepada banyak kelemahan.

Selain itu, pendapat dari pakar psikologi juga perlu diambil kira kerana secara psikologinya perkara berkaitan ilmu sihir adalah sesuatu yang metafizik dan tidak difahami oleh sebarang doktor perubatan. Gejala yang berlaku kepada mangsa dapat dikesan melalui perubahan-perubahan yang berlaku dan pakar psikologi boleh menyatakan perkaitan antara sihir dan psikologi serta meneliti sama ada penyakit tersebut berpunca daripada sihir atau faktor-faktor yang lain. Secara umumnya penyakit sihir akan menjejaskan daya pemikiran (mental) dan akan mempengaruhi fizikal mangsa. Sebagai contoh, apabila seseorang disihir dengan menggunakan sihir pengasih, maka pemikiran mangsa adalah di bawah kawalan seseorang dan menyebabkan dia akan mengikut kehendak suami atau isteri tanpa disedari malah lama-kelamaan sihir tersebut akan menjejaskan fizikal mangsa seperti mangsa menjadi kurus, tidak bermaya dan kelihatan sentiasa letih. Oleh yang demikian, pakar psikologi dapat mengenal pasti sama ada seseorang itu disihir atau sebaliknya berdasarkan kesan-kesan yang terhasil secara psikologinya. Oleh yang demikian, peranan pakar psikologi adalah penting dalam pembuktian kesalahan jenayah sihir.

Berdasarkan penilaian terhadap kekuatan kaedah pembuktian adalah tidak semua kaedah pembuktian diterima secara sepenuhnya atau dengan kata lain bukan semua kaedah yang ditetapkan itu disepakati yang menjadi khilaf kepadanya. Walaupun begitu, mungkin pendapat ulama terdahulu menganggap kaedah pembuktian yang tidak disepakati itu tidak kuat dan hanya berperanan sebagai sokongan sahaja, namun begitu ia menjadi kaedah pembuktian yang kuat dan lebih relevan pada hari ini seperti peranan *qarinah*, *al-kitabah*, pendapat pakar dan sebagainya disebabkan berlakunya perubahan

dalam realiti hari ini. Dalam hal ini, terdapat kaedah *fiqh* yang menyebut “*hukum fiqh berubah akibat berubahnya masa, tempat dan suasana*.”³⁴⁰

Oleh yang demikian, pembuktian kesalahan jenayah sihir berdasarkan keterangan *qarinah* dan pendapat pakar adalah suatu pembuktian yang relevan pada masa kini. Kedua-dua kaedah ini boleh menjadi asas tersendiri untuk pensabitan dengan syarat ianya adalah kuat. Pada masa yang sama fungsinya sebagai penguat atau penyokong kepada *iqrar* dan *syahadah* dapat diterima tanpa pertikaian. Malah ianya boleh dikemukakan di Mahkamah berdasarkan kepada realiti semasa terhadap permasalahan yang berlaku dan keperluan terhadap langkah-langkah membanteras amalan ini daripada berleluasa menerusi mekanisme perundangan.

4.5 PROSPEK PEMAKAIAN *QARINAH* DAN PENDAPAT PAKAR DALAM PEMBUKTIAN JENAYAH SIHIR DI MAHKAMAH SYARIAH.

Pada bahagian ini, pengkaji akan mernghuraikan secara ringkas prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir di Mahkamah Syariah berdasarkan peruntukan yang termaktub di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan)2005. Oleh disebabkan belum wujud mana-mana peruntukan atau undang-undang berkaitan jenayah sihir, yang ada hanya draf Undang-Undang Jenayah Sihir³⁴¹, maka draf tersebut boleh digunakan sebagai satu panduan undang-undang untuk sementara. Pada masa yang sama, draf tersebut tidak boleh digunakan secara meluas kerana tiada autoritinya.

Walaupun, dalam konteks pembuktian telah wujud undang-undang khusus dalam Undang-Undang Keterangan Islam yang secara langsung menyentuh persoalan *qarinah* dan pendapat pakar. Justeru, pengkaji akan menjelaskan fakta-fakta relevan yang menjadi *qarinah* kepada pembuktian jenayah sihir dengan merujuk kepada

³⁴⁰ Hassan Haji Salleh, *Qawaid Fiqhiyyah* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1995).

³⁴¹ Lihat Draf Undang-Undang Jenayah Sihir di bahagian lampiran 1.

peruntukan yang terkandung di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 (Akta tersebut) sebagaimana yang diperuntukan seperti di bawah:

- 1) Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, dakwaan terkena sihir dapat dikesan melalui tanda-tanda atau kesan yang terjadi kepada mangsa. Oleh yang demikian, fakta relevan ini selaras dengan Seksyen 7 Akta tersebut yang menyatakan bahawa fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan bagi fakta persoalan atau fakta relevan adalah *qarinah*. Fakta ini juga boleh dikaitkan dengan peruntukan bagi Seksyen 14 Akta tersebut yang menjelaskan bahawa fakta yang menunjukkan kewujudan keadaan fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh ialah *qarinah*.
- 2) Seseorang yang mempunyai konflik atau perselisihan faham dengan mangsa, fakta relevan ini telah dijelaskan pada bahagian sebelum ini. Oleh itu, fakta seseorang yang mempunyai konflik atau perselisihan faham dengan mangsa menunjukkan wujudnya unsur motif dalam perbuatan jenayah melibatkan sihir. Fakta relevan ini berkait rapat dan selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 8(1) Akta tersebut, yang memperuntukan bahawa apa-apa fakta yang menunjukkan atau menjadi motif atau persediaan adalah *qarinah*.
- 3) Penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik. Apabila disiasat bahan-bahan ini adalah sinonim dengan bahan-bahan sihir seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Justeru, penemuan bahan-bahan ini bertepatan dengan peruntukan bagi Seksyen 3 Akta tersebut yang mentafsirkan perkataan dokumen sebagai segala benda, bahan, barang atau artikel termasuk segala yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi dan seumpamanya. Oleh itu, bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik disebut sebagai bahan-bahan sihir juga tergolong dalam kategori dokumen. Penemuan bahan-bahan

sihir ini juga selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 42 Akta tersebut yang jelas menyatakan bahawa watak buruk dahulu tidaklah menjadi *qarinah* kecuali bagi menjawab. Bahan-bahan tersebut menjadi bukti keterlibatan bomoh atau dukun dalam jenayah sihir.

- 4) Gabungan semua fakta relevan di atas membentuk satu siri pelakuan jenayah. Apabila fakta-fakta relevan seperti di atas digabungkan maka terhasil prinsip yang disebut sebagai *res gestae*. Oleh yang demikian, prinsip *res gestae* adalah selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 6 Akta tersebut yang menyatakan bahawa fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah *qarinah*.

Sehubungan dengan itu, fakta-fakta relevan seperti di atas perlu dibuktikan selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005(Akta tersebut). Pembuktian fakta-fakta relevan adalah seperti berikut :

- 1) Keterangan pendapat saksi bukan pakar :

Saksi bukan pakar dalam pembuktian jenayah sihir adalah ahli keluarga yang melihat kesan atau simptom-simptom sihir pada diri mangsa selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 85 Akta tersebut yang menyatakan bahawa keterangan suami, isteri, ibu bapa dan anak adalah *bayyinah*.

- 2) Keterangan pendapat saksi pakar

Keterangan pendapat saksi pakar merupakan keterangan yang relevan untuk membuktikan jenayah sihir. Pada pandangan pengkaji, pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir merujuk pada pakar forensik, pakar yang mahir dengan selok belok ilmu sihir iaitu pengamal perubatan Islam dan pakar psikologi. Penjelasan mengenai pendapat saksi pakar telah diterangkan pada bahagian sebelumnya.

Oleh yang demikian, pendapat pakar dalam jenayah sihir selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 33 Akta tersebut menyatakan bahawa apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, ialah *qarinah*.

Justeru, peruntukan ini bertepatan dengan pembuktian jenayah sihir kerana sihir adalah perkara seni yang memerlukan seseorang yang mempunyai kemahiran khusus mengenai seni yang dapat merungkai persoalan sihir.

Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah boleh menggunakan peruntukan-peruntukan berikut dalam membicarakan kes yang berkaitan dengan jenayah sihir. Para pengamal undang-undang sama ada pendakwa atau peguam perlu merujuk peruntukan-peruntukan tersebut dalam mencari bahan bukti dan menggunakan keterangan *qarinah* dan pendapat pakar dalam perbicaraan kes yang menyentuh soal sihir. Kedua-dua keterangan tersebut adalah relevan namun para hakim perlu mempertimbangkan semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya sebelum memutuskan keputusan dan menjatuhkan hukuman.

Walaupun setakat yang dicapai oleh kajian ini, kedua-dua keterangan ini adalah berada pada tahap yang lemah berasaskan faktor-faktor berikut:

- i. Hubungan antara fakta relevan dan fakta isu (jenayah sihir itu sendiri) adalah lemah kerana tidak zahir dan hubungan antara dalil dan *madlul* adalah lemah.
- ii. Seseorang pengamal perubatan Islam mungkin boleh dikatakan pakar dalam bidang berkenaan, namun untuk menerima pendapatnya sebagai asas sabitan kes

jenayah sihir adalah sukar. Ini adalah kerana *standard* atau piawaian dalam menentukan pakar itu masih tidak terbukti secara saintifik.

- iii. Laporan daripada pakar-pakar perubatan moden yang tidak menemui sebarang penyakit fizikal bukanlah tanda muktamad yang menunjukkan bahawa seseorang itu terkena sihir.

Namun begitu, ini bukan bermakna keterangan-keterangan tersebut tidak terpakai. Kedua-duanya adalah relevan dan boleh membantu serta menyokong keterangan *iqrar* dan *shahadah* jika ada.

4.6 KESIMPULAN

Jenayah sihir bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dibuktikan walaupun bagaimanapun hasil kajian mendapati bahawa jenayah sihir adalah sukar untuk dibuktikan apabila berhadapan dengan kekangan-kekangan seperti jenis kesalahan jenayah sihir yang boleh dirangkumkan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau enakmen yang berkaitan, jenayah sihir tidak dapat dikaitkan kesannya secara langsung dan bukti-bukti yang dikemukakan tidak kelihatan secara zahir yang mana bertentangan dengan prinsip keadilan di Mahkamah yang memerlukan kepada bukti-bukti yang zahir. Walaupun bagaimanapun, keterangan yang dicadangkan oleh pengkaji iaitu berdasarkan *qarinah* dan pendapat pakar merupakan keterangan yang relevan dalam pembuktian jenayah sihir dan pemakaian kedua-dua keterangan ini boleh diterima selagi ianya tidak bertentangan dengan undang-undang yang terpakai dan hukum syarak.

Sehubungan dengan itu, tidak dinafikan bahawa kaedah utama yang diterimapakai oleh semua ulama ialah *iqrar* dan *syahadah*. Namun begitu kaedah ini berhadapan dengan dua isu iaitu, pertama, kesukaran mendapatkan keterangan sebegini dan keduanya perlu sokongan untuk memperkukuhkan keduanya. Kajian ini memberi

fokus kepada kaedah *qarinah* dan pendapat pakar. Para ulama menerimapakai kedua-dua kaedah ini secara berhati-hati. Kedua-dua kaedah pembuktian ini boleh menjadi keterangan yang relevan dalam pensabitan dan boleh juga menjadi penyokong kepada *iqrar* dan *syahadah*.

Oleh yang demikian, *qarinah* dalam pembuktian jenayah sihir terdiri daripada motif, isyarat penyihir, kesan-kesan yang dialami oleh mangsa merangkumi tanda-tanda dan simptom-simptom. Barang-barang yang ditemui dalam milikan seorang pengamal sihir juga boleh diterima sebagai *qarinah*. Manakala pendapat pakar merujuk kepada pakar dalam bidang forensik, pakar yang mempunyai pengetahuan dan memahami selok belok ilmu sihir serta pakar psikologi. Tugas pakar adalah mengutarakan pendapat mereka berdasarkan kepakaran yang dimiliki dalam sesuatu bidang untuk menyelesaikan permasalahan yang berbangkit yang dapat membantu Hakim dalam membuat keputusan.

Darjah pembuktian merupakan aspek yang penting bagi menentukan sejauh mana suatu keterangan itu diterima di Mahkamah bagi mensabitkan seseorang yang dituduh itu bersalah atau sebaliknya. Dalam mencapai tahap atau darjah pembuktian, ianya bergantung kepada kaedah-kaedah pembuktian tertentu. Kaedah-kaedah dalam pembuktian inilah yang akan menentukan tahap pembuktian yang akan dicapai. Sebagaimana yang termaktub di bawah Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah pada hari ini, kaedah pembuktian melalui *qarinah* atau *bayyinah* telah diterimapakai. Ia memainkan peranan yang cukup penting dan perlu mencapai tahap sehingga *zann al-ghalib*. Walaubagaimanapun, disebabkan jenayah sihir sukar dibuktikan secara tidak langsung tahap pembuktian sehingga *zann al-ghalib* sukar untuk dicapai kerana tidak dapat mengaitkan kesan yang dialami oleh mangsa dengan tertuduh secara langsung dan bukti-bukti yang tidak zahir untuk mensabitkan seseorang itu terlibat dengan jenayah sihir.

BAB LIMA

BAB LIMA

RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan berkaitan rumusan, perbincangan dapatan kajian, cadangan kajian dan cadangan kajian lanjutan serta penutup. Secara umumnya, kajian ini tertumpu kepada prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti kedudukan jenayah sihir dari perspektif Undang-Undang Jenayah Islam. Kajian ini juga dijalankan untuk menilai elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir serta kebolehterimaan *qarinah* dan pendapat pakar sebagai keterangan yang relevan dalam pembuktian jenayah sihir.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam jenayah sihir di Mahkamah Syariah melalui peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah sedia ada.

Pengkaji telah menjelaskan dan menjawab objektif pertama dalam bab dua yang menerangkan berkaitan kedudukan jenayah sihir dalam undang-undang jenayah Islam.³⁴² Manakala bagi objektif dua dan tiga telah dibincangkan secara umum pada bab tiga dan keseluruhannya pada bab empat.³⁴³ Oleh yang demikian, melalui objektif-objektif tersebut maka dapat disimpulkan bahawa kedua-dua keterangan tersebut boleh dikemukakan di Mahkamah Syariah sebagai keterangan yang relevan untuk

³⁴² Lihat bab 2, bahagian 2.3, 40-49.

³⁴³ Lihat bab 3 dan bab 4.

membuktikan seseorang itu terlibat dengan jenayah sihir. Walaupun undang-undang khusus berkaitan jenayah ini belum diwujudkan, tetapi kajian ini cuba membuat analisis terhadap berdasarkan data-data yang ada pada masa kini dengan merujuk kepada kitab-kitab *muktabar* dan bahan-bahan seminar.

5.1 RUMUSAN

Berdasarkan kepada isu-isu yang telah dibahaskan dalam bab-bab sebelum ini, maka pengkaji membuat rumusan terhadap hasil dapatan kajian. Terdapat lima dapatan utama dalam kajian ini seperti berikut :

1. Elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir.

Secara ringkasnya, elemen-elemen jenayah dalam jenayah sihir adalah antara topik yang penting untuk dibincangkan kerana ia merupakan fakta isu yang mesti dibuktikan setiap satunya sebelum penjenayah dapat disabitkan. Justeru, elemen-elemen jenayah yang terdapat dalam jenayah sihir terbahagi kepada tiga iaitu i) asas pengharaman sesuatu perbuatan jenayah, ii) perbuatan yang diharamkan atau *actus reus* dan hubungan sebab musabab atau '*alaqah sababiyyah* yang wujud pada *actus reus* dan iii) niat jahat atau *mens rea*. Penerangan yang terperinci berkaitan bahagian ini telah dijelaskan oleh pengkaji pada bab sebelumnya.³⁴⁴ Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa ketiga-tiga elemen ini mesti wujud dalam jenayah sihir untuk mengistiharkan sihir sebagai suatu perbuatan jenayah. Walaubagaimanapun, apabila elemen-elemen jenayah sihir dikaji berdasarkan kepada realiti perundangan, maka dilihat elemen-elemen ini masih mempunyai kelemahan dari sudut hubungkait kesan jenayah yang berlaku

³⁴⁴ Bab 3, bahagian 3.1,51-61.

dengan pelaku yang dipertuduhkan atas kesalahan tersebut. Oleh itu, walaupun elemen-elemen jenayah dalam sihir wujud namun ianya masih tidak terbukti secara saintifik dan perlu kepada kajian yang mendalam mengenainya.

2. Fakta-fakta relevan dalam pembuktian jenayah sihir.

Fakta-fakta relevan dalam pembuktian jenayah sihir diperlukan dalam kajian ini untuk membuktikan wujudnya fakta isu atau elemen jenayah sihir. Oleh itu, pengkaji telah mencadangkan fakta-fakta relevan tersebut kepada empat perkara asas iaitu i) dakwaan seseorang yang terkena sihir, ii) seseorang yang mempunyai konflik atau perselisihan faham dengan tertuduh, iii) penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik, iv) gabungan semua fakta relevan tersebut menjadi siri perlakuan jenayah. Keempat-empat fakta relevan tersebut boleh dikemukakan sebagai bahan bukti bahawa wujudnya perlakuan jenayah sihir dan mengukuhkan lagi dakwaan seseorang itu disihir. Fakta-fakta relevan ini boleh digunakan oleh pendakwa sebagai garis panduan dalam menjalankan siasatan dan seterusnya pendakwa terhadap pesalah sihir. Penentuan fakta-fakta relevan ini telah diperuntukkan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Pindaan 2005 iaitu dari Seksyen 5 hingga Seksyen 42.³⁴⁵

3. Pembuktian fakta relevan

Secara umumnya, fakta-fakta relevan ini boleh dibuktikan oleh semua kaedah pembuktian sama ada yang disepakati atau tidak disepakati oleh ulama. Namun begitu

³⁴⁵ Lihat bab 4, bahagian 4.1, 94-104.

kajian ini hanya memberi tumpuan kepada dua bentuk keterangan yang dicadangkan oleh pengkaji iaitu melalui *qarinah* dan pendapat pakar. *Qarinah* merujuk kepada fakta yang relevan yang telah disebutkan seperti di atas iaitu dakwaan disihir dikenalpasti melalui tanda-tanda dan kesan. Ini bermaksud tanda-tanda seseorang disihir boleh dibuktikan sebagai *qarinah* dan dikenalpasti oleh saksi pakar iaitu seseorang yang pakar mengenai selok belok ilmu sihir. Selain itu fakta tersebut boleh dibuktikan melalui penyaksian saksi bukan pakar yang terdiri daripada ahli keluarga, sahabat, kenalan rapat dan sesiapa sahaja yang menyaksikan tanda-tanda atau simptom yang dialami oleh mangsa. Seseorang yang pernah mempunyai konflik atau perselisihan faham dengan tertuduh juga merupakan fakta relevan yang boleh dikemukakan di Mahkamah. Ianya merupakan motif yang diklasifikasikan sebagai *qarinah*.

Manakala pembuktian bagi fakta seterusnya iaitu penemuan bahan-bahan sihir perlu dibuktikan melalui keterangan dokumen. Bahan-bahan tersebut boleh dijadikan bukti bahawa wujudnya perlakuan jenayah sihir sama ada ditemui oleh mangsa atau sesiapa sahaja yang menjumpai bahan-bahan tersebut. Sebagai contoh menjumpai kain putih atau kuning, bangkai haiwan dan sebagainya, maka barang-barang tersebut perlu disimpan untuk dijadikan bahan bukti. Seterusnya, apabila kesemua fakta-fakta tersebut digabungkan ianya menjadi satu siri perlakuan jenayah sihir, maka fakta ini perlu dibuktikan melalui keterangan berbentuk pendapat pakar.

Pendapat pakar merujuk kepada tiga jenis pakar iaitu pakar forensik, pakar yang mengetahui selok belok ilmu sihir dan pakar psikologi. Pertama, pakar forensik berperanan untuk mengenalpasti bahan-bahan sihir yang dijumpai oleh mangsa. Pendapat pakar forensik adalah penting dalam pembuktian jenayah sihir kerana dapat memastikan

bahan-bahan tersebut merupakan bahan-bahan sihir sekaligus dapat mengesan penjenayah sihir melalui bahan-bahan yang dijumpai.

Kedua, pakar yang mengetahui selok belok ilmu sihir. Pakar dalam kategori ini terdiri daripada pengamal perubatan Islam yang mempunyai kepakaran dalam mengenalpasti tanda-tanda yang dialami oleh mangsa adalah akibat daripada perbuatan sihir dan dalam masa yang sama boleh merawat mangsa. Dalam Islam, individu yang dahulunya terkenal sebagai ahli sihir tetapi sudah bertaubat dan berhenti daripada melakukan amalan sihir boleh dipanggil sebagai saksi pakar untuk memberikan keterangan berkaitan selok belok ilmu sihir.

Ketiga, pakar psikologi berperanan dalam membantu Mahkamah dalam mengenalpasti kesan penyakit yang dialami oleh mangsa. Selain itu, pakar psikologi juga boleh menyatakan perkaitan antara sihir dan psikologi serta meneliti fakta kes sama ada penyakit tersebut berpunca daripada sihir atau faktor-faktor lain.

4. Tahap pembuktian

Satu perkara penting yang berkait rapat dengan tahap pembuktian adalah beban bukti. Beban bukti dalam pembuktian jenayah sihir adalah terletak kepada pendakwa bagi mengemukakan bukti, namun beban tersebut akan berpindah kepada tertuduh setiap kali tertuduh menafikan fakta dalam pertuduhan sambil mengemukakan keterangan yang cuba menyangkal pertuduhan tersebut.

Sehubungan dengan itu, darjah pembuktian yang boleh dipertimbangkan dalam membuktikan kesalahan jenayah sihir berdasarkan kepada keterangan berbentuk *qarinah* dan pendapat pakar adalah *zann al-ghalib*. Perkara tersebut menjadi pertimbangan kepada

pengkaji dalam menentukan darjah pembuktian adalah disebabkan keterangan *iqrar* dan *syahadah* untuk sampai ke tahap '*yakin*' sukar untuk diperolehi apabila melibatkan jenayah sihir.

Tambahan pula, isu melibatkan ilmu sihir yang pada faktanya tidak dapat dilihat secara langsung menyebabkan ianya amat sesuai dibuktikan melalui dua bentuk keterangan tersebut. Berdasarkan realiti pada hari ini, kadang kala kita dapati bahawa *qarinah* yang wujud adalah lebih kuat daripada penyaksian dan *iqrar*. Keadaan ini berlaku sekiranya *syahadah* dan *iqrar* yang dibuat mempunyai lebih banyak kesangsian daripada kebenaran.

Ditambah pula, hukuman yang termaktub di dalam enakmen hari ini merupakan hukuman ta'zir, maka bertepatan darjah pembuktian dalam kes jenayah syariah yang perlu dicapai adalah sehingga tahap *zann al-ghalib* sahaja. Pada pendapat pengkaji, tahap *zann al-ghalib* adalah tahap yang lebih praktikal untuk diaplikasikan dalam kesalahan jenayah sihir kerana ianya bertepatan dengan hukuman yang tertakluk di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah pada masa kini iaitu hukuman ta'zir.

Walaupun dalam menentukan tahap pembuktian yang dicapai dalam kes sihir ini, perkara utama yang mesti diselesaikan adalah kekuatan hubungan antara fakta relevan (*qarinah*) dengan jenayah itu iaitu adakah hubungan antara fakta relevan (*qarinah*) dengan jenayah itu begitu kuat atau lemah? Memandangkan sihir adalah perkara yang tidak nampak secara langsung, maka persoalan ini agak sukar dijawab. Selain itu terdapat juga beberapa persoalan lain yang berbangkit iaitu adakah *qarinah* dan pendapat pakar yang wujud itu boleh mengaitkan bahawa ia dilakukan oleh tukang sihir tertentu atau tidak? Siapakah yang dikatakan pakar dalam perubatan tradisional dan

adakah kenyataannya muktamad dan boleh dipegang, adakah bomoh atau dukun itu pakar? Adakah apabila seseorang itu tidak dapat dikesan penyakitnya secara moden maka ia dikatakan terkena sihir?

Kesemua persoalan tersebut menunjukkan bahawa hubungan antara fakta relevan dengan fakta persoalan amat lemah. Ini bermakna pembuktian dalam kes ini bakal berhadapan dengan isu kekuatan bukti yang ada. Oleh itu, pada pandangan pengkaji tahap yang dicapai melalui kaedah-kaedah pembuktian ini adalah lemah, boleh dipertikaikan dan sukar untuk mencapai sehingga ke tahap *zan al-ghalib*. Walaupun kedua-dua bentuk keterangan ini relevan, namun ia adalah lemah, dan hanya boleh menjadi penguat kepada kaedah-kaedah lain jika ada seperti *shahadah* dan *iqrar*.

5. Fungsi *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir.

Qarinah dan pendapat pakar mempunyai fungsi yang tersendiri dan mempunyai kelebihan masing-masing daripada aspek pembuktian. Oleh yang demikian, secara ringkasnya *qarinah* dan pendapat pakar mempunyai peranan penting dalam pembuktian jenayah sihir iaitu berfungsi sebagai asas pensabitan dan pengganti kepada peranan *iqrar* dan *shahadah* yang sukar diperolehi. Kedua-dua keterangan tersebut berupaya membuktikan fakta-fakta yang relevan dalam jenayah sihir yang pada zahirnya tidak dapat dilihat pada pandangan mata kasar. Oleh itu, adalah suatu yang mustahil untuk mengemukakan saksi yang menyaksikan sendiri sihir itu dilakukan atau memperoleh pengakuan tertuduh secara sukarela. Justeru, bertepatan dengan pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar yang dilihat dapat menyelesaikan sesuatu isu atau kes yang rumit dan memerlukan bukti-bukti yang dapat menzahirkan sesuatu yang tersembunyi.

Pendekatan yang boleh diambil dalam menjadikan fungsi *qarinah* dan pendapat pakar sebagai keterangan yang relevan adalah dengan mengemukakan seberapa banyak fakta-fakta yang relevan yang terangkum dalam bentuk *qarinah* dan pendapat pakar. Contohnya, fakta-fakta yang dibuktikan membentuk fakta relevan seperti wujudnya tanda-tanda atau kesan sihir pada mangsa. Tanda-tanda tersebut merupakan *qarinah* yang utama menunjukkan bahawa seseorang itu disihir dan membuktikan dakwaan yang dibuat benar. Sementara itu, tanda-tanda itu boleh dikenal pasti oleh golongan yang digelar sebagai pakar iaitu pakar yang mengetahui selok belok ilmu sihir. Oleh itu, pakar ini dapat menjelaskan simptom atau kesan yang dialami oleh mangsa berpunca daripada pengaruh sihir. Oleh yang demikian, pendekatan yang diambil menunjukkan bahawa kedua-dua keterangan tersebut adalah relevan untuk dibuktikan di Mahkamah.

6. Prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir

Secara ringkasnya, prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir adalah dengan menggunakan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 seperti yang telah dijelaskan sebelum ini seperti berikut³⁴⁶ :

- i) Dakwaan terkena sihir dapat dikesan melalui tanda-tanda atau kesan yang terjadi kepada mangsa. Oleh yang demikian, fakta relevan ini selaras dengan Seksyen 7 Akta tersebut yang menyatakan bahawa fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan bagi fakta persoalan atau fakta relevan adalah *qarinah*. Fakta ini juga boleh

³⁴⁶ Bab 4, Prospek pemakaian *qarinah* dan pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir, 130-133

dikaitkan dengan peruntukan bagi Seksyen 14 Akta tersebut yang menjelaskan bahawa fakta yang menunjukkan kewujudan keadaan fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh ialah *qarinah*.

- ii) Seseorang yang mempunyai konflik atau perselisihan faham dengan mangsa, fakta relevan ini telah dijelaskan pada bahagian sebelum ini. Oleh itu, fakta seseorang yang mempunyai konflik atau perselisihan faham dengan mangsa menunjukkan wujudnya unsur motif dalam perbuatan jenayah melibatkan sihir. Fakta relevan ini berkait rapat dan selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 8(1) Akta tersebut, yang memperuntukan bahwa apa-apa fakta yang menunjukkan atau menjadi motif atau persediaan adalah *qarinah*.
- iii) Penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik. Apabila disiasat bahan-bahan ini adalah sinonim dengan bahan-bahan sihir seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Justeru, penemuan bahan-bahan ini bertepatan dengan peruntukan bagi Seksyen 3 Akta tersebut yang mentafsirkan perkataan dokumen sebagai segala benda, bahan, barang atau artikel termasuk segala yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi dan seumpamanya. Oleh itu, bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik disebut sebagai bahan-bahan sihir juga tergolong dalam kategori dokumen. Penemuan bahan-bahan sihir ini juga selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 42 Akta tersebut yang jelas menyatakan bahawa watak buruk dahulu tidaklah menjadi *qarinah* kecuali bagi menjawab. Bahan-bahan tersebut menjadi bukti keterlibatan bomoh atau dukun dalam jenayah sihir.
- iv) Gabungan semua fakta relevan di atas membentuk satu siri pelakuan jenayah. Apabila fakta-fakta relevan seperti di atas digabungkan maka terhasil prinsip yang

disebut sebagai *res gestae*. Oleh yang demikian, prinsip *res gestae* adalah selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 6 Akta tersebut yang menyatakan bahawa fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah *qarinah*.

Sehubungan dengan itu, fakta-fakta relevan seperti di atas perlu dibuktikan selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005(Akta tersebut). Pembuktian fakta-fakta relevan adalah seperti berikut :

3) Keterangan pendapat saksi bukan pakar :

Saksi bukan pakar dalam pembuktian jenayah sihir adalah ahli keluarga yang melihat kesan atau simptom-simptom sihir pada diri mangsa selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 85 Akta tersebut yang menyatakan bahawa keterangan suami, isteri, ibu bapa dan anak adalah *bayyinah*.

4) Keterangan pendapat saksi pakar

Keterangan pendapat saksi pakar merupakan keterangan yang relevan untuk membuktikan jenayah sihir. Pada pandangan pengkaji, pendapat pakar dalam pembuktian jenayah sihir merujuk pada pakar forensik, pakar yang mahir dengan selok belok ilmu sihir iaitu pengamal perubatan Islam dan pakar psikologi. Penjelasan mengenai pendapat saksi pakar telah diterangkan pada bahagian sebelumnya.

Oleh yang demikian, pendapat pakar dalam jenayah sihir selaras dengan peruntukan bagi Seksyen 33 Akta tersebut menyatakan bahawa apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, maka pendapat atas perkara itu daripada

orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, ialah *qarinah*.

Justeru, peruntukan ini bertepatan dengan pembuktian jenayah sihir kerana sihir adalah perkara seni yang memerlukan seseorang yang mempunyai kemahiran khusus mengenai seni yang dapat merungkai persoalan sihir.

Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah boleh menggunakan peruntukan-peruntukan berikut dalam membicarakan kes yang berkaitan dengan jenayah sihir. Para pengamal undang-undang sama ada pendakwa atau peguam perlu merujuk peruntukan-peruntukan tersebut dalam mencari bahan bukti dan menggunakan keterangan *qarinah* dan pendapat pakar dalam perbicaraan kes yang menyentuh soal sihir. Kedua-dua keterangan tersebut adalah relevan namun para hakim perlu mempertimbangkan semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya sebelum memutuskan keputusan dan menjatuhkan hukuman.

Walaubagaimanapun setakat yang dicapai oleh kajian ini, kedua-dua keterangan ini adalah berada pada tahap yang lemah berasaskan faktor-faktor berikut:

- iv. Hubungan antara fakta relevan dan fakta isu (jenayah sihir itu sendiri) adalah lemah kerana tidak zahir dan hubungan antara dalil dan *madlul* adalah lemah.
- v. Seseorang pengamal perubatan Islam mungkin boleh dikatakan pakar dalam bidang berkenaan, namun untuk menerima pendapatnya sebagai asas sabitan kes jenayah sihir adalah sukar. Ini adalah kerana *standard* atau piawaian dalam menentukan pakar itu masih tidak terbukti secara saintifik.

- vi. Laporan daripada pakar-pakar perubatan moden yang tidak menemui sebarang penyakit fizikal bukanlah tanda muktamad yang menunjukkan bahawa seseorang itu terkena sihir.

Namun begitu, ini bukan bermakna keterangan-keterangan tersebut tidak terpakai. Kedua-duanya adalah relevan dan boleh membantu serta menyokong keterangan *iqrar* dan *shahadah* jika ada.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Berdasarkan kesimpulan di atas, maka pengkaji mencadangkan beberapa usaha penambahbaikan yang perlu bagi memastikan ancaman jenayah sihir dapat dibendung melalui mekanisme perundangan. Di antaranya adalah seperti berikut :

5.2.1 Penggubalan Enakmen atau Akta Kesalahan Jenayah Sihir.

Seperti yang pernah dibangkitkan dan heboh diperkatakan kebelakangan ini agar kerajaan dicadangkan untuk mewujudkan Undang-Undang Sihir bagi membendung amalan sihir yang sememangnya telah sebat di kalangan masyarakat kita. Baru-baru ini terdapat satu muzakarah telah diadakan pada 28 sehingga 30 April 2013 iaitu Muzakarah bagi Membincangkan Kajian Undang-Undang Sihir yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP).³⁴⁷ Muzakarah tersebut dihadiri oleh para Mufti, YAA Ketua Hakim Syarie, Ketua Pendakwa Syarie, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama beberapa buah negeri, Ahli-Ahli Akademik, wakil Kementerian Kesihatan, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil Jabatan Kehakiman

³⁴⁷ Siti Asmah, "Ahli Sihir Ke Tali Gantung", Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 15 Mei 2013. Lihat juga http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130515/ba_02/Capai-persetujuan, 15/5/2013.

Syariah Malaysia, pengamal pengubatan Islam dan pengamal undang-undang. Sebanyak lapan kertas kerja dan satu perkongsian pengalaman telah dibentangkan oleh ahli-ahli akademik dan pengamal perundangan termasuk pengamal pusat rawatan Islam yang berkaitan dengan keperluan untuk menggubal undang-undang sihir dalam muzakarah tersebut.

Antara objektif muzakarah ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan daripada pakar-pakar berkaitan pengamalan sihir di Malaysia dan pihak pelaksana yang terlibat secara langsung dalam menangani kes-kes berkaitan amalan sihir. Selain itu, ianya juga membincangkan mekanisme perundangan yang sesuai serta perkara-perkara lain yang berkaitan dalam usaha untuk menghasilkan kajian yang komprehensif bagi menangani isu berkaitan sihir. Resolusi yang diperolehi hasil daripada muzakarah ini iaitu ahli muzakarah bersetuju untuk mewujudkan satu undang-undang khusus mengenai jenayah sihir dan telah membentuk satu pasukan yang diketuai oleh Mahyuddin Ismail sebelum kertas kajian tersebut dibentang dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar beberapa pendekatan diambil bagi menggubal undang-undang jenayah sihir seperti berikut :

- i) Undang-undang jenayah sihir perlu mencakupi bidangkuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.³⁴⁸
- ii) Mengandungi peruntukan berhubung kesalahan jenayah sihir dan prosedur untuk sabitkan kesalahan.

³⁴⁸ Zainul Rijal Abu Bakar, "Akta Sihir Wajar Mencakupi Sivil, Syariah", *Berita Harian*, 18 Oktober 2010.

- iii) Menubuhkan badan khas untuk membuat kajian secara komprehensif berkaitan penggubalan Undang-Undang Sihir yang dianggotai oleh pakar-pakar yang berkredibiliti tinggi terdiri daripada para ulama, pengamal perundangan, ahli-ahli akademik dan pengamal perubatan Islam agar undang-undang tersebut realistik dan boleh dipraktikkan di Mahkamah.
- iv) Menubuhkan Jabatan Khas iaitu Jabatan Siasatan Jenayah Sihir yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab menjalankan segala prosedur yang dinyatakan dalam akta itu nanti.

Usaha bagi mewujudkan satu undang-undang yang berhubung kait dengan amalan sihir dilihat sebagai satu pendekatan yang mampu menyekat kegiatan tukang sihir daripada berleluasa. Undang-undang yang hendak digubal bukan sahaja mampu membanteras penggunaan ilmu sihir dalam kegiatan jenayah malahan ianya juga berupaya menangani gejala memfitnah seseorang sebagai tukang sihir. Memang tidak dinafikan bahawa tuntutan dalam aspek keterangan dan prosedur untuk mensabitkan seseorang tukang sihir di Mahkamah sangat rumit. Namun dengan adanya suatu undang-undang yang memperuntukan hukuman yang sewajarnya, sekurang-kurangnya akan membuatkan mereka berfikir dua atau tiga kali tentang risiko yang bakal ditanggung. Perlu juga diingat bahawa antara tujuan sesuatu undang-undang diperkenalkan bukan setakat mengenakan hukuman yang setimpal kepada pesalah tetapi juga bertujuan untuk mencegah pesalah atau orang lain daripada melakukan kesalahan tersebut pada masa hadapan. Dengan wujudnya Akta sebegini diharap dapat menjadi penghalang kepada mana-mana orang yang ingin menemui tukang sihir bagi melaksanakan niat jahatnya terhadap orang yang lain.

5.2.2 Memasukkan kesalahan jenayah sihir dalam Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri berhubung dengan kesalahan pemujaan salah dan dihukum berdasarkan peruntukan tersebut.

Timbul persoalan apakah kesalahan yang boleh dirangkumkan dalam jenayah sihir? Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kesalahan jenayah sihir dirangkumkan dalam kesalahan pemujaan salah di bawah seksyen 3 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 seperti berikut :

3. Pemujaan salah

(1) Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda-benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

Berdasarkan peruntukan tersebut, kesalahan pemujaan salah mempunyai kaitan dengan amalan sihir yang dilihat sinonim dengan unsur pemujaan dalam menjayakan misi

jenayah tersebut. Pengkaji berpendapat peruntukan tersebut relevan bagi kesalahan jenayah sihir disebabkan syarat utama pengamalan ilmu sihir adalah dengan menggunakan medium pemujaan dan ianya bertepatan dengan peruntukan bagi Seksyen 3(1) iaitu sesiapa yang memuja alam semula jadi atau melakukan perbuatan pemujaan atau rasa hormat terhadap orang, binatang, tempat, atau benda-benda yang menyalahi hukum syarak adalah melakukan suatu kesalahan.

Disamping itu, bagi Seksyen 3 (2) memperuntukkan peranti, barang-barang atau benda yang digunakan bagi tujuan itu hendaklah dirampas dan dihapuskan walaupun tiada siapa yang disabitkan atas kesalahan tersebut. Ini bermakna bahan-bahan pemujaan tersebut perlu dihapuskan. Walaubagaimanapun, pengkaji mencadangkan agar bahan-bahan pemujaan itu disimpan dan tidak dihapuskan untuk dijadikan bahan bukti bahawa seseorang terlibat dengan kesalahan sihir.

5.2.3 Pengaplikasian peruntukan yang terkandung dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri dalam membentuk fakta-fakta relevan dalam pembuktian jenayah sihir.

Sebagaimana kajian yang telah pengkaji jalankan, pengkaji mendapati terdapat fakta-fakta relevan dalam pembuktian jenayah sihir yang boleh diaplikasikan dalam peruntukan yang terkandung dalam Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan atau negeri-negeri. Walaubagaimanapun, pengkaji merujuk kepada Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005 sebagai panduan dalam kajian ini. Ianya seperti dalam jadual berikut :

Jadual 1.0 : Cadangan pengaplikasian peruntukan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah untuk membentuk fakta-fakta relevan bagi pembuktian jenayah sihir.

Bil	Fakta Relevan Dalam Pembuktian Jenayah Sihir	Peruntukan Yang Termaktub Dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) 2005
1.	Takrifan fakta	Seksyen 3: tafsiran fakta
2.	Pembahagian fakta	Seksyen 5: pembahagian fakta i)fakta isu atau persoalan, ii)fakta berkaitan atau <i>qarinah</i>
3.	Dakwaan seseorang yang terkena sihir melalui tanda-tanda atau simptom	Seksyen 7: fakta yang menjadi punca, sebab atau kesan bagi fakta persoalan atau relevan adalah <i>qarinah</i> . Seksyen 14: fakta yang menunjukkan wujud keadaan fikiran atau keadaan tubuh atau perasaan tubuh ialah <i>qarinah</i> .
4.	Seseorang yang mempunyai konflik atau salah faham dengan tertuduh.	Seksyen 8(1) : motif, persediaan dan kelakuan yang dahulu atau kemudian
5.	Penemuan bahan-bahan yang mencurigakan dan pelik	Seksyen 3: Tafsiran dokumen, Seksyen 42 : watak buruk dahulu tidaklah menjadi <i>qarinah</i> kecuali bagi menjawab
6.	Gabungan fakta-fakta relevan di atas	Seksyen 6 : fakta yang menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah <i>qarinah</i>

Jadual berikut menunjukkan fakta-fakta yang relevan dalam jenayah sihir yang boleh diaplikasikan berdasarkan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2005. Pengkaji telah menghubungkan fakta-fakta tersebut dengan peruntukan dalam AKMS yang selaras dan bersesuaian dengan fakta-fakta yang dicadangkan.

5.2.4 Mewujudkan satu peruntukan khas untuk menangkap bomoh atau pawang serta mengadakan intipan dan siasatan terhadap aktiviti perbomohan dan menguatkuasakan peruntukan tersebut.

Selain daripada mewujudkan peruntukan bagi kesalahan jenayah sihir, pengkaji menyarankan agar dikuatkuasakan satu rang undang-undang yang berkaitan dengan penangkapan bomoh atau pawang yang dapat membasmi aktiviti perbomohan daripada berleluasa. Relevannya rang undang-undang ini ditubuhkan adalah untuk mengekang individu daripada terlibat dengan kesalahan jenayah sihir yang pada kebiasaannya dilakukan oleh bomoh atau pawang. Oleh itu rang undang-undang tersebut dapat membasmi amalan sihir dari akar umbinya iaitu dengan melakukan penangkapan terhadap bomoh atau pawang. Oleh yang demikian, peruntukan yang dicadangkan oleh pengkaji seperti berikut :

1. Melakukan aktiviti perbomohan atau amalan sihir.

(1) Mana-mana orang yang melakukan aktiviti perbomohan atau amalan sihir yang boleh membawa kemudaratan kepada mana-mana orang adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya pegawai penguatkuasa agama melakukan penangkapan terhadap tertuduh mengikut Seksyen 10 sehingga Seksyen 18 Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005.

Sehubungan dengan itu, pegawai penguatkuasa agama juga perlu berusaha bagi menyekat aktiviti perbomohan dengan membuat intipan dan seterusnya penangkapan

terhadap individu yang terlibat dalam aktiviti tersebut iaitu sebagaimana prosedur yang terpakai dalam Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005 di bawah seksyen 10 sehingga 18 iaitu bermula dengan prosedur penangkapan, pemeriksaan orang yang ditangkap, kuasa untuk menyita senjata berbahaya sehingga menangkap tanpa waran.

5.2.5 Menjadikan pusat-pusat rawatan Islam sebagai panel rujukan yang diiktiraf dan melahirkan pakar-pakar yang dapat mengesan sihir serta merawat mangsa sihir.

Pengkaji mencadangkan agar pihak berwajib memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengiktiraf para pengamal perubatan Islam sebagai pakar yang boleh memberikan keterangan berbentuk pendapat mengenai selok belok ilmu sihir di Mahkamah. Apabila isu berkaitan pengaruh ilmu sihir dibangkitkan dalam sesuatu kes, maka pengamal perubatan Islam dirujuk dan dipanggil untuk memberikan keterangan di Mahkamah. Secara tidak langsung, ia mampu menjadikan pusat-pusat rawatan Islam sebagai panel rujukan yang diiktiraf dan mendapat pentauliahan daripada Sultan atau raja-raja.

Oleh yang demikian, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri (JAIN) perlu melakukan pemantauan secara berkala dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pusat-pusat rawatan yang didapati mengamalkan kaedah rawatan yang meragukan dan boleh memesongkan akidah umat Islam. Ini disebabkan terdapat banyak pusat rawatan Islam yang muncul kebelakangan ini sering didakwa menggunakan nama pusat rawatan Islam namun menjalankan rawatan

yang bertentangan dengan sunnah Rasulullah dan syariat Islam. Justeru, pemantauan secara berkala amat penting untuk mengelakkan masyarakat mendapatkan rawatan yang menyalahi syarak.

Selain itu, pengkaji mencadangkan agar pihak berwajib seperti JAKIM, JAIN dan pusat rawatan Islam bekerjasama dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi bagi menghasilkan tenaga pakar melalui penawaran program-program dalam bidang rawatan Islam. Usaha untuk menghasilkan tenaga pakar perlu dimulakan dengan mewujudkan bidang pengajian ataupun subjek khusus dalam bidang undang-undang jenayah sihir. Contohnya, mewujudkan subjek undang-undang jenayah sihir, undang-undang keterangan bagi kes-kes jenayah sihir atau seumpamanya.

5.2.6 Mengadakan seminar-seminar, bengkel atau ceramah yang membincangkan keperluan kepada membanteras sihir melalui mekanisme perundangan

Pengkaji berpendapat bahawa sesuatu permasalahan berkaitan isu amalan sihir boleh ditangani dengan mengadakan seminar-seminar, bengkel atau ceramah yang membincangkan keperluan kepada membanteras sihir melalui mekanisme perundangan. Sehubungan dengan itu, wacana ilmiah sebegini dapat menjelaskan keburukan sihir serta kesannya dalam kehidupan bermasyarakat. Disamping itu, ia juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat akan bahaya amalan sihir bahkan ianya memberikan kesan buruk bukan sahaja kepada individu dan keluarga malah menjejaskan keharmonian masyarakat serta menggugat akidah ummah.

5.2.7 Menghebahkan pada media massa atau cetak dengan memaparkan bahaya amalan sihir terhadap pengamalnya dan kesannya kepada individu, keluarga dan masyarakat.

